ABIM SEBAGAI SEBUAH PERGERAKAN SOSIAL

(Satu Analisa Kritis)

oleh

No.Metrik 33328

Mohamad Rosol Baharom

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda
Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Sessi 1980/81

University of Malaya

**Buat Ibu dan Ayah**

**yang memberikan ku didikan, semangat serta doa untuk saya mencapai cita-cita dunia dan akhirat, budi dan jasa mu tidak ternilai dan terbalas......**

**'Ibu segala akhlak ialah empat; keberanian, kebijaksanaan, kesucian diri dan keadilan'.**

**Istemewa Untuk: Adik-adik ku dan juita ku sayang.**

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Untuk menyiapkan kajian ini bukannya mudah, atau harus dianggap sebagai suatu yang kurang penting, kerana ianya memerlukan kepada kesabaran, kerjasama atau pertolongan. Oleh itu, pengkaji tidak akan dapat menyiapkan kajian ini berseorangan, tanpa pertolongan, kerjasama serta nasihat orang tertentu. Disini, pengkaji ingin merakamkan trima kasih kepada Penyelia kajian ini, iaitu Dr. Raymond Lee, yang telah banyak memberi tunjuk-ajar serta nasihat kepada pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa beliau, kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan dengan baik dan sempurna.

Tidak lupa juga pengkaji, pada pihak ABIM, yang telah memberikan kerjasama yang cukup baik pada pengkaji dalam mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan oleh pengkaji. Tanpa kerjasama dan pertolongan, terutama dari Presidem ABIM sendiri, kajian ini mungkin tidak ada. Disini pengkaji ingin merakan setinggi terima kasih pada belia dan Jawatankuasa ABIM yang lainnya. Begitu juga Pengkaji merakamkan terima kasih daun keladi, kepada pihak Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, dan pihak-pihak yang terlibat, yang telah banyak memberikan kerjasama pada pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan jayanya, dari awal sehingga akhir.

Yang Menghargai,

Pengkaji
Alor Setar, Kedah.
24hb. Des. 1980.

## SINOPSIS

Dalam pengkajian ini, 'ABIM Sebagai Sebuah Pergerakan Sosial', pengkaji cuba untuk membuktikan ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial di Malaysia, yang menggunakan Islam sebagai dasar pergerakan. Beberapa cara telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang ABIM. Metode utamanya ialah temubual dan 'labrary research'.

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada beberapa aspek, yang menjadi tajuk utama kepada bab-bab thesis ini. Dalam bab Pengenalan, pengkaji menerangkan, apakah yang akan dikaji, iaitu melihat kepada bidang kajian, tujuan kajian, metode penyelidikan, masalah kajian dan penyelsaiannya. Ini adalah merupakan rangka kajian yang dijalankan.

Bab kedua iaitu teori dan konsep pergerakan sosial, adalah dasar teori kepada kajian ini. Didalam bab ini menerangkan beberapa definasi tentang pergerakan sosial, yang dibuat oleh beberapa orang pengkaji. Dalam bab ini, diterangkan juga secara ringkas suasana dan keadaan yang mengujudkan pergerakan sosial, iaitu suasana dalam masayrakat dan seterusnya menerangkan perkembangan, pemimpin, keahlian dan kaitannya pergerakan dengan masyarakat massa.

Dalam bab ketiga, menerangkan sejarah pembentukan dan tujuan pembentukan ABIM, sebagai memperjuangkan Islam sebagai satu cara hidup. Selain daripada itu diterangkan struktur organisasi ABIM, kepimpinan dan keahlian dalamnya. Dan dijelaskan juga kegiatan ABIM, iaitu kegiatan ugama, sukarela, penerbitan dan am.

Bab keempat menerangkan ideologi dan nilai-nilai dalam ABIM, yang menjadikan ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial. Ini dilihat dari

aspek ciri-ciri keahlian ABIM, yang berdasarkan kepada latarbelakang pendidikan dan sosial. Diterangkan juga tentang pemimpin-pemimpin ABIM yang mempunyai sifat karisma, yang berdasarkan prinsip kepimpinan Islam. Dan melihat bagaimana pandangan ABIM dalam penyelsaian masalah masyarakat majmuk, yang berdasarkan Islam, juga menjelaskan pandangan ABIM terhadap wanita, yang menolak wanita sebagai barang dagangan.

Dalam bab kelima, dijelaskan perhubungan ABIM dengan negara dan pertubuhan Islam diluar, yang menyokong pergerakan ABIM, selain daripada perhubungan dengan Majlis Belia Malaysia. Untuk melihat kegiatan politik ABIM, dijelaskan cara ABIM bergerak, iaitu berdakwah dan kaitan ABIM dengan politik negara dan antarabangsa. Akhirnya dijelaskan perjuangan dan pandangan ABIM dalam pelajaran atau konsep pendidikan yang sebenarnya mengikut Islam, dan dibandingkan dengan dasar pendidikan kebangsaan.

Dan bab terakhir, merumuskan ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial, yang berdasarkan kepada teori pergerakan sosial yang digunakan, iaitu melihat bagaimanakah keadaan yang mengujudkan ABIM, yang akhirnya menjadikan ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial.

University of Malaya

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | Penghargaan | ii |
| | Sinopsis | iii |
| | Rajah | v |
| Bab 1 | PENGENALAN | 1 |
| | Pengenalan. | 1 |
| | Bidang Kajian. | 5 |
| | Tujuan Kajian. | 9 |
| | Metode Penyelidikan. | 12 |
| | Masalah Kajian dan Penyelsaiannya. | 15 |
| Bab 2 | PERGERAKAN SOSIAL SEBAGAI SATU TEORI DAN KONSEP | 18 |
| | Pengenalan. | 18 |
| | Suasana Membangkitkan Ideologi Pergerakan. | 22 |
| | Perkembangan, Interaksi antara Pemimpin dengan Ahli dan antara Pergerakan dengan Masyarakat. | 27 |
| Bab 3 | SEJARAH DAN PEMBENTUKAN ABIM | 35 |
| | Pembentukan dan Tujuan ABIM. | 35 |
| | Struktur Organisasi ABIM. | 44 |
| | Kepimpinan dan Keahlian ABIM. | 53 |
| | Kegiatan ABIM. | 62 |
| Bab 4 | IDEOLOGI DAN NILAI-NILAI DALAM ABIM | 71 |
| | Ciri Keahlian Dalam ABIM. | 71 |
| | Nilai Diri Dalam Kepimpinan ABIM. | 78 |
| | ABIM dan Masyarakat Majmuk. | 86 |
| | ABIM dan Wanita. | 94 |
| Bab 5 | KEGIATAN POLITIK ABIM | 102 |
| | ABIM dan Hubungan Dengan Luar. | 102 |
| | ABIM dan Hubungan Dengan MBM. | 108 |
| | ABIM dan Dakwah. | 113 |
| | ABIM dan Politik. | 121 |
| | ABIM dan Pelajaran. | 129 |
| Bab 6 | KESIMPULAN DAN PENUTUP. | 139 |
| | Kesimpulan. | 139 |
| | Bibliografi. | 146 |


University of Malaya

**RAJAH:**


| | | |
|---|---|---|
| Rajah 1:2 | Bagaimana ujudnya Pergerakan Sosial. | 28 |
| Rajah 1:3 | Struktur Organisasi Muktamar Belia Islam Malaysia. | 46 |
| Rajah 2:3 | Struktur Organisasi ABIM. | 47 |
| Rajah 3:3 | Struktur Jawatankuasa Kerja Pusat. | 48 |
| Rajah 4:3 | Struktur Pentadbiran MBI. | 49 |
| Rajah 5:3 | Struktur Pentadbiran Jawatankuasa Kerja Pusat. | 50 |
| Rajah 6:3 | Struktur Pentadbiran ABIM Negeri dan Daerah. | 51 |
| Rajah 7:3 | Struktur Pentadbiran Muktamar Sanawi. | 52 |
| Rajah 8:3 | Struktur Jawatankuasa Kecil Muktamar Sanawi. | 53. |


University of Malaya

# BAB I

## PENGENALAN PENGKAJIAN

**Pengenalan:**

Pergerakan sosial ialah, 'pengumpulan perlakuan sebagai penerusan untuk mendapatkan perubahan atau menentang perubahan dalam masyarakat atau kumpulan'.[1] Jadi pergerakan sosial adalah merupakan satu bentuk atau cara perubahan masyarakat. Ini menjadikan pergerakan sosial sebagai, 'collective behavior', oleh segolongan orang dalam masyarakat, yang membentuk satu organisasi secara tiba-tiba, dan juga melahirkan pemimpin secara serta merta, yang bertujuan untuk mengubah masyarakat atau mengujudkan nilai atau norma yang baru, sebagai satu bahagian daripada perasaan ketidakpuasan dengan struktur sosial atau institusi yang telah sedia ada.

Dari pengumpulan inilah terbentuknya satu organisasi yang secara tiba-tiba atau dirancangkan, iaitu oleh segolongan belia Islam, sebagai ABIM. ABIM adalah merupakan satu pertubuhan sukarela belia Islam, singkatan kepada 'Angkatan Belia Islam Malaysia',[2] yang didukungi oleh belia Islam dari seluruh Malaysia. Dan bertujuan untuk memperjuangkan Islam sebagai 'ad-din' atau sebagai satu cara hidup yang sempurna.

Kajian yang akan dilakukan, adalah untuk melihat ABIM yang bergerak cergas didalam bidang dakwah atau keugamaan. Apa yang dimaksudkan dengan dakwah ialah 'satu ilmu pengetahuan yang mengandungi cara dan

---

[1] Toch, Hans., '<u>The Social Psychology of Social Movement</u>', Great Britain, 1966, m.s. 5.

[2] <u>ABIM</u>, salah satu pertubuhan sukarela yang didukungi oleh belia Islam, yang dipilih oleh pengkaji untuk melihat tentang pergerakan sosial. Kerana pergerakannya adalah berbeza dari lain-lain pertubuhan atau organisasi sukarela.

University of Malaya

pimpinan bagaimana harus menarik perhatian manusia untuk memahami, menyetujui, menganuti yang akhirnya menimbulkan minat melaksanakan satu konsep penerangan, satu cita, hasrat dan idea, satu harapan dan manisfestasi, baik merupakan cita-cita keduniaan mahupun pengajaran kerohanian dan keugamaan.[3]

Di sini pengkaji akan cuba mengkaji ABIM pergerakannya, sebagai salah satu bentuk pergerakan sosial. Ataupun ABIM sebagai salah satu bentuk pergerakan ugama di Malaysia. Dari makna ABIM sendiri, 'Muslim Youth Movement of Malaysia', dalam Inggerisnya, iaitu perkataan 'movement', menunjukan ujud satu pergerakan, iaitu pergerakan belia Islam. Pergerakan ini menggunakan Islam sebagai dasar perjuangan atau pergerakan, bagi mencapai matlamat yang dibentuk sebagai asas pergerakan atau perjuangan. Dan ABIM menggunakan cara atau bentuk yang tertentu, yang berbeza dari organisasi lain. Inilah tujuan pengkajian ini yang sebenarnya, untuk membuktikan ABIM sebagai pergerakan sosial.

ABIM dipilih sebagai objek kajian kerana pada masa ini kita dapati ABIM dalam pergerakkannya mendapat perhatian dari masyarakat dan kerajaan Malaysia. ABIM sekarang ini merupakan satu organisasi yang telah berkembang diseluruh negara, yang mana tiap-tiap negeri mempunyai organisasinya yang tersendiri. Ini kerana pergerakan ini berbeza dari lain-lain pertubuhan belia yang terdapat di Malaysia, seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia atau Majlis Belia

---

3 Ibrahim Embong, 'Konsep Dakwah', Jawatankuasa Kecil Pelancaran Bulan Dakwah Se Malaysia Tahun 1399/1978, Utusan Printcop Sdn. Bhd, K.L. 1978, m.s. 1.

Malaysia. ABIM memperjuangkan semangat keislaman yang sebenarnya mengikut 'al-quran dan as-sunnah'. Jadi segala kegiatan adalah berlandaskan 'al-quran dan as-sunnah', untuk mengujudkan kesejahteraan seluruh masyarakat tanpa mengira ras atau bangsa. ABIM juga adalah sebuah organisasi sosial yang komplek dari segi struktur dan organisasinya dalam mengatur segala aktiviti atau rancangan dalam mencapai matlamat atau tujuan penubuhannya.

Kerana ABIM merupakan satu organisasi dan pergerakkan yang mendukungi Islam sebagai teras perjuangan, inilah yang akan dikaji untuk melihat apakah ABIM boleh dikatakan sebagai pergerakkan sosial. Ini akan dapat dilihat dalam bab-bab yang akan datang. Kalau dilihat kepada pergerakan sosial yang menjadi fokas kajian ini, didapati terdapat banyak jenis pergerakan yang boleh diklassifikasikan kepada pergerakan massa, pergerakan kerana mengikut satu pergerakan yang telah ada atau 'revitalization movement', dan pergerakan yang berbentuk keugamaan atau 'religious movement' atau 'religious revival',[4] untuk menegakkan satu ideologi yang difikirkan betul atau benar. Ataupun ABIM merupakan pergerakan belia atau 'youth movement'.[5] Inilah yang akan dikaji oleh pengkaji samaada ABIM merupakan salah satu daripada beberapa jenis atau bentuk pergerakan di atas.

---

4 <u>'religious revival'</u>, ialah merupakan satu pergerakan yang diujudkan semula, yang merupakan satu pergerakan yang telahpun ujud sebelum ianya diujudkan semula, atau dengan kata lain sebagai penerusan dari apa yang telah ujud.

5 <u>'youth movement'</u>, ialah merupakan pergerakan pemuda atau belia, yang mana dalam pergerakan ini ahlinya atau orang yang menyertai pergerakan adalah terdiri dari golongan pemuda atau belia.

University of Malaya

Atau kalau dilihat dari segi organisasi ABIM sendiri, adakah ABIM merupakan satu bentuk organisasi yang 'specific' atau 'general organization', yang dirujuk kepada struktur organisasinya. Dilihat kepada struktur organisasinya, terdapat satu sistem birokrasi atau susunan hairaki, yang mengikut sistem pentadbiran atau kerajaan Islam. Kedudukan dalam susunan ini berdasarkan kepada pemilihan yang bercorak demokrasi, iaitu terdapat pencalunan dan pengundian yang akhirnya terdapat sistem 'membaiahkan' atau memberi persetujuan, seperti dalam sistem politik Islam.

Kajian ini dijalankan di ABIM pusat, iaitu di Kuala Lumpur yang menjadi perancang segala aktiviti atau pergerakan yang ada dijalankan oleh semua cawangannya. Di organisasi pusat inilah terdapatnya pemimpin-pemimpin ABIM yang terkenal, dan merupakan penggerak utama kepada pergerakan ini. Mereka ini merupakan tokoh-tokoh belia atau pemimpin-pemimpin belia yang berkalibar dan mempunyai tokoh kepimpinan yang tinggi. Inilah merupakan responden kepada pemgkaji untuk mendapatkan matlumat yang dikehendaki untuk keperluan kajian ini. Selain daripada pengkaji mendapatkan matlumat dari beberapa orang ahli ABIM dengan cara temubual atau 'interview', untuk mendapatkan matlumat dan pandangan mereka tentang ABIM dan penyertaan mereka dalam ABIM.

ABIM sebagai sebuah organisasi yang didukungi oleh Belia Islam, yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Selain daripada itu ABIM bukanlah dimonopoli oleh segolongan belia sahaja, seperti pelajar atau guru atau pegawai kerajaan, tetapi diwakili oleh berbagai golongan

belia, walaupun mempunyai cara yang tersendiri atau berlainan dalam pergerakannya, tetapi mempunyai matlamat dan tujuan yang sama. Berdasarkan kepada perkara inilah, pengkaji cuba untuk menjelaskan seberapa yang dapat , bahawa ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial yang terdapat di Malaysia.

Bidang Kajian:

ABIM merupakan salah satu bentuk pergerakan sosial yang menggunakan Islam sebagai landasan atau dasar pergerakan, adalah mempunyai organisasi dan struktur yang tersendiri. Apa yang dikaji ialah organisasi ABIM itu sendiri sebagai satu bentuk pergerakan sosial. Akan dilihat juga pergerakan ini, yang mempunyai tujuan dan matlamat yang tersendiri dengan menggunakan institusi yang dibentuk dalam organisasi asasnya. Dalam kajian ini juga, akan dilihat bahawa ABIM sebagai organisasi yang dilembagakan secara legal atau sah yang menjadi sebuah organisasi sosial.

Apa yang menjadi fokas atau dasar kajian ini, ialah berkaitan dengan organisasi dan apa yang dimaksudkan dengan organisasi sosial.[6] Dimana apa yang dimaksudkan dengan organisasi sosial ialah susunan atau struktur sesuatu institusi atau kesatuan yang dibentuk atau dilembagakan atau tidak. Ini akan dilihat, iaitu melibatkan kajian mengenai pembentukan organisasi ABIM dan tujuan pembentukannya, dan adakah ianya menjadi organisasi sosial yang sebenarnya. Selaian daripada itu,

---

[6] Pengkaji tidak akan menerangkan konsep dan teori organisasi sosial secara mendalam, cuma yang akan disentuh ialah mengaitkan organisasi sosial dalam melihat struktur organisasi ABIM, yang menjadi satu organisasi sosial yang dilembagakan, dan bagaimana ianya dibentuk.

kajian juga akan ditumpukan kepada struktur organisasi untuk melihat ianya sebagai organisasi yang formal atau tidak. Dalam melihat organisasi ini juga akan dikaji tentang jenis kuasa dan kuat-kuasa yang terdapat dalam organisasi. Begitu juga akan disentuh berkenaan dengan bentuk kepimpinan sebagai penentu kepada pembentukan dasar atau pergerakan organisasi yang dibentuk. Selain daripada itu pengkaji juga akan mengakji peranan sesuatu organisasi sebagai ejen perubahan masyarakat atau 'social change'.

Dalam kajian ABIM sebagai pergerakan sosial, tumpuan juga akan dibuat atau dilihat kepada teori dan konsep pergerakan sosial. Ini akan melibatkan kepada kajian apa yang dimaksudkan pergerakan sosial atau 'social movement'. Selain daripada melihat definasi pergerakan sosial, pengkaji juga akan menyentuh tentang apakah masalah yang menyebabkan timbulnya atau terbentuknya satu pergerakan sosial itu. Di sini pengkajian juga menumpukan kepada bentuk keahlian dan organisasi untuk melihat sesuatu pergerakan sosial. Kemudian pengkaji juga akan menyentuh tujuan pergerakan sosial dan bentuk-bentuk pergerakan sosial yang ujud sebagai satu bentuk pergerakan yang akan membawa atau menentang perubahan dalam satu masyarakat atau kumpulan. Ideologi juga akan dilihat dalam melihat pergerakan sosial, sebagai satu bentuk dan sesuatu yang diperjuangkan dan akan dilihat juga ragam dari pergerakan sosial yang ujudkan pergerakan.

Dalam melihat ABIM sebagai salah satu bentuk pergerakan sosial, pengkajian akan dibuat dengan cara yang terperinci akan organisasi ABIM itu sendiri sebagai objek kajian. Ini akan melibatkan

kajian berkenaan dengan bagaimana ABIM dibentuk atau pembentukan ABIM sebagai satu organisasi sosial. Di sini juga akan dilihat tentang tujuan pembentukan ABIM yang menjadi matlamat utama pergerakan dan pencapaian kepada tujuan pembentukkannya. Kemudian kajian juga akan melihat keahlian dan bentuknya dalam ABIM, dalam menentukan bentuk pergerakan sesuatu organisasi. Selain daripada keahlian dan bentuknya, pengkaji juga akan cuba untuk menerangkan tentang struktur organisasi ABIM dan bentuk-bentuk kepimpinan yang ujud didalam ABIM sebagai satu daripada ciri-ciri organisasi sosial atau pergerakan sosial, yang menentukan pergerakan dan pembentukan dasar pergerakan. Konflik juga dikaji oleh pengkaji sebagai satu ciri yang ujud dalam satu organisasi, yang dapat kita klaskan kepada konflik keahlian dan kepimpinan, dan pergerakan ABIM itu sendiri yang penting dalam kita melihat ABIM sebagai satu pergerakan sosial. Ini akan dikaji apakah ABIM merupakan organisasi politik atau apakah kaitannya dengan politik tanah air. Selain daripada kegiatan ABIM dalam bidang dakwah yang merupakan cara pergerakan utama ABIM dalam mencapai cita-cita Islamiah yang diperjuangkan sebagai asas pergerakan.

Dalam hal ini juga akan disentuh apakah kaitan ABIM dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) yang menjadi tunjang kepada pergerakan ABIM, dan juga MBM sebagai organisasi belia yang didukungi oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia. Selain daripada itu pengkaji juga akan melihat kaitan ABIM dengan organisasi Islam atau pertubuhan Islam didalam dan luar negeri, yang menjadi tulang belakang atau penyokong kepada pergerakan ABIM dari segi kebendaan atau moral. Kajian juga akan ditumpukan kepada pandangan ABIM terhadap penyelesaian

masalah masyarakat majmuk. Ini kerana Islam sebagai suatu ugama yang memperjuangkan keadilan atau 'justice' yang tidak mengira kaum, ugama atau ras. Kajian juga akan dibuat untuk melihat bagaimana pandangan ABIM terhadap dasar pelajaran di Malaysia yang menjadi asas atau dasar pendidikan diperingkat rendah atau tinggi, dimana ABIM memperjuangkan konsep pendidikan Islam yang pentingkan kepada pendidikan moral. Jadi apa yang akan dikaji oleh pengkaji ialah pergerakan ABIM yang meliputi aspek ekonomi, politik, sosial dan keugamaan. Inilah yang menjadikan ABIM sebagai satu bentuk pergerakan sosial atau ugama.

Dalam kajian ini pengkaji juga akan cuba menilai dengan cara kritis apakah ABIM merupakan pergerakan sosial atau ugama. Dalam menilai ini pengkaji akan melihat apakah kegiatan-kegiatan ABIM bagi mencapai matlamat pergerakan boleh dianggap sebagai satu pergerakan atau 'movement'. Atau kalau dilihat kepada pembentukan organisasi ABIM sendiri pengkaji akan cuba melihat apakah ABIM telah berjaya membentuk satu organisasi yang boleh diklaskan kepada atau dikatakan organisasi pergerakan sosial. Kemudian pengkaji juga akan menyentuh, apakah dapat ABIM mencapai matlamatnya sebagai satu organisasi pergerakan sosial kalau dirujuk kepada tujuan pergerakan sosial sebagai ejen perubahan masyarakat. Inilah yang menjadi tumpuan utama pada pengkaji dalam melihat ABIM sebagai suatu pergerakan sosial.

Tujuan Kajian:

Disebabkan ABIM adalah merupakan satu pertubuhan atau organisasi Belia Islam yang bergerak cergas dalam menegakan Islam sebagai satu 'ad-din' di Malaysia. Maka tujuan kajian adalah untuk menunjukan bahawa ABIM sebagai satu pergerakan sosial yang menggunakan Islam sebagai landasan perjuangan. Di sini kajian ini akan cuba membuktikan bahawa ABIM sebagai sebuah organisasi sukarela yang berusaha dengan segala keupayaan yang ada dan tenaga dalam mengembelingkan tenaga Belia Islam untuk bersama-sama berkerjasama, berkhidmat serta menyumbangkan tenaga bakti, bantuan dan sokongan bagi meningkatkan taraf hidup dalam semua bidang termasuk aspek kehidupan mengikut ajaran Islam sebagai 'ad-din' itu.

Tujuan kajian ini dibuat dapat dibahagikan kepada beberapa aspek yang penting seperti:-

1. Kajian ini akan melihat peranan Belia Islam yang bergabung dalam satu organisasi yang dikenali sebagai ABIM yang menunjukan 'commitment' mereka, yang membentuk satu dasar untuk memperjuangkan Islam sebagai satu cara hidup tanpa mengira ugama, ras atau bangsa. Dimana belia-belia ini bergerak cergas atau aktif dalam semua bidang yang bergabung dalam sebuah organisasi sukarela iaitu ABIM. Dimana ABIM bukan dibentuk atas dasar sentimen atau perkauman, tetapi atas dasar kesedaran yang mendalam dalam meyakini Islam sebagai suatu yang baik untuk semua penghidupan. Pergerakan ini berdasarkan kepada rasa kesedaran Islam yang tinggi.

2. Selain daripada itu kita dapati terdapat banyak halangan dalam pergerakan ini akibat dari kurangnya kefahaman akan tujuan dan matlamat perjuangannya. Ini menjadikan ABIM menghadapi masalah dan gangguan dari pihak-pihak yang tertentu yang menganggap ABIM menjadi penghalang kepada mereka. Ini jelas dengan penangkapan Presiden ABIM sendiri (Saudara Anwar Ibrahim). Anggapan-anggapan ini seperti ABIM sebagai sebuah organisasi politik, yang bergerak secara radikal atau 'extreme', satu pertubuhan yang berbentuk perkauman atau sentimen dan lain-lain lagi. Jadi kajian ini akan cuba menunjukkan apakah peranan ABIM yang sebenarnya dan bagaimanakah ianya bergerak dan tujuan pergerakkannya. Dengan ini diharapkan dapat menghilangkan rasa ragu-ragu terhadap perjuangan ABIM dikalangan masyarakat atau pihak-pihak tertentu, akan perjuangannya. Pengkaji juga akan cuba melihat atau mengkaji betapakah ABIM sebagai sebuah pergerakan yang dianggap mempunyai tujuan suci dalam menegakkan Islam, mendapat sokongan dari dalam dan luar negeri. Ini lebih jelas dimana negara-negara Islam dan pertubuhan Islam di luar negeri meminta jasa baik kerajaan Malaysia supaya membebaskan Presiden ABIM yang ditahan, dan ini berjaya dimana Presiden ABIM dibebaskan tanpa syarat.[7]

3. Kajian ini juga akan cuba memberi gambaran tentang fenomena sosial yang ujud di Malaysia khususnya yang melibatkan para belia dan umat Islam seluruhnya. Fenomena ini dipandang oleh ABIM

---

7 Presiden ABIM, iaitu Sdr. Anwar Ibrahim telah ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), setelah beliau melibatkan diri dalam satu demontrasi pelajar, setelah 2 tahun dipenjarakan, beliau telah dibebaskan oleh kerajaan pada 24hb. September 1976, tanpa syarat.

University of Malaya

sebagai suatu yang 'serious' pada masa sekarang ini, iaitu masalah penjajahan fikiran Belia Islam dengan Kebudayaan barat yang berlandaskan nafsu dan kebendaan. Ini banyak melibatkan kaum belia yang merupakan jumlah yang terbesar dalam komposisi penduduk di Malaysia. Dengan peresapan kebudayaan barat ini, kepada kaum belia yang bakal menjadi printis jenerasi akan datang, menjadikan satu keadaan yang tidak tenteram, dan perlepasan kepada moral dan ethika yang menjadi asas penghidupan manusia. Dengan ujudnya fenomena inilah melahirkan segolongan Belia Islam yang sedar akan keadaan ini, dan telah membentuk ABIM yang cuba memainkan peranan sebagai sebuah organisasi sukarela untuk menyelesaikan masalah atau fenomena yang ujud itu. Ini dapat memberi gambaran kepada kita untuk memahami apakah fenomena sosial yang ujud di Malaysia dan cara penyelesaian yang patut dilakukan, dan ini menjadikan Islam diambil sebagai cara penyelesaian kepada fenomena yang ujud ini.

4. ABIM sebagai organisasi pergerakan sosial. Ini akan dilihat atau dikaji oleh pengkaji samaada ABIM memang sebenarnya satu pergerakan sosial atau pergerakan ugama atau pergerakan pemuda atau 'youth movement'. Dimana kesemua bentuk pergerakan ini adalah sebagai pergerakan sosial tetapi cara pergerakan, ahli dan juga ideologi yang membezakan pergerakan-pergerakan itu. Dengan kajian ini akan cuba diterangkan apakah ABIM termasuk dalam salah satu daripada bentuk-bentuk pergerakan di atas. Pengkaji juga akan cuba mengkaji bagaimanakah organisasi ABIM itu sebagai organisasi yang formal atau legal atau

University of Malaya

sesuatu yang khusus. Semua ini akan dilihat dengan cara terperinci supaya pemahaman terhadap ABIM tidak bertentangan dengan apa yang sebenarnya dilakukan oleh ABIM. Oleh itu pengkaji akan cuba menekankan dari segi organisasi dan pergerakannya, selain daripada melihat apakah Islam sebagai dasar perjuangan hanya menjadi 'banner' atau pelindung kepada pergerakkan ABIM yang sebenarnya.

Oleh itu tujuan dan kajian ini akan dapat difahami dengan lebih lagi dalam bab-bab yang seterusnya dalam menganalisa dan memahami ABIM sebagai pergerakan sosial atau pertubuhan sukarela yang mempunyai tujuan dan kepentingan penubuhannya.

<u>Metode Penyelidikan</u>:

Metode penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat atau data untuk melihat atau mengkaji ABIM sebagai satu organisasi pergerakan sosial ialah:-

1. Metode 'interview' atau temubual yang menggunakan 'accidental interview'.
2. Metode penyamaran atau 'incognito'.
3. 'Library research'.
4. Penyemakan dari fail dan bahan bercetak ABIM serta majalah dan akhbar.

Metode yang pertama yang merupakan asas penyelidikan ini ialah 'interview' atau temubual yang dilakukan secara langsung dan tidak langsung. 'Interview' ini dilakukan dengan pemimpin-pemimpin

terpenting ABIM seperti Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari dan Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Wanita dan lain-lain yang berkaitan. 'Interview' ini dilakukan secara langsung dengan pemimpin-pemimpin ini. Selain daripada menggunakan 'interview' secara langsung pengkaji juga menggunakan 'interview' secara tidak langsung atau 'accidental interview'. Ini digunakan pada ahli-ahli ABIM bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan tanpa diketahui oleh orang yang di 'interview' tujuan atau maksud pengkaji menemubualnya. Selain daripada mendapatkan maklumat tentang ABIM juga mendapat maklumat kenapa mereka menyertai ABIM. Dengan cara ini juga pengkaji dapat mengelakan supaya orang yang di 'interview' itu dapat memberikan matlumat yang dikehendaki. Jadi metode ini merupakan metode yang utama dalam mengumpulkan maklumat atau data tentang ABIM. Metode ini digunakan untuk membantu metode 'observation' pada awalnya.

Cara dan metode ini digunakan adalah untuk mengelakkan dari menggunakan atau menyediakan satu set 'questionnaire' yang tidak sesuai digunakan dalam kajian ini. Dan juga ianya mempunyai masalah untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan atau dikehendaki oleh pengkaji. Metode ini tidak sesuai kerana pengkaji tidak dapat mengetahui siapakah ahli-ahli ABIM. Ini menjadikan susah bagi pengkaji untuk mengedarkan set-set 'questionnaire' yang disediakan. Selain daripada itu mungkin jawapan yang diberi adalah tidak benar dan juga mungkin soalan tertentu tidak akan dijawab. Selain daripada itu penggunaan metode 'interview' adalah untuk pengkaji dapat menyesuaikan diri dengan organisasi yang hendak dikaji, dan lebih memudahkan

perbualan dan pertanyaan soalan yang dibuat nanti. Dengan cara ini akan mengujudkan 'rapport' diantara pengkaji dengan responden. Dengan menggunakan metode ini juga pengkaji akan mendapatkan kerjasama dari responden sepenuhnya. Metode ini adalah paling sesuai digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji organisasi ABIM. Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan cara penyamaran untuk dapat berbual dengan ahli-ahli ABIM untuk mendapatkan maklumat supaya perbualan yang dibuat tidak terganggu. Ini kerana kalau mereka mengetahui tujuan perbualan itu mungkin pengkaji tidak akan mendapat layanan atau pun maklumat yang sebenarnya.

Cara kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data atau maklumat yang berkenaan dengan konsep dan teori pergerakan sosial dan organisasi, adalah menggunakan metode 'library research'. Selain daripada itu pengkaji juga mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan ABIM di Perpustakaan ABIM dan Universiti Malaya, dalam bentuk buku, majalah, lapuran-lapuran tahunan yang dibukukan. Dari buku lapuran tahunan ABIM yang terdapat diperpustakaan juga, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dan data-data yang diperlukan. Metode inilah yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan bahan yang berkenaan pergerakan sosial dan organisasi sebagai dasar teori dan konsep dalam melihat ABIM sebagai pergerakan sosial. Kerana konsep dan teori ini tidak boleh kita dapati dari lain-lain sumber kecuali di Perpustakaan sahaja.

University of Malaya

Selain daripada metode di atas, pengkaji juga menggunakan metode penyemakan dari fail-fail dan buku-buku lapuran tentang kegiatan ABIM setiap tahun, yang boleh didapati dari Pejabat ABIM sendiri. Ini pengkaji lakukan dengan pergi sendiri ke Pajabat ABIM dan mengambil segala maklumat yang terdapat serta data-data yang diperlukan. Cara ini lebih baik selain daripada cara 'interview', kerana segala maklumat tentang ABIM direkodkan atau difailkan, dan ini memudahkan pengkaji membuat analisa. Selain daripada penggunaan fail dan risalah yang terdapat di Pejabat ABIM, pengkaji juga membuat kajian tentang ABIM dari bahan bercetak yang dikeluarkan oleh ABIM sendiri. Ini dibuat oleh pengkaji di Perpustakaan Islam di Pejabat ABIM dan dari bahagian penerbitan ABIM.

Semua metode yang digunakan di atas oleh pengkaji adalah dianggap paling sesuai sekali memandangkan ABIM sebagai satu organisasi yang sangat diambil perhatian oleh kerajaan dalam setiap aktiviti dan gerakannya. Pengkaji juga menganggap bahawa metode lain adalah sukar untuk digunakan dalam mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan serta kerjasama.

Masalah Kajian:

Dalam mendapatkan maklumat atau data berkenaan dengan ABIM, pengkaji tidak boleh tidak akan menghadapi masalah yang akan mengganggu perjalanan kajian ini. Masalah ini adalah berkaitan dengan metode kajian yang digunakan, responden, maklumat dan data-data. Tetapi,

walaubagaimanapun ini dapat diatasi oleh pengkaji, walaupun tidak sepenuhnya atau kesemuanya dapat diatasi atau diselesaikan. Data dan maklumat yang berkaitan dengan ABIM mula dikumpulkan pada bulan Februari tahun 1980 sampai bulan September 1980.

Metode yang digunakan sebagai asas ialah metode 'interview', yang menimbulkan masalah pada pengkaji iaitu, maklumat yang agak sensitif kurang mendapat jawapan dari responden, kalaupun jawapan itu diberikan tetapi tidak memuaskan atau sempurna. Ini jelas dalam hal-hal politik dan kerajaan. Selain daripada itu, pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan responden yang mana responden adalah merupakan orang yang berkerja dengan kerajaan atau swasta dan dalam berbagai bidang pekerjaan. Ini menjadikan susah untuk pengkaji bertemu dengan respondennya, dan juga susah untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Sehingga dua tiga kali pengkaji ke Pejabat ABIM baru bertemu dengan mereka. Dalam mencatitikan semua maklumat yang diberikan, semasa 'interview' dijalankan juga kadang-kala tidak dapat dicatitkan. Ini kerana perbualan yang dilakukan tidak dibenarkan dirakam dan hanya boleh dicatit selepas satu-satu perbualan itu selesai.

Berkenaan dengan responden juga, pengkaji menghadapi masalah. Ini kerana kita dapati ABIM sebagai sebuah organisasi sukarela, dan ini menunjukan bahawa keahlian dan kepimpinan yang terdapat didalamnya juga adalah secara sukarela. Ini menjadikan mereka tidak berada di Pejabat ABIM sepanjang masa atau pada masa mereka berkerja atau waktu pejabat. Ini menjadikan pengkaji sukar untuk bertemu dengan mereka, kerana mereka hanya boleh ditemui selepas waktu kerja, dan

itupun kalau mereka datang ke Pejabat ABIM. Kalau tidak pengkaji terpaksa menunggu masa yang lain. Dan ini kadang-kala banyak masa terbuang. Pengkaji tidak boleh pergi kerumah responden kerana pengkaji tidak mempunyai kemudahan, iaitu kenderaan dan juga pengkaji tidak tahu samaada responden berada dirumah atau tidak semasa pengkaji pergi ke sana.

Maklumat dan data juga menjadi masalah pada pengkaji. Ini kerana ada maklumat atau data yang dikehendaki oleh pengkaji tidak ada atau hilang. Ini kerana ABIM baru sahaja berpindah pejabatnya, dan ini melibatkan perpindahan semua bahan yang terlibat dengan gerakan ABIM. Pada masa pengkaji membuat kajian di pejabat yang barunya di-Jalan Pantai, belum terdapat penyusunan yang baik dan masih lagi dalam proses penyusunan semula. Selain daripada itu, data-data yang lalu kebanyakkannya sudah tidak ada lagi, dan ini susah untuk pengkaji membuat perbandingan berkenaan data. Oleh itu data yang diperolehi terlalu sedikit dan kurang sempurna.

Kemudian ada juga pemimpin ABIM yang tidak dapat dihubungi, tetapi cuma mendapat maklumat dari ahli-ahli ABIM yang mengetahui tentang diri mereka. Ini ialah kerana pemimpin-pemimpin ini tidak tinggal di Kuala Lumpur dan tinggal diserata tempat di Malaysia. Dan pengkaji tidak dapat mencari mereka kerana masalah keawangan dan juga kemudahan kenderaan dan pengkaji tidak tahu dimana mereka tinggal.

# BAB II

## PERGERAKAN SOSIAL SEBAGAI SATU TEORI DAN KONSEP

**Pengenalan:**

Untuk mendefinasikan pergerakan sosial yang sebenarnya adalah cukup sukar, kerana ianya harus dilihat dari latarbelakang sosial dan persekitaran, kerana kalau hendak dilihat dari segi pergerakan sosial itu sendiri, terdapat berbagai-bagai bentuk pergerakan dari bentuk 'crowd', sehinggalah keperingkat yang boleh dikenali sebagai revolusi.

Pada umumnya dapatlah didefinasikan pergerakan sosial itu sebagai, 'satu perkumpulan perlakuan yang mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu'. Ini menunjukan segolongan manusia yang merasakan tidak puas hati dengan apa yang sedia ada dan cuba untuk mengujudkan satu keadaan yang baru. Jadi di sini kita dapati pergerakan sosial adalah sebagai ejen perubahan sosial. Oleh itu pergerakan sosial adalah, 'pengumpulan perlakuan sebagai perneruscan untuk mendapatkan perubahan atau menentang perubahan dalam masyarakat atau kumpulan sebagai satu bahagian'[8] atau pergerakan sosial dapat dilihat sebagai:

> 'a social movement represents an effort by a large of people to solve collectively a problem that they feel have in common'.[9]

---

8 Hans Toch, '<u>The Social Psychology of Social Movement</u>', Great Britain, 1966, m.s. 5.

9 Ibid, m. s. 5

Dari sini kita dapati, pergerakan sosial adalah merupakan satu bentuk pergerakan yang keseluruhannya adalah diperlihatkan sebagai perubahan didalam perhubungan manusia dengan manusia, juga sikap mereka. Oleh itu pergerakan sosial adalah satu akibat dari keadaan yang ujud dalam masyarakat yang menjadikan manusia bertindak dan berkumpula bersama-sama.

Oleh itu pergerakan sosial adalah merupakan kumpulan individu yang berkongsi sesuatu motif yang secara tiba-tiba atau segera untuk menentang atau mengugut, dan berinteraksi antara satu sama lain. Keadaan ini ujud adalah berkaitan dengan keadaan yang dihadapi oleh kumpulan yang membentuk pergerakan itu, keadaan ini menjadikan mereka merasakan tidak tenteram atau tertindas. Dari tujuan inilah mereka bersatu. Oleh itu Heberle mengatakan:

> 'the main criterion of a social movement, then, is that it aims to bring about fundamental changes in the social organization, especially in the basic institution of property and labour relationship'.[10]

Kumpulan yang mengujudkan pergerakan ini, adalah kumpulan manusia yang merasakan tertindas dan tertekan seperti golongan petani atau miskin. Jadi kumpulan ini cuba untuk mengubah atau menyokong perkara yang sedia ada, seperti polisi atau rancangan kerajaan. Ini jelas dari definasi Cameron iaitu:

---

10 Muzafer Sharif & Carolyn W. Sharif, 'Social Psychology', m.s. 543.

'A social movement occurs when a fairly large number of people bond together in order to alter or support some of the existing social systems'[11]

Dalam hal ini dapat dilihat, bahawa pergerakan sosial yang ujud sebagai 'reform oriented', yang mempunyai satu tujuan yang khusus. Ini menjadikan pergerakan itu berlanjutan seterusnya atau merupakan satu yang segera, dan kemudiannya hilang setelah apa yang diperjuangkan itu tercapai atau gagal. Tetapi ini bukanlah merupakan satu perkara yang selalu terjadi, dimana satu pergerakan itu akan juga berterusan setelah ianya mencapai tujuannya.

Dari tujuan pergerakan itu sebagai bentuk 'reform-oriented', telah mengujudkan 'reform movement'. Dimana pergerakan ini adalah cuba untuk memperbaiki masyarakat sebagai satu keseluruhan, melalui memperbaiki aspek-aspek tertentu dalam struktur masyarakat. Ini menunjukan 'reform movement adalah memusatkan kepada satu isu dan cuba untuk memperkenalkan dalam masyarakat. Ini menjelaskan 'reform movement' ialah:

'A contemporary reform movement currently in the news is the enviromental movement, it includes people from a variety of backgrounds and occupation dedicated to the careful use and preservation of the nation's natural resources'.[12]

---

11 Ibid, m.s. 543.

12 David Popenoe, '<u>Sociology</u>', Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs, NJ, 1977, m.s. 419.

University of Malaya

Oleh itu, 'reform movement', adalah melihat kehadapan tujuan yang baru, untuk membetulkan masalah yang ujud dalam masyarakat atau peraturan sosial yang dibentuk. Atau dengan kata lain cuba untuk membentuk atau membaharui beberapa bahagian dalam masyarakat. Kebanyakan 'reform movement', hanyalah boleh dilakukan di negara demokrasi, dimana mempunyai kebebasan untuk mengkritik institusi yang ujud dan menukarkan dengan pendapat atau suara ramai yang harus diterima.

Jadi pergerakan sosial adalah merupakan satu sistem perubahan yang kompleks, untuk mengujudkan atau mengekalkan satu nilai hidup yang baru. Oleh itu pergerakan sosial di sini, sebagai perlanjutan atau 'revival movement'. Iaitu perlanjutan dari pergerakan yang ujud lebih awal lagi, kerana apa yang hendak diubah atau dicapai masih lagi belum tercapai.

Ini menjadikan pergerakan sosial adalah sebagai missi, sebagai jalan untuk mencerminkan proses perubahan budaya. Oleh itu orang yang menyertai missi ini, mempunyai perasaan yang sama, dan perasaan inilah yang menjadikan mereka bertindak bersama-sama.

Ini mengujudkan satu 'collective action', yang tidak dilembagakan bagi mendapatkan perubahan yang dirancangkan. Oleh itu pergerakan adalah merupakan sumber atau bahan bagi nilai-nilai baru yang hendak diujudkan. Ini menjadikan pergerakan sosial itu, bukanlah satu institusi, tetapi merupakan satu kesedaran atau percubaan massa untuk membawa perubahan. Jadi pergerakan sebagai satu proses interaksi, dimana antara mereka bertukar-tukar idea atau boleh mempengaruhi antara satu sama lain.

Oleh itu pergerakan sosial adalah merupakan satu 'collective behavior', oleh segolongan orang dalam komuniti atau kumpulan, yang membina atau membentuk satu organisasi secara tiba-tiba, dan juga melahirkan pemimpin secara serta merta, yang bertujuan untuk mengubah masyarakat atau mengujudkan nilai yang baru dalam masyarakat sebagai satu bahagian daripada perasaan ketidakpuasan dengan struktur sosial atau institusi yang sedia ada.

Suasana Membangkitkan Ideologi Pergerakan:

Daripada definasi pergerakan sosial, didapati ujudnya, adalah hasil daripada keadaan yang ujud dalam masyarakat itu sendiri. Keadaan yang ujud inilah, yang dianggap sebagai satu yang tidak dapat diterima yang menjadikan ujudnya 'collective behavior', yang cuba untuk mengubah keadaan atau masalah yang ujud itu. Inilah yang menjadi ideologi kepada pergerakan, dimana ideologi dalam satu pergerakan sosial, adalah merupakan perkara penting sebagai 'motivational base'. Iaitu sebagai asas pergerakan, yang dapat dilihat dari tujuan dan matlamat pergerakan itu.

Dari suasana dan keadaan yang ujud dalam masyarakat, dan menjadi ideologi pergerakan, menimbulkan berbagai bentuk pergerakan, dari bentuk radikal ke bentuk bantahan atau perlahan-lahan. Dan ideologi inilah yang akan digunakan untuk membentuk strategi atau tektik pergerakan. Ini menjadikan pergerakan itu sebagai satu pergerakan yang khusus iaitu; menunjukkan satu perbezaan antara satu yang simple kepada satu hujjah atau penerangan dan imej yang kompleks.

University of Malaya

Salah satu masalah yang mengujudkan pergerakan sosial ialah, kegelisahan sosial atau 'social unrest'. Kegelisahan ini ujud dari keadaan masyarakat sendiri, seperti kemiskina, penindasan atau layanan yang tidak adil atau memuaskan. Oleh itu orang-orang yang merasakan ini akan membentuk satu pergerakan untuk mengubah keadaan yang ada. Ini akan membentuk satu ideologi, yang berperanan dalam membentuk penyertaan dalam pergerakan. Ideologi ini dapat dilihat dalam bentuk seperti, kepercayaan, aspirasi atau semangat atau keseragaman perlakuan. Ini menjadikan ideologi yang terbentuk sebagai satu pandangan yang berhubung dengan idea-idea situasi sosial yang khusus, yang akan melahirkan bentuk pergerakan yang khusus. Ini jelas iaitu:

> '... ideology refers to beliefs of a specific social base which clash with those of other over a particular area of social contraversy'.[13]

Oleh itu ideologi membentuk satu set idea-idea, yang lahir dari perasaan 'grievance' dan ketidakadilan dalam masyarakat, yang akan membentuk orintasi yang khusus dari keujudan struktur sosial. Dengan kata lain, ideologi akan menjadi idea kepada pergerakan dan melahirkan penyatuan dalam pergerakan. Selain daripada keadaan di atas suasana yang boleh membangkitkan satu pergerakan, ialah, 'cultural change'. Perubahan budaya ini adalah cara perlahan-lahan, tetapi

---

13 Joseph R. Gusfield, 'Protest, Reform and Revolt - A Reader in Social Movement', John Wiley & Sons Inc., NY, 1970, m.s. 395.

perubahan ini telah membentuk atau membina satu idea yang baru, yang memperlihatkan setakat mana penerimaan masyarakat terhadap perubahan yang dibawa. Ini boleh menyediakan peluang-peluang pergerakan sosial, untuk menggerakan, membangun atau meneruskan budaya yang telah ada atau sedia ada.

Begitu juga, pergerakan sosial juga boleh ujud dalam masyarakat yang tidak teratur. Dimana keadaan atau suasana ini menjadikan satu keadaan yang baru, iaitu kekecewaan pada individu, yang juga melahirkan kegelisahan sosial atau perasaan terasing dan anomie. Keadaan ini diperlihatkan oleh keadaan yang tidak terselamat terkeliru dan tidak tenteram. Dalam masyarakat yang tidak teratur ini, melahirkan rasuah ketidakseimbangan sosial dan ketidakadilan sosial, dan sebagainya.

Pergerakan sosial juga ujud dalam keadaan, dimana masyarakatnya dalam satu keadaan yang menjadikan individu-individu merasakan adanya 'relative deprivation' atau merasakan tidak diberikan layanan yang sepatutnya. Juga bila suasana didalam masyarakat itu dirasakan sebagai satu 'perception of injustice', hasil dari ketidakadilan sosial yang ujud. Keadaan atau suasana masyarakat yang begini menjadi satu semangat atau baja kepada pergerakan yang diujudkan. Kerana 'social conditions', adalah merupakan jalan yang terbaik untuk mengujudkan banyak orang yang bersedia dan mahu menyertai pergerakan.

Dari keadaan ini, menjadikan satu ideologi yang akan diperjuangkan oleh sekumpulan individu. Jadi ideologi di sini sebagai satu yang dilahirkan dan sebagai satu sumber utama kepada pembentukan

rangkaian sosial yang dapat diidentifikasikan sebagai 'social cleavage'. Dengan ini ideologi dapat digunakan bagi menerangkan situasi pensejarahan dari pandangan nilai-nilai satu kumpulan. Dengan ideologi yang diperjuangkan ini membolehkan kita membuat penilaian yang sebenarnya kepada pergerakan itu. Ini menjelaskan ideologi adalah:

> '... it serves to unify masses of people into a social movement by translating their exprionces of grievance and wrongs, their frustrations and aspiration, into stated goals'.[14]

Selain daripada itu, ideologi yang lahir akibat dari suasana dan keadaan masyarakat, boleh menolong kita untuk 'identify' dasar-dasar sosial pergerakan itu, kumpulan yang tertentu atau susunan yang tertentu dalam masyarakat. Dalam menilai kepentingan pergerakan itu, yang mana dapat membentuk hampir keseluruhannya, tetapi tidak kesemuanya untuk menyokong pergerakan. Jadi ideologi di sini ialah:

> '... it often simplifies interpretation for masses of people, for the real world is complex and baffling'.[15]

Oleh itu dapatlah dilihat bahawa ideologi mempunyai fungsi yang tertentu dalam satu-satu pergerakan sosial. Fungsi ini ialah:

1. Sebagai satu kenyataan tentang objektif, maksud dan janji-janji dari pergerakan itu.
2. Sebagai badan pengkritik dan 'condemnation' dari keujudan peraturan sosial.

---

14 James B. Mckee, '<u>Introduction to Sociology</u>', Holt Rinehart & Winston-Inc., NY, 1969, m.s. 586.

15 Ibid, m.s. 586.

3. Pengumpulan dari doktrin pertahanan yang mana berlaku sebagai justifikasi dari pergerakan dan itulah sebagai objektif dan metode.

4. Sebagai sistem kepercayaan yang berkaitan dengan polisi, tektik dan praktikal yang terbuka bagi pergerakan.

5. Sebagai metos atau tujuan masyrakat dari pergerakan itu.[16]

Dari fungsi ideologi yang diterangkan di atas, dapat menjelaskan bahawa ideologi adalah alat untuk menggerakan pergerakan dan alat perubahan masyarakat, dimana ideologi ini akan menjadi sebuah organisasi pergerakan. Kerana ideologi juga menjalankan tugas-tugas atau fungsi organisasi. Ini menunjukan, tanpa ideologi pergerakan tidak akan ujud. Dimana kalau dilihat antara ideologi dengan program dan ideologi dengan pemimpin dan ahli adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Dengan ini ideologi adalah merupakan satu justifikasi moral kepada pergerakan. Apa yang difahamkan di sini ialah, ideologi adalah menyediakan tujuan dan memberi pengertian sifat pergerakan. Banyak pengkaji yang membuat kajian tentang pergerakan sosial, menyatakan bahawa ideologi adalah kepercayaan kepada pergerakan dalam menyediakan idea tertentu pada ahli dan sebagai mekanisma keperluan kepada pengukuhan

---

16 Herbert Blumer, 'Collective Behavior', in Alfred M. Lee (Ed), 'New Outline of the Principle of Sociology', Barnes & Noble, Inc., 1953, m.s. 367.

University of Malaya

dan perkembangan pergerakan. Ini menjadikan ideologi sebagai 'blueprint' untuk mengatasi masalah atau suasana yang terdapat didalam masyarakat, dan juga sebagai sistem kepercayaan yang diperjuangkan dengan cara bersama-sama.

Dari apa yang dibicarakan di atas, menunjukkan bahawa suasana atau keadaan yang terdapat didalam masyarakat, mengujudkan ideologi sebagai satu cara mempengaruhi masyarakat bagi melakukan pergerakan, untuk mendapatkan kepuasan. Dan ideologi di sini sebagai satu surat perintah atau peta yang akan menerangkan apakah suasana yang terdapat dalam masyarakat, menerangkan kepada individu tujuan pergerakan mengikut perspektif masa.

Ini menjadikan ideologi merupakan penerangan kepentingan sebagai yang ideal melalui memperkenalkan kepentingan kumpulan dengan kebajikan am, yang memperkenalkan perlakuan pergerakan itu, disamping menerangkan penomena yang kompleks dan mencari penjelasan dengan cara tertentu dan kesan yang tertentu. Oleh itu suasana penting dalam mengujudkan ideologi, dan ideologi sebagai penggerak kepada pergerakan sosial.

<u>Perkembangan, Interaksi antara Pemimpin dengan Ahli dan antara Pergerakan dengan Masyarakat:</u>

Sesuatu pergerakan itu, adalah melalui beberapa peringkat perkembangan tertentu, dimana tiap-tiap peringkat mempunyai bentuk-bentuk perlakuan atau cara pergerakan tertentu, serta bentuk kepimpinan dan keahlian yang tersendiri. Perkembangan ini bermula dari peringkat

menganalisa situasi-situasi sosial yang ujud untuk menjadikan satu tujuan dan ideologi pergerakan, sehingga peringkat dimana terdapat organisasi yang lengkap, kepimpinan dan keahlian yang membolehkan ianya bergerak. Dari perkembangan pergerakan sosial ini dapat dilihat ditiap-tiap peringkat interaksi antara pemimpin dan ahli serta pergerakan itu sendiri dengan masyarakat.

Sebelum diterangkan peringkat pergerakan sosial dan interaksi yang ujud, di sini akan dilihat secara ringkas bagaimana ujudnya pergerakan sosial seperti yang dapat difahamkan oleh pengkaji.




Rajah 1: Bagaimana Ujudnya Pergerakan Sosial

Peringkat-peringkat pergerakan sosial adalah peringkat pertama sebagai 'preliminary stage', peringkat kedua 'Popular stage', peringkat ketiga, 'formal organization stage', peringkat terakhir ialah 'institutional stage'. Peringkat-peringkat ini berkembang dan berkait antara satu sama lain sebagai satu perlanjutan.

Peringkat pertama iaitu, 'preliminary stage', ujud kerana keadaan atau suasana yang tidak tenteram dalam masyarakat, ketidaksenangan atau ujud kumpulan yang mempunyai kepentingan tertentu dan kumpulan yang tidak cekap dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam

University of Malaya

masyarakat. Peringkat ini mengujudkan pemimpin dengan cara serta merta dan penyertaan dari masyarakat massa yang merasakan tidak senang dengan keadaan yang ujud dalam masyarakat. Oleh itu pemimpin dan ahli dalam peringkat ini adalah sebagai penggerak bersama, dan interaksi antara pemimpin dan ahli dalam peringkat ini juga adalah tidak berbentuk formal. Kerana pemimpin itu juga sebagai ahli dan pada peringkat ini tidak ujud lagi organisasi yang formal. Peringkat ini akan berlanjutan sehingga beberapa jenerasi, begitu juga interaksi antara pemimpin dan ahli dalam menerbitkan masalah yang ujud didalam masyarakat, untuk mempengaruhi massa. Tetapi peringkat ini tidak tersusun dan tidak tentu pengikut dan pergerakannya.

Peringkat kedua sebagai 'popular stage', yang memusatkan pada keadaan tertentu, dan bila sebab-sebab ini dapat di 'identified' sebagai rangka pergerakan. Dalam peringkat ini, pergerakan sudah mempunyai tujuan yang khusus untuk dicapai, dan menunjukkan keseragaman. Pemimpin ujud dengan tiba-tiba untuk pergerakan itu dan juga untuk mengenalkan kepentingan dirinya sendiri. Ini menjadikan ujudnya reformer sebagai orang yang meneliti masalah dan cuba menyelesaikan atau mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Peringkat ketiga dalam pergerakan sosial ialah 'formal organization stage', iaitu peringkat dimana penyertaan massa secara formal dan ujudnya organisasi dan struktur pergerakan. Dalam peringkat ini ideologi adalah penting dalam pembentukan struktur, penyusunan pemimpin dan polisi serta mengatur semua pengikut kedalam satu pergerakan.

University of Malaya

Dalam peringkat ini interaksi antara pemimpin dah ahli adalah formal, disebabkan ujudnya penyusunan struktur pergerakan secara formal dan dalam peringkat ini juga ujud perlakuan awam.

Dalam peringkat terakhir iaitu 'institutional stage', pergerakan menjadi satu bahagian dan institusi dalam masyarakat, yang akhirnya sebagai 'legallization and societal organization'. Ini menjadikan peringkat dimana kukuh dan sebahagian daripada masyarakat. Dimana masyarakat dan pergerakan adalah sebagai satu yang tidak dapat dipisahkan. Pemimpin adalah tertentu dalam pergerakan, yang menjalankan pentadbiran organisasi pergerakan. Inilah peringkat terakhir sebagai penyelesaian kepada masalah yang menjadikan pergerakan sebagai satu yang radikal, atau sebagai satu proses politik.

Dalam perkembangan pergerakan sosial ini, pemimpin adalah memainkan peranan yang penting sebagai 'reformer', dan orang yang 'create ideas', serta membuat keputusan dan menggunakan ideologi yang berkesan untuk pergerakan. Selain daripada membentuk program dan strategi pergerakkan. Ini menjadikan pemimpin dan ahli dalam pergerakan itu, saling bekerjasama dan bergantungan, sebagai sebahagian daripada pergerakan.

Ini menjadikan pemimpin sebagai orang yang 'galvanizing' kegelisahan sosial kedalam pergerakan yang berkesan. Atau dengan kata lain pemimpin mempunyai karisma, yang dapat mengubah perasaan, harapan, kekecewaan dan imajinasi pergerakan kedalam tindakan yang akan dilakukan. Dari sinilah pemimpin mempunyai perhubungan dengan ahli, yang menyediakan

satu analisa situasi, dan menerangkan masalah dan menyediakan penyelesaian pada masalah itu, yang menjadikan pemimpin dan ahli berinteraksi antara satu sama lain.

Int raksi antara pemimpin dan ahli dapat membawa pergerakan dari 'inception', ke dinamik dan 'dedecated'. Ini menjadikan pemimpin haruslah orang yang berpelajaran, benar dan mengetahui, sebagai sifat karismanya. Dan pemimpin pergerakan bukanlah seorang birokratik dalam birokrasi yang ujud, tetapi sebagai penentang peraturan sosial yang sedia ada. Ini bermaksud pemimpin bebas dari ikatan tradisi. Oleh itu pemimpin dalam pergerakan ini adalah lahir dari 'social base' yang tertentu, dan juga dari kepentingan tertentu dan ciri-ciri perlakuan yang tertentu. Inilah satu risiko yang ditanggung oleh pemimpin dalam satu pergerakan, yang tidak mempunyai bentuk kekuasaan yang khusus, serta tidak mendapat bayaran. Jadi pemimpin dalam pergerakan mempunyai gaya dan fungsi tersendiri, dan dapat membentuk kepercayaan untuk penyertaan bagi satu-satu tindakan. Terdapat tiga gaya pemimpin dalam pergerakan:

1. the old man to give the movement a continuity and vulnarisility.
2. the efficient bureaucrat to keep it organized and support.
3. the charismatic leadership 'give back' to capture the public imagination.[17]

---

17 Armaund L. Mauss, 'Social Problem as Social Movement', J.B. Lippincott Company, NY, 1975, m.s. 54.

Dari tiga gaya pemimpin dalam pergerakan, menjadikan pemimpin sebagai simbol dan pembentuk dasar pergerakan. Inilah yang berbeza dari ahli dalam pergerakan, dan perbezaan ini menjadikan satu interaksi antara pemimpin dan ahli. Dimana penyertaan ahli dalam pergerakan, menjadi suatu tujuan atau matlamat kepada pergerakan itu. Ini berdasarkan kepada tujuan dan matlamat ianya menyertai pergerakan. Jenis keahlian juga adalah mengikut jenis pergerakan. Kalau pergerakan petani, ahlinya adalah dari golongan petani. Jadi individu yang menyertai pergerakan itu mengetahui kedudukannya dalam pergerakan, iaitu membentuk dirinya sendiri dan mempunyai keyakinan dalam pergerakan. Dari dasar dan tujuan ianya menyertai pergerakan, menjadikan mereka berinteraksi antara satu sama lain untuk sama-sama mencapai matlamat perjuangan.

Oleh itu jelaslah, tujuan individu menyertai pergerakan, ialah untuk mengubah keadaan yang dianggap tidak sesuai dalam masyarakat, iaitu dengan memperkenalkan nilai-nilai baru dan struktur yang sesuai dan norma-norma yang mutlak yang tidak dapat diubah atau dipersoalkan lagi. Dari keahlian didalam pergerakan, didapati terdapat dua bentuk yang umum, iaitu keahlian yang aktif. Mereka inilah yang merasakan kecewa dari keadaan yang ujud dalam masyarakat. Di sini kita dapat lihat, terdapat empat jenis atau peringkat penglibatan individu dalam pergerakan. Peringkat ini ialah, ahli yang cuba menyelesaikan masalahnya dan menolong antara satu sama lain, dan memberikan penyelesaian kepada ahli-ahli yang lain. Juga untuk menyelesaikan masalah masyarakat. Ini kerana mereka juga adalah sebahagian dari masyarakat.

Dengan ini penyertaan mereka menjadikan ujud satu perhubungan yang sederhana, dalam beberapa bentuk perhubungan, yang berdasarkan kepada berbagai bentuk perubahan personaliti. Dan tiap-tiap perlakuan mereka adalah sebagai khusus dari keistimewaan dan juga otonomi yang ada padanya, yang dapat menyesuaikan perasaan dengan objektif kumpulan lebih dari sebagai individu. Oleh itu dari motif penyertaan individu ini, melahirkan ideologi, yang akan digunakan untuk membina satu imej yang ideal bagi pergerakan.

Dari penyertaan mereka dalam pergerakan, menjadikan kita dapat menilai dari beberapa segi, iaitu bila ianya mengakui dirinya sebagai ahli kepada pergerakan, dan seterusnya berhubung dengan yang lain bagi menyokong dan berhubung dengan tindakannya. Ini menjadikan ujud satu perasaan 'esprit de corps', penyertaan individu dalam pergerakan, yang disebabkan kepercayaannya dalam program dan ideologi pergerakan.

Perasaan ini berkembang seperti kata Blumer, 'adalah berkembang dari perhubungan didalam dan luar kumpulan, pembentukan kesatuan yang mempunyai pengikut yang tak formal, dan penyertaan didalam perlakuan formal bagi satu-satu upacara'.[18] Dari keadaan ini dirasakan bahawa mereka akan dapat ganjaran dari apa yang mereka lakukan. Dan ganjaran ini adalah dalam bentuk kepercayaan untuk

---

18 Opcit., Herbert Blumer., '<u>Collective Behavior</u>', in Alfred M.Lee (ed), 'New Outline of the Principle of Sociology', m.s. 368.

University of Malaya

mencapai matlamat yang dibentuk bersama, iaitu dapat mengubah keadaan yang sedia ada. Dari interaksi antara pemimpin dan ahli telah melahirkan satu perasaan kekitaan, yang akhirnya menjadikan pergerakan itu sebagai satu untuk semua.

Dari, pergerakan yang ujud ini, dan penyertaan masyarakat massa, menjadikan pergerakan dan masyarakat sebagai satu yang tidak boleh dipisahkan. Kerana masyarakat dengan keadaan yang terdapat didalamnya mengujudkan pergerakan, dan pergerakan ini akhirnya mendapat sokongan dari masyarakat. Oleh itu pergerakan dan masyarakat adalah sebagai satu perkaitan yang tidak dapat dipisahkan, dimana tanpa masyarakat dan suasana didalamnya, pergerakan tidak akan ujud, dan pergerakan yang ujud, tanpa masyarakat tidak akan bergerak. Oleh itu pergerakan dan masyarakat adalah satu bentuk perhubungan yang timbal-balik.

University of Malaya

# BAB III

# SEJARAH DAN PEMBENTUKAN ABIM

## Pembentukan dan Tujuan ABIM:

ABIM dibentuk dari cadangan didalam mesyuarat 'Perkumpulan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia' PKPIM), pada tahun 1967. Sebagai cara untuk menyatukan tenaga belia Islam yang berpecah diseluruh negara dan untuk merancang aktiviti atau rancangan bagi menegakkan atau mengerakan tenaga belia Islam ke arah yang dapat diterima masyarakat. ABIM idresmikan pada 6hb Ogos 1971, oleh Datuk Hamzah Abu Samah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbentuknya ABIM adalah akibat dari alam sekeliling yang menekan. Iaitu keadaan masyarakat Malaysia, terutama yang berugama Islam, meninggalkan Islam sebagai satu cara hidup, baik dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kepercayaan dan sebagainya. Keadaan ini seperti, penyelewengan dalam pentadbiran dan ujudnya rasuah, keadaan sosial yang tidak seimbang, yang menekankan kepada pembangunan budaya lebih dari pembangunan moral, dan menjadikan persekitaran budayanya tercemar oleh kebudayaan nafsu.[19] Ini menjelaskan bahawa faktur alam sekeliling sebagai 'output' kepada pembentukan ABIM.

---

19 'Kebudayaan nafsu', ialah kebudayaan yang lebih menekankan kepada kehendak-kehendak nafsu tanpa mementingkan moral.

Pembentukan ABIM ini dapat sokongan dari pertubuhan-pertubuhan Islam didalam dan luar negeri, dimana walaupun dalam Perlembagaan ABIM, Bab 8:5 menyatakan dengan jelas bahawa:

> 'Pertubuhan ini tidak boleh mempunyai pergabungan dengan mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di luar Persekutuan'.[20]

Sokongan dari dalam negeri terhadap pembentukan ABIM, boleh dilihat dari tiga perkara iaitu:

1. dengan bertambahnya keahlian, dari 15,958 orang pada 30hb. Jun 1977, kepada 35,000 lebih pada sekarang ini.
2. dengan pembentukan cawangan, daerah dan unit ABIM yang baru.
3. kesedaran masyarakat Islam yang ujudkan sokongan pada ABIM.[21]

Sokongan dari luar negeri, iaitu ABIM menjadi wakil 'World Asembly of Muslim Youth' (WAMY), bagi kawasan Asia-Pasific.[22] ABIM juga dijemput untuk persidangan-persidangan Islam antarabangsa, oleh badan-badan atau pertubuhan 'non-governmental organization', dan terdapat lawatan dan kunjungan dari tokoh-tokoh dan organisasi Islam ke ABIM.

---

20 ABIM, 'Perlembagaan ABIM', Percetakan ABIM, KL, 1979, m.s. 33.

21 ABIM 'Muktamar Sanawi Keenam ABIM, Kelang 1976/77', ABIM, KL, 1977, m.s. 2

22 Ibid, m.s. 2.

University of Malaya

Oleh itu ABIM bukanlah sebuah pertubuhan politik, tetapi sebuah organisasi yang bertujuan untuk menyuarakan isu yang berkaitan dengan kepentingan umum, terutama golongan Islam. Dengan itu, ABIM mengambil Islam sebagai dasar perjuangan atau pergerakan, iaitu berdakwah. ABIM bukan mempergunakan atau memperalatkan Islam untuk tujuan tertentu, tetapi menghayati Islam yang sebenarnya dan menekankan bahawa umat Islam tidak harus membisu dengan perkembangan yang berlaku disekitar umat Islam. ABIM telah dibentuk atas tiga dasar yang penting iaitu:

1. to provide a platform for graduating students from respective Universities and College who had been active in Dakwah activities to continue their Islamic activities.

2. to fill the vacuum due to a lack of organization to cater for the interests of Muslim youths at all levels in Malaysian Society.

3. to generate an Islamic movement as the path to Islamic revivalism in Malaysia.[23]

ABIM menggunakan Islam sebagai cara untuk menyelesaikan masalah kehidupan manusia, dan cuba lahirkan masyarakat yang benar, adil dan sejahtera atas prinsip kebenaran yang mutlak, iaitu melalui reformasi akhlak. Jadi pembentukan ABIM, adalah sebagai menunjukan rasa tidak puas hati atas keadaan yang menggugat atau sesuatu perkara yang berkaitan dengan Islam.

---

23 ABIM., 'Buku Cenderamata Muktamar Sanawi Ke Lapan ABIM', Penerbitan ABIM, 1979.

University of Malaya

Oleh itu ABIM dibentuk adalah bertujuan untuk menegakan Islam yang sebenarnya sebagai 'ad-din', yang mempunyai kekuatan dan keyakinan sendiri, dari Islam yang diperjuangkannya. Dari Perlembagaan ABIM, menjelaskan tujuan ABIM dibentuk iaitu:

1. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan ajaran asasi Al-Quran dan As-Sunnah.

2. Menjalankan Dakwah Islamiah dengan cara progresif kedalam seluruh lapisan masyarakat Malaysia.

3. Mengembelingkan tenaga belia Islam seluruhnya untuk sama-sama bekerjasama memberi bantuan dan sokongan untuk tingkatkan taraf hidup dalam semua bidang termasuk sosial, ekonomi, pelajaran, falsafah dan teknologi.

4. Mewakili belia Islam dalam semua persidangan-persidangan Islam didalam dan luar negeri.

5. Menjalankan kegiatan yang bersesuaian dengan ajaran Islam mengikut Al-Quran dan Sunnah.[24]

Ini menunjukkan tujuan ABIM bukan untuk mencari populariti atau nama, tetapi atas kesedaran tentang kedudukan masyarakat Islam di Malaysia yang didalam keadaan kucar-kacir, kerana kurang kuat berpegang kepada dasar Islam atau ugama yang sebenarnya. Kucar-kacir

---

[24] Opcit, ABIM, 'Perlembagaan ABIM', m.s. 1.

University of Malaya

juga kerana tidak keyakinan diri individu-individu, yang akhirnya menimbulkan konflik dan krisis. Jadi tujuan ABIM ialah untuk menyeru dan menyedarkan masyarakat bahawa Islam bukan sahaja sebagai satu ugama, tetapi sebagai satu cara hidup yang merangkumi seluruh kehidupan, dan menyeru mereka yang menyeleweng dari tujuan hidup yang sebenarnya supaya kembali kepada lunas-lunas atau ajaran Islam.

ABIM juga bertujuan untuk mengekalkan dan menimbulkan semula harga diri yang tinggi sebagai umat Islam, dengan cara memupuk nilai-nilai rohaniah sejajar dengan nilai kebendaan. Dan juga cuba untuk membebaskan masyarakat Islam dari belenggu penjajahan fikiran dan kebudayaan barat. Ini kerana ABIM sedar bahawa keruntuhan akhlak dan etika, adalah disebabkan oleh pendewaan kepada faham kebendaan dan 'sekularisma', yang didatangkan dari barat. Ini kerana Malaysia pernah dijajah oleh barat, yang cuba untuk meninggalkan atau menimbulkan faham kebendaan. Ini kerana tujuan hidup bagi mereka untuk mencapai atau mendapat kekayaan dan kemewahan, dengan memperkembangkan sekularisma, iaitu ilmu pengetahuan yang tidak mempunyai pendidikan moral dan etika.

Di sini menunjukan bahawa ABIM cuba untuk menyelematkan kaum belia Islam yang telah dipengaruhi oleh penyakit keruntuhan akhlak dan moral, yang menjadikan mereka lupa akan nilai-nilai dan etika yang sesuai dan sempurna sebagai amalan hidup, iaitu Islam. Dengan ini ABIM berkerjasama dengan badan-badan sukarela yang lain yang mempunyai tujuan yang sama, tanpa mengira ras, untuk mengujudkan persahabatan dan harmoni di peringkat kebangsaan.

Selain daripada itu, ABIM bertujuan untuk menyediakan belia Islam dengan ilmu pengetahuan yang sebenarnya. Untuk mencapai tujuan ini, ABIM telah menggunakan buku-buku dan risalah Islam serta melatih perkadiran dakwah dikalangan ahlinya, selain daripada mengadakan ceramah dan usrah nurani kepada belia Islam, dan juga menggunakan bantahan terhadap pentadbiran negara yang dianggap melanggar lunas-lunas keislaman.

Selain daripada itu ABIM juga menggunakan cara seruan, iaitu menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada kejahatan. Ini menjadikan ABIM bukan sebuah pergerakan yang radikal atau militan. Ini kerana ABIM tidak bergerak dengan cara kekerasan atau menjadi pergerakan bawah tanah, atau menggunakan senjata, tetapi bergerak dengan menggunakan saluran-saluran tertentu atau cara-cara tertentu, yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Dimana ABIM hanya menggunakan cara perkadiran dan seruan terhadap penghayatan Islam yang sebenarnya.
Oleh itu ABIM adalah memperjuangkan:

1. menggalakan pengertian mengenai Islam dengan menanam dan memupuk pengertian Islam dalam segala segi.
2. menjalankan dakwah Islamiah.
3. menjalankan rancangan yang bertujuan untuk meninggikan taraf umat Islam didalam semua lapangan kehidupan.
4. membuat lawatan muhibbah dalam dan luar negeri dan pertukaran belia.
5. menjalankan kerja kebajikan untuk belia Islam.

University of Malaya

6. menerima dan menghantar berita didalam dan luar negeri yang berkait dengan perkara-perkara dan masalah belia Islam.

7. memberi bantuan kepada badan-badan atau persatuan yang perlukan bantuan.

8. sebagai wakil belia Islam dalam membincangkan masalah belia Islam dengan pihak yang bertanggungjawab.

9. mengujudkan dan memelihara tali persaudaraan dengan pertubuhan-pertubuhan belia Islam dan pihak yang tertentu.

10. menjalankan pergerakan yang dianggap mustahak.

11. tidak melibatkan diri dalam politik negara atau parti politik.[25]

Ini menunjukan tumpuan utama ABIM dalam pergerakannya, ialah berdakwah. Dalam berdakwah ini, ABIM tidak sahaja menumpukan perhatian didalam negeri sahaja, tetapi membuat perhubungan dengan luar negeri. Cara yang digunakan oleh ABIM ialah, dengan menghantar berita segala kegiatan ABIM kepada organisasi atau pertubuhan Islam di luar negeri, selain daripada memberi bantuan moral dan material. Untuk melaksanakan tujuan ABIM ini, iaitu untuk memperjuangkan kebenaran dan keadilan, dan mempelajari kemurnian hidup Islam, ABIM telah mengatur beberapa cara pergerakan iaitu:

---

25 Opcit, ABIM, 'Perlembagaan ABIM', m.s. 2.

1. to arouse Islamic consciousness through publication, talks, forums, symposium, seminars, etc., among the people.

2. to encourage the formation of Islamic study group within the movement.

3. to encourage studies on subjects and matters relevent to Islamic causes.

4. to train workers for the cause of Islam.

5. to nature and strengthen the level of Islamic (group) brotherhood both within and without the organization, in and out of the country.

6. to enjoin what is right and forbid what it wrong.

7. to work in close co-operation with other Islamic bodies which are genuinely interested in Islamic work and objectives.[26]

Ini menunjukan ABIM menumpukan kepada meningkatkan lagi pengetahuan tentang Islam, melalui memberi kesedaran melalui penerbitan, ceramah, forum, simposium, seminar dan lain-lain, yang melibatkan ahli dan orang ramai. Juga ABIM telah mengadakan kumpulan pengkaji dan perbincangan, yang dianggap sebagai satu cara untuk menerangkan perkara yang sebenarnya sedang dihadapi oleh masyarakat dan sesuai untuk memahami Islam.

---

26 ABIM., 'Buku Cenderamata Muktamar Sanawi Ke Lapan ABIM', Penerbitan ABIM, 1979.

Diperingkat awal pergerakan, ABIM lebih menitikberat kepada usaha-usaha memberi kesedaran dibidang kerohanian, dan pengisian serta perlaksanaan segala kesedaran dibidang pelajaran, ekonomi, sosial dan budaya. Ini adalah untuk membawa ahli-ahlinya memahami Islam yang sebenarnya terlebih dahulu, sebelum menjadi pendakwah. ABIM juga telah menerapkan kader-kader dakwahnya kedalam semua aspek pekerjaan, baik didalam kerajaan ataupun swasta. Dengan ini segala idea-idea mengenai Islam, dapat diterapkan kedalam semua golongan dan lapisan masyarakat.

Untuk melaksanakan tujuan ABIM sebgai 'Islamic revival', 'revivol' di sini kerana ABIM adalah merupakan penerusan perjuangan untuk menegakan Islam. Penerusan ini adalah perlanjutan perjuangan beberapa organisasi atau pertubuhan Islam, didalam dan luar negeri, seperti PKPIM. Dengan ini ABIM menjadi wakil belia Islam dalam pertubuhan Islam di luar negeri, sebagai mewakili Asia, seperti 'Federation of International Islamic Foundation of Student Organization', 'Islamic Foundation of United Kingdom', Rabitah Alam Islam, Pemuda Muhammadiah Indonesia, dan lain-lain lagi pertubuhan Islam yang mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk menegakan Islam dan menyelesaikan fenomena sosial yang ujud di abad ke 20 ini.[27]

---

27 'fenomena sosial abad ke 20', seperti pendapat Anwar Ibrahim ialah fenomena yang meruntuhkan moral dan peribadi sebagai seorang manusia akibat dari pembangunan yang tidak seimbang antara pembangunan material dan moral atau etika.

ABIM juga menyokong penuh perjuangan golongan Islam di luar, untuk menuntut keadilan dan kebebasan berugama, untuk menghayati cara hidup Islam, tentang gerakan Zionis dan Freemanson, sebagai reaksi terhadap sokongan pertubuhan Islam di luar terhadap ABIM. Gerakan Zionis dan Freemanson adalah merupakan satu gerakan Yahudi, yang bertujuan untuk mempengaruhi masyarakat, terutama masyarakat Islam, dalam tujuan mereka menakluk dunia. Penentangan yang kuat terhadap masyarakat Islam, kerana selagi Islam dijadikan sebagai pegangan, Islam tidak boleh dikalahkan. Pergerakan ini jelas di Malaysia seperti mempunyai kelab mereka sendiri seperti, Lion Club, Rotary Club dan lain-lain lagi. Ini adalah bertujuan untuk menyekat perkembangan Islam.

Inilah caranya ABIM cuba untuk mencapai maksudnya untuk, menegakan Islam sebagai satu cara hidup, sebagai tujuan dari pembentukan ABIM.

Struktur Organisasi ABIM:

Struktur organisasi ABIM adalah merupakan satu struktur organisasi yang formal atau khusus, mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu. Dalam hal ini kita dapati bahawa organisasi adalah sebagai unit sosial atau kumpulan manusia yang sama seperti birokrasi. Ini menunjukan satu organisasi seperti ABIM, dikatakan sebagai satu birokrasi, kerana mempunyai pengkhususan, 'hairaki kuat kuasa', sistem-sistem peraturan dan sesuatu yang 'impersonal'. Dengan mengujudkan organisasi atau birokrasi inilah yang membolehkan ABIM bergerak.

Didalam struktur organisasi ABIM, sebagai satu bentuk birokrasi, terdapat satu bentuk dimana tempat yang paling atas sekali diwakili oleh Presiden dan Jawatankuasa Tertinggi dan yang terkebawah sekali ialah ahli. Di sini kita dapati struktur organisasi ABIM dikelolakan oleh dua badan yang mempunyai kuasa penuh terhadap ABIM iaitu:

1. Muktamar Belia Islam Malaysia (M.B.I)
2. Jawatankuasa Kerja Pusat.[28]

Ini menunjukkan bahawa MBA adalah merupakan badan penguasa tertinggi ABIM yang bertanggungjawab dalam mengawas Jawatankuasa Kerja Pusat dan badan-badan yang terletak di bawahnya. Di sini MBI adalah bertanggungjawab dalam hal-hal seperti di bawah ini:

1. mengawas pergerakan Jawatankuasa Kerja Pusat
2. meminda Perlembagaan
3. meluluskan anggaran perbelanjaan atau belanjawan
4. melantik ahli Jawatankuasa Khas dan pegawai-pegawai
5. mengadakan undang-undang tambahan dan peraturan tetap dan tata-tertib ABIM.
6. menyemak, membetulkan dan meminda serta menerima dan mengesahkan keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat.
7. menerima perlantikan jawatan dari Presiden, Naib-Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung dan Setiuasaha Keawangan.[29]

---

28 Opcit, ABIM, '<u>Perlembagaan ABIM</u>', m.s. 3

29 Opcit, ABIM, '<u>Perlembagaan ABIM</u>', m.s. 5

Di sini jelaslah bahawa MBM adalah mengawal beberapa Jawatankuasa yang dibentuk oleh ABIM sendiri bagi menjalankan pentadbirannya. Dan jawatankuasa yang terletak dibawahnya, mempunyai struktur pentadbiran sendiri dan juga tugas yang tersendiri dalam mencapai matlamat yang satu. Ini dapat ditunjukkan jawatankuasa yang dibawah kawalan Muktamar Belia Islam Malaysia iaitu;

1. Jawatankuasa Kerja Pusat
2. Jawatankuasa Kerja Tetap.
3. Jawatankuasa Khas.
4. Jawatankuasa Negeri atau Wilayah.
5. Jawatankuasa Daerah atau Unit.[30]

Ini dapat dijelaskan dari struktur organisasi ABIM iaitu MBM yang merupakan organisasi yang tertinggi dalam organisasi ABIM:




1. Struktur Organisasi Muktamar Belia Islam Malaysia

---

30 Opcit, ABIM, 'Perlembagaan ABIM', m.s. 4

University of Malaya

MBI adalah merupakan badan penguasa yang tertinggi dalam ABIM, yang dibentuk oleh ABIM sendiri. Ianya merupakan satu organisasi yang mana strukturnya diwakili oleh wakil-wakil bagi tiap-tiap Jawatankuasa Negeri, Daerah dan juga dari Jawatankuasa Kerja Pusat. Dimana wakil yang dilantik dalam MBI tidak boleh menjadi wakil dalam Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM. Ini menjadikan ianya berbeza dari Jawatankuasa Kerja Pusat, dimana MBI adalah diwakili oleh wakil-wakil yang dipilih dari tiap-tiap bahagian ABIM, dan tiap-tiap bahagian ABIM diwajibkan menghantar wakilnya sekurang-kurangnya 2 orang dan selebih-lebihnya 5 orang. Tetapi bagi Jawatankuasa Negeri atau Persekutuan diharuskan menghantar 10 orang wakil. Ini menjadikan bahawa MBI satu organisasi yang merangkumi semua organisasi ABIM yang ada di Malaysia.

Oleh itu kalau kita lihat kepada struktur organisasi ABIM yang sebenarnya, MBI adalah satu bahagian dalam struktur, tetapi mempunyai kuasa yang tertinggi sekali dalam ABIM. Ini jelas dari gambarajah di bawah:




2. <u>Struktur Organisasi ABIM</u>

University of Malaya

Struktur organisasi Jawatankuasa Kerja Pusat adalah merangkumi beberapa sub-organisasi atau struktur didalamnya, yang mana Jawatankuasa Kerja Pusat mengawal atau merupakan struktur yang merangkumi didalamnya Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Wilayah, Jawatankuasa Daerah, Jawatankuasa Unit dan Jawatankuasa yang lain yang dibentuk untuk sesuatu fungsi semasa. Ini dijelaskan dimana Jawatankuasa Kerja Pusat adalah bertanggungjawab langsung kepada MBI. Di sini fungsi struktur Jawatankuasa Kerja Pusat adalah menentukan semua aktiviti yang dijalankan oleh ABIM Pusat kepada ABIM peringkat yang lebih kecil. Tetapi dalam perlaksanaannya cawangan-cawangan ABIM juga mempunyai kuasa yang tersendiri untuk menjalankan sesuatu aktiviti atau rancangan tanpa terikat dengan Jawatankuasa Kerja Pusat. Cuma meminta nasihat dari Pusat sahaja. Kalau dilihat kepada aktiviti Tamrin al-Kader, didapati bahawa ABIM cawangan boleh mengadakan aktiviti itu bersendirian. Walaupun ABIM Pusat juga mengadakan Tamrin seperti itu. Struktur Jawatankuasa Kerja Pusat boleh dilihat seperti di bawah:




3. <u>Struktur Jawatankuasa Kerja Pusat</u>

University of Malaya

Kita telah lihat tentang Organisasi ABIM, iaitu struktur pusatnya yang mempunyai tugas dan fungsi sebagai mengawal dan menggerakan aktiviti ABIM. Struktur pusat ini pula dibantu oleh struktur pentadbirannya yang akan menjalankan segala kegiatan dan aktiviti ABIM. Ini dapat dilihat dari struktur pentadbirannya yang dapat dilihat didalam dua organisasi iaitu MBI dan Jawatankuasa Kerja Pusat. Ini dapat dijelaskan seperti di bawah ini:




4. <u>Struktur Pentadbiran MBI</u>

Di bawah Muktamar Belia Islam Malaysia ini, terdapat struktur pentadbiran yang akan menjalankan kerja-kerja bagi semua aktiviti yang akan dijalankan akan dibincangkan oleh kedua-dua Jawatankuasa yang dibentuk, iaitu Muktamar Belia Islam Malaysia dan Jawatankuasa Kerja Pusat. Oleh itu Jawatankuasa Kerja Pusat dibentuk dan mempunyai struktur pentadbiran yang dibentuk oleh MBI sendiri. Struktur pentadbiran Jawatankuasa Kerja Pusat dapat dilihat seperti berikut:

University of Malaya




5. <u>Struktur Pentadbiran Jawatankuasa Kerja Pusat</u>

Di sini didapati bahawa Jawatankuasa Kerja Pusat (JKKP) adalah bertanggungjawab dalam melantik JKKP atau Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Kerja peringkat negeri dan wilayah. Tetapi ini tidak termasuk dalam pemilihan Jawatankuasa Kerja Unit atau D~a~erah, yang mana adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Kerja peringkat pergerakan ABIM iaitu dari MBI kepada Exco dan Majlis syura atau Jawatankuasa Kerja. Sedangkan tiap-tiap jawatan dalam struktur pentadbiran hanya dipegang oleh seorang ahli sahaja. Dan semua perlantikan ini adalah dengan menggunakan cara demokrasi yang berdasarkan kepada corak politik Islam.

Selain daripada organisasi pusat terdapat juga sub-organisasi atau organisasi cawangan dalam ABIM. Walaupun organisasi ini bebas dari organisasi pusat dalam menjalankan aktiviti, tetapi masih terikat dengan organisasi pusat dalam polisi dan nasihat-nasihat bagi tujuan

University of Malaya

pergerakan. Organisasi cawangan ini adalah sebagai Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Daerah, yang mempunyai perbezaan sedikit sahaja dari Jawatankuasa Kerja Pusat, yang mempunyai 14 orang Jawatankuasa dan organisasi cawangan pula mempunyai 12 orang Jawatankuasa sahaja. Ini dapat dijelaskan dengan gambarajah di bawah:




6. <u>Struktur Pentadbiran ABIM Negeri dan Daerah</u>

Dari struktur pentadbiran dan organisasi ABIM yang kompleks ini dapat menjelaskan bahawa ABIM adalah merupakan sebuah organisasi sosial atau pergerakan sosial yang dibentuk oleh belia Islam, yang mempunyai matlamat dan tujuan yang tertentu. Untuk mencapai tujuan dan matlamat yang dibentuk, mereka menjalankan aktiviti yang melibatkan semua ahli. Dan tiap-tiap aktiviti yang dijalankan ini mempunyai struktur yang tersendiri. Apa yang diperlihatkan di atas adalah struktur

University of Malaya

pentadbiran ABIM, dimana tiap-tiap satu bahagian berhubung dengan bahagian lain. Ini adalah satu bentuk yang resmi sahaja. Walaupun begitu, didalam ABIM tidak semestinya seseorang itu hanya memainkan peranan yang telah ditetapkan kepadanya sahaja. Tetapi jika sesuatu kegiatan itu dijalankan, ABIM akan menubuhkan satu organisasi lain yang mempunyai kuasa dan kuatkuasa tersendiri, tetapi selepas itu tiada lagi. Dan mungkin juga beberapa orang didalam Jawatankuasa Tertinggi akan menjadi Jawatankuasa dalam struktur ini. Ini jelas dalam Muktamar Senawi yang dijalankan yang mempunyai struktur pentadbiran yang tersendiri iaitu:




7. <u>Struktur Pentadbiran Muktamar Senawi</u>

University of Malaya

Tiap-tiap Jawatankuasa ini mempunyai Jawatankuasa kecilnya sendiri yang tersendiri dari Jawatankuasa itu sendiri sebagai pengerusi Jawatankuasa kecil itu.

Pengerusi

Setiausaha — Jawatankuasa Kecil

8. <u>Struktur Jawatankuasa Kecil Muktamar Senawi</u>

<u>Kepimpinan dan Keahlian ABIM:</u>

Kepimpinan adalah merupakan satu kedudukan atau konsep yang terpenting didalam satu-satu organisasi yang dibentuk. Begitu juga dengan ABIM, yang merupakan sebuah pergerakan mempunyai pemimpinnya yang menggerakan ABIM. Jadi pemimpin di sini ialah orang yang penting dalam memhami apakah yang diperjuangkan, dan memahami tentang pergerakan itu sendiri. Dan juga sebagai penyelesai kepada masalah yang timbul dalam pergerakan itu.

Oleh itu pemimpin adalah merupakan orang mempunyai kebolehan dalam semua hal, terutama dalam membuat keputusan dan polisi. Dan pemimpin juga seorang yang boleh mempertahankan organisasi dan membuat keputusan dalam konflik dalaman, iaitu konflik antara pemimpin dengan ahli dan ahli dengan ahli. Oleh itu pemilihan seorang pemimpin haruslah melibatkan atau membolehkan penglibatan semua ahli. Ini jelas dalam ABIM.

University of Malaya

Didalam ABIM, semua pemimpin yang dipilih akan dibaiahkan, iaitu menunjukan persetujuan atau persetiaan ahli kepada pemimpin yang dipilih. Ini menunjukan satu sistem demokrasi, dimana terdapat calun, kemudian dipilih dan dibaiahkan. Ini dilakukan dalam Muktamar Belia Islam Malaysia, setiap tahun. Setiap pemimpin yang dipilih mempunyai kebolehan tersendiri dan tanggungjawab serta tugas yang tersendiri. Walaupun begitu apa yang dilakukan adalah dijalankan secara bersama-sama.

Kalau dilihat kepada kepimpinan ABIM, adalah merupakan satu bentuk kepimpinan Islam, iaitu konsep kepimpinan dalam Islam. Dimana pemimpin adalah orang yang bertanggungjawab menegakan Ilmu Allah. Ini jelas pada pemimpin ABIM, yang merupakan kaum belia Islam yang memperjuangkan Islam atau ugama Allah. Mereka cuba untuk memimpin belia Islam menuju kepada kebenaran dan akhlak yang mulia. Sifat kepimpinan Islam yang ada pada pemimpin ABIM ialah:

1. <u>Berpengetahuan</u>: Boleh dikatakan hampir kesemua pemimpin ABIM mempunyai pendidikan atau ilmu pengetahuan yang cukup, baik dari segi Islam ataupun sekular. Kalau mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup, ABIM mungkin tidak dapat bergerak. Mereka mempunyai pelajaran tinggi terutama pelajaran Inggeris.

2. <u>Keadilan</u>: Keadilan adalah merupakan ciri terpenting pada pemimpin ABIM. Keadilan di sini ialah bila individu itu tahu bagaimana meletakan akal di atas dan nafsu di bawah. Selain daripada keadilan pada diri

sendiri yang berasaskan iman, dan inilah punca keadilan pada masyarakat. Dan keadilan inilah yang diperjuangkan oleh pemimpin ABIM sebagai keadilan sosial. Ini kerana dalam Islam, tiap pengerak ugama Allah mestilah adil.

3. Kecerdasan: Adalah sifat yang perlu ada pada seorang pemimpin, yang berdasarkan ilmu pengetahuan yang ada padanya. Ini jelas pada pemimpin ABIM, yang dapat menggunakan akal berasaskan iman yang kuat. Dengan kecerdasan ini dapat menyelesaikan masalah secara spontan, tepat dan menyakinkan. Pada pemimpin ABIM sifat ini jelas, dimana mereka dapat berfikir disaat-saat genting. Seperti penahanan Anwar Ibrahim, dimana pemimpin lain dapat mengawak keadaan dari tindakan ahli-ahli ABIM.

4. Keberanian dan Ketabahan: Inilah syarat penting seorang pemimpin Islam, yang berani dalam menjalankan amanah Allah dan Rasul. Ini jelas pada pemimpin ABIM dalam menegakan Islam, dimana mereka tidak takut dengan tindakan kerajaan pada ABIM dan mereka sendiri. Selain daripada tegas, yakin dan sanggup mempertahankan kedudukan mereka. Walaupun ABIM sentiasa menerima tekanan dari pihak tertentu, pemimpinnya sabar, kerana konsep tauhid yang kuat pada diri mereka.

5. Kesempurnaan Pancaindera: Kesempurnaan pancaindera adalah penting pada seorang pemimpin, dalam menentukan ianya dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna, seperti

University of Malaya

dikehendaki oleh Islam. Kalau dilihat pada pemimpin ABIM, tidak seorangpun daripada mereka yang cacat pancainderanya. Ini menjadikan mereka dapat menggerakan ABIM.

6. Kedudukan, Pangkat dan Kekayaan: Dalam ABIM, kebanyakan pemimpinnya mempunyai kedudukan dan pangkat. Banyak pemimpin ABIM mempunyai kedudukan atau pangkat dalam pentadbiran kerajaan atau swasta. Misalnya beberapa pemimpin ABIM menjadi Pensyarah di Universiti dan Pegawai Tadbir.

Dari sifat kepimpinan di atas, menunjukan pemimpin ABIM mempunyai sifat karisma atau diri sebagai seorang individu, iaitu sempurna, dan mempunyai perlakuan yang boleh diikuti. Ini menjadikan mereka ujud sebagai seorang pemimpin dari situasi dan sifat mereka sendiri juga penilaian masyarakat kepada mereka. Ini menjadikan mereka boleh mempengaruhi dan dipengaruhi.

Dari apa yang dibicarakan di atas, jelas dapat dilihat pada pemimpin ABIM. Kalau dilihat dari latarbelakang, kesemua mereka telah menunjukan ciri-ciri kepimpinan sejak disekolah lagi. Dan seterusnya mereka mencerburkan diri dalam pertubuhan sukarela yang ada, seperti PKPIM dan sebagainya. Ini menjadikan mereka lebih pengalaman untuk memimpin ABIM. (Ini dijelaskan dalam 3).

Walaupun pemimpin ABIM mempunyai kedudukan yang tertentu dalam ABIM, tetapi mereka mempunyai perhubungan yang rapat dengan ahlinya, atau orang yang dipimpinnya. Perhubungan ini dapat dilihat

University of Malaya

dari sifat kemesraan, kebaikan dan rasa tanggungjawab . Ini yang membezakan antara pemimpin dan yang dipimpin dalam ABIM. Perbezaan ini memberikan satu hikmat yang tersendiri, dan juga sebagai hukum alam, yang membolehkan pembahagian tanggungjawab antara sesama manusia. Perbezaan ini ujud kerana adanya perbezaan dari segi sifat dan kesempurnaan pada tiap-tiap individu.

Inilah yang membezakan antara pemimpin dan ahli ABIM, sebagai individu yang menganggotai satu pergerakan atau 'person belonging to a group, society, etc'.[31] Keahlian dalam ABIM, yang membentuk satu pergerakan, adalah bercorak terbuka kepada semua belia Islam di-Malaysia. Ini jelas dalam Perlembagaan ABIM, Bab 4, Fasal 1, bahagian anggota menyebutkan;

> 'Keanggotaan ABIM terbuka kepada semua belia-belia Islam di Malaysia, tidak kira apa bangsa atau kaum sekalipun dan permohonan menjadi ahli hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat'.[32]

Ini menunjukan keahlian ABIM jenis terbuka dan tetap. Dimana semua belia Islam boleh menjadi ahli, dengan syaratnya telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dan sanggup membayar yuran tahunan dan juga menyertai segala aktiviti yang dijalankan oleh ABIM pusat atau cawangannya. Dalam menerima keahlian ini, ABIM lebih bersifat menerima daripada menolak, kerana sifat ABIM sebagai sebuah pergerakan atau

---

31 A.S.Hornby, E.V.Gatenby & H.Wakefield., 'The Advanced Learner's, Dictionary of Current English', ELBS, Oxford U.Press, London, 1973, lihat bahagian 'members'.

32 Opcit., ABIM, 'Perlembagaan ABIM', m.s. 3

badan pendakwah. Ini menjadikan setiap ahli yang diterima, mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tertentu. Ini jelas dalam Perlembagaan ABIM Bab 4, Fasal 3, iaitu;

1. Membayar yuran tahunan iaitu setiap ahli mesti membayar $2.00 sahaja setahun.

2. Patuh kepada Perlembagaan ABIM dan keperabadian Islam.

3. Menjalankan semua arahan dari Jawatankuasa.

4. Mengadakan daya usaha untuk mengembangkan dan menguatkan ABIM.

Jumlah keahlian ABIM dari ditubuhkan sehingga sekarang adalah lebih daripada 35,000 orang,[33] yang meliputi 86 cawangan di seluruh Malaysia. Keahlian ini bertambah setiap tahun, kerana bertambahnya cawangan ABIM disetiap daerah atau dikenali sebagai ABIM unit.

Keahlian ABIM dapat dagolongkan kepada tiga golongan yang utama, yang mempunyai peranan yang sama. Walaupun terdapat tujuan yang sama diperjuangkan, tetapi terdapat cara atau metode perjuangan yang berlainan.[34] Ini disebabkan latarbelakang dan pendidikan yang berbeza antara individu-individu yang menjadi ahli kepada ABIM. Oleh itu dapatlah dibahagikan ahli ABIM kepada tiga golongan yang besar iaitu;

---

33 Majalah Panji Masyarakat, Jan/Feb., 1980.

34 'metode perjuangan yang berlainan', ialah cara mereka menggerakan ABIM, kerana ketiga golongan ini mempunyai latarbelakang pendidikan dan sosial yang berbeza, yang menjadikan cara mereka menggerakan ABIM juga berbeza antara satu sama lain.

University of Malaya

1. berpendidikan barat dan Inggeris.

2. berpendidikan Melayu

3. berpendidikan Islam atau Timur Tengah.

Ketiga golongan ini mempunyai idea atau ideologi yang berlainan dalam usaha mencapai matlamat dan tujuan ABIM. Walaupun begitu masih mengikut lunas-lunas Islam yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Ini menjadikan mereka dapat bekerjasama. Ini menunjukan mereka mempunyai perasaan kekitaan antara ahli ABIM, dan juga interaksi sebagai tujuan memujuk ahli kedalam aktiviti yang diadakan oleh ABIM. Ini menjadikan ujud satu konflik yang akibat dari latarbelakang yang berbeza.

Konflik yang ujud ini, akibat dari latarbelakang yang berbeza, tidaklah merupakan satu konflik yang serious, yang akan mengagalkan pergerakan ABIM. Ini kerana konflik yang ujud dari asas pendidikan, hanyalah dalam cara perjuangan. Ini jelas, ahli yang berpendidikan Inggeris atau barat adalah lebih sederhana, sedangkan yang berpendidikan Islam atau timur tengah adalah lebih kepada radikal atau 'extreme', dan yang berpendidikan Melayu lebih kepada mengikut keadaan.

Konflik yang ujud ini, merupakan satu yang dapat menyatukan semua ahli ABIM dalam satu pergerakan. Kerana konflik ini hanyalah dari dasar pendidikan yang berbeza sahaja, bukan pegangan atau ideologi yang diperjuangkan. Ini jelas dari pendapat <u>Coser</u>:

'Internal social conflicts which concern goals, values or interests that do not contradict the basic assumptions upon which the relationship is founded tend to be positively functional for the social structure'.[35]

Keahlian dalam ABIM, adalah datang dari berbagai golongan pekerjaan. Dalam hal ini, ahli ABIM adalah banyaknya datang dari golongan guru dan pelajar, yang lainnya dari golongan pegawai kerajaan dan yang tidak tetap pekerjaannya. Dari sini, ahli ABIM dapat dibahagikan kepada beberapa kategori:

1. ahli yang masuk selepas faham konsep perjuangan.
2. sebagai nasionalis Islam.
3. ahli yang faham dan bersemangat
4. ahli yang merupakan musuh dalam selimut.[36]

Ahli yang faham konsep perjuangan ABIM, ialah belia Islam yang menilai tujuan dan matlamat ABIM, untuk memperjuangkan Islam. Matlamat dan tujuan ABIM ini, dapat diterima oleh mereka sebagai satu tanggungjawab mereka bersama. Inilah yang menjadikan mereka memasuki ABIM, untuk melaksanakan tanggungjawab itu, iaitu memperjuangkan Islam.

Sedangkan nasionalis Islam, ialah mereka yang bertujuan untuk menjadikan Islam, yang diperjuangkan oleh ABIM, sebagai satu amalan dan kuasa politik. Dan mereka inilah yang sebenarnya mahu mengubah keseluruhan struktur sosial dan peraturan sosial yang diamalkan sekarang ini. Cara yang mereka anggap baik ialah cara revolusi, untuk ujudkan negara Islam.

---

35 Lewis A. Coser & Bernard Rosenberg, '<u>Sociological Theory</u>', Macmillan Publishing Co., Inc., NY, 1976, m.s. 181.

36 Maklumat dari Setiausaha Penerangan ABIM Negeri Kedah pada 20hb Februari 1980.

Ahli yang faham dan bersemangat pula, ialah merupakan belia Islam yang faham tujuan mereka menyertai ABIM, dan tujuan dan matlamat ABIM. Dan ahli ini juga bersemangat untuk memperjuangkan Islam dan cara yang dianggap sesuai dilakukan adalah menganggotai atau menyertai segala aktiviti ABIM.

Terdapat juga ahli yang memasuki ABIM, kerana ingin mengetahui apakah kegiatan ABIM yang sebenarnya. Ini adalah ahli musuh dalam selimut. Tujuan mereka ialah untuk menyekat pergerakan ABIM, dengan memberi maklumat tentang segala kegiatan ABIM kepada pihak tertentu, seperti kerajaan. Mereka inilah orang yang tidak mahukan ABIM ujud, dan sebagai ajen kerajaan atau parti-parti politik, yang mahu menggunakan ABIM sebagai kepentingan politik mereka atau Islam sebagai strategi.

ABIM juga tidak menghadkan umur yang tertentu kepada ahlinya. Ahli ABIM dapat dibahagikan kepada tiga bahagian umur, iaitu 14 tahun kebawah, 15-40 tahun dan 41 tahun ke atas. Dari pembahagian ini, didapati bahawa ahli ABIM, yang banyak adalah datang dari lingkungan umur 15-40 tahun dan paling kurang ialah lingkungan 14 tahun ke bawah.

Begitu juga dari segi pekerjaan, ahli ABIM adalah datang dari berbagai jenis pekerjaan, yang merangkumi berbagai aspek pekerjaan. Ini menunjukan kehalian ABIM tidak dimonopoli oleh segolongan 'elite' sahaja, tetapi dari semua peringkat atau golongan, dan kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk memperhambakan diri pada Allah dengan menegakan Islam sebagai satu cara hidup. Dalam menambahkan jumlah keahlian ABIM, ABIM telah membuat dasar, iaitu menerima segala permohonan yang dibuat.

Kegiatan ABIM:

Kegiatan adalah merupakan perkara yang penting dalam menentukan samaada organisasi yang dibentuk itu bergerak atau tidak. Kerana melalui kegiatan atau aktiviti yang dijalankan itulah, dapat menunjukan berjaya atau tidak sesuatu pergerakan atau organisasi itu. Atau berjaya atau tidak pergerakan itu mencapai tujuan dan matlamatnya. Dan kegiatan atau aktiviti adalah juga perkara penting selain dari ideologi, yang dapat menarik lebih ramai orang menyertai pergerakan itu. Juga melalui kegiatan inilah dapat menentukan organisasi yang dibentuk itu sebagai satu pergerakan.

Untuk mencapai matlamat dan tujuan ABIM, ABIM telah menggunakan cara tersendiri dan tertentu. Salah s tu cara yang digunakan ialah menjalankan kegiatan atau aktiviti. Dimana telah dibentuk Jawatankuasa Kerja dalám organisasi pentadbiran ABIM. Setiap Jawatankuasa Kerja adalah dipengerusikan oleh seorang pengerusi, dan akan melantik pula Jawatankuasanya sendiri bagi aktiviti yang dijalankannya itu. Jawatankuasa yang akan menjalankan aktiviti ABIM ini ialah:

1. Jawatankuasa Tamrim Al-Kadir
2. Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa
3. Jawatankuasa Usrah dan Dakwah
4. Jawatankuasa Penerangan dan Redaksi Risalah
5. Jawatankuasa Perhubungan
6. Jawatankuasa Kebajikan
7. Jawatankuasa Biro Pelajaran dan Penyelidikan

8. Jawatankuasa Biro Ekonomi

9. Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita

10. Jawatankuasa Penerbitan.[37]

Semua jawatankuasa yang dibentuk ini akan menjalankan aktiviti yang berlainan atau berasingan, tetapi mempunyai tujuan dan matlamat yang sama, iaitu untuk menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Matlamat yang hendak dicapai oleh tiap-tiap jawatankuasa yang dibentuk adalah berdasarkan kepada memberi kesedaran kepada belia Islam, tentang Islam yang sebenarnya. Aktiviti ini dapatlah dirumuskan seperti berikut:

1. 'leadership training camps'

2. kumpulan pengkaji Islam

3. Pembahagian dan pengeluasan buku dan perpustakaan

4. Koperasi Belia Islam

5. Yayasan Ummah

6. Pembicaraan teng Islam dan seminar tentang pelajaran Islam.[38]

Atau dengan kata lain, kita dapat klisifikasikan kegiatan atau aktiviti ABIM kepada 4 kumpulan besar iaitu:

1. Aktiviti ugama

2. Aktiviti penerbitan

3. Aktiviti sukarela

4. Aktiviti Am.[39]

---

37 Opcit., ABIM., 'Muktamar Sanawi Keenam ABIM', m.s.4

38 Opcit, ABIM, 'Muktamar Sanawi Keenam ABIM', m.s. 4

39 4 aktiviti ini adalah pembahagian yang dibuat oleh pengkaji sendiri setelah meneliti dan faham segala kegiatan dan aktiviti ABIM.

University of Malaya

Tiap-tiap aktiviti di atas mempunyai jawatankuasa yang tersendiri dan cara pergerakan yang tersendiri dengan mendapat nasihat dari Jawatankuasa Tertinggi ABIM dan juga Muktamar Belia Islam Malaysia. Ini kerana tiap-tiap aktiviti yang dijalankan harus diperbincangkan dahulu dalam mesyuarat jawatankuasa tertinggi ABIM. Dimana dalam mesyuarat inilah diperbincangkan cara dan bagaimana sepatutnya aktiviti itu dijalankan dan juga perbelanjaan yang diperlukan. Ini menjadikan segala aktiviti yang dijalankan tidak lari dari matlamat asal pembentukan ABIM itu sendiri. Di sini pengkaji akan menerangkan satu persatu aktiviti yang dijalankan oleh ABIM.

1. Aktiviti Ugama:

Aktiviti ini adalah merupakan aktiviti yang terpenting sekali dalam aktiviti yang dijalankan oleh ABIM. Dalam aktiviti ini, tujuan dasar ABIM ialah untuk mengujudkan satu ikatan atau ummah dikalangan umat Islam, terutama ahli ABIM sendiri. Ikatan ini dikenali dengan 'usrah', yang akan meninggikan semangat persaudaraan sesama Islam. Jadi 'usrah' adalah aktiviti terpenting dalam ABIM mencapai matlamatnya. Dimana semangat persaudaraan adalah penting dalam mengujudkan perasaan saling bantu-membantu dan mengukuhkan sesuatu untuk kepentingan bersama. Usrah ini dijalankan selepas sembahyang asar dan maghrib, dalam bentuk kumpulan. Jumlah dalam satu kumpulan usrah adalah kurang dari 10 orang, atau berdasarkan kepada ramainya bilangan orang yang menyertai usrah itu. Apa yang dimaksudkan usrah ialah perbincangan dalam perasaan persaudaraan. Dan apa yang dibincangkan ialah mengenai Islam yang

University of Malaya

sebenarnya dan juga isu-isu semasa yang berkaitan dengan kepentingan Islam. Oleh itu usrah ini dapat mengujudkan perasaan persaudaraan. Perbincangan tentang Islam ialah dengan mengambil dari Al-Quran dan As-Sunnah. Juga dari aktiviti usrah inilah, segala rancangan yang akan dijalankan oleh ABIM dibincangkan. Ini adalah untuk mendapatkan satu rumusan tentang cara dan bagaimana aktiviti itu akan dijalankan.

Selain daripada usrah terdapat juga aktiviti yang berbentuk latihan kepimpinan atau 'leadership training', yang dikenali dengan Tamrin Al-Kader ataupun latihan kader dakwah. Tujuan aktiviti ini diadakan, ialah untuk melahirkan atau melatih bakal-bakal pemimpin ABIM atau belia Islam dimasa akan datang, dan juga kader-kader ABIM dalam soal kepimpinan dan selok belok dakwah. Tamrin ini adalah merupakan latihan yang lebih menekankan dalam soal memberikan atau menguatkan iman, menambahkan ilmu, memperbanyakan amal dan mendalami pengetahuan tentang prinsip-prinsip Islam. Juga memperlengkapkan ahli-ahli dengan isu-isu semasa. Tamrin ini diadakan dalam jangka waktu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat atau Negeri. Ini dilakukan dengan memberikan latihan cara yang lebih mendalam. Bagi Tamrin diperingkat negeri, pesertanya ialah seramai 40 orang dan diperingkat kebangsaan ialah seramai 200 orang.

Satu lagi aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan keugamaan ialah 'Qiyamullah', yang diadakan di mesjid dan pada waktu malam sahaja, iaitu bermula dari maghrib sehingga sampai sembahyang subuh. 'Qiyamullah' adalah merupakan kumpulan yang membincangkan tentang Islam secara keseluruhannya dengan memahami sifat-sifat ketuhanan dan alam ciptaannya.

Ini bertujuan untuk mendekatkan mereka dengan tuhan dan meninggikan keyakinan sendiri. Ianya diadakan sehingga pagi kerana dalam suasana yang sunyi itulah seseorang itu dapat mendekatkan diri pada tuhan tanpa gangguan.

2. Aktiviti Penerbitan:

Penerbitan adalah merupakan lidah resmi sesuatu organisasi atau pergerakan, dalam menyampaikan segala bentuk ketidakpuasan hati dan juga segala aktiviti yang akan atau sudahpun dijalankan. Selain daripada tujuan di atas aktiviti ini juga bertujuan untuk menambahkan sumber keawangan ABIM. Walaupun tiap-tiap ahli diwajibkan membayar yuran tahunan dan juga wang yang tidak ditetapkan untuk sesuatu aktiviti, tetapi ini masih lagi tidak menampung perbelanjaan ABIM keseluruhannya. Dengan menerbitkan buku-buku bacaan tentang Islam dan juga 'Risalah'[40] yang merupakan lidah resmi ABIM. Tetapi 'Risalah' yang dikeluarkan adalah disebarkan kepada ahli sahaja, kerana tidak mendapat kebenaran atau kelulusan KDN (Kementerian Dalam Negeri), iaitu satu kelulusan bagi satu-satu mass media yang hendak dikeluarkan oleh satu-satu organisasi atau pergerakan.

Segala bahan penerbitan yang berupa buku ini, adalah bertemakan Islam, yang mana merupakan dasar perjuangan ABIM yang sebenarnya. Segala buku yang diterbitkan adalah merangkumi aspek kehidupan dalam Islam seperti ekonomi, politik, sosial, pelajaaran dan juga aqidah.

---

40 'Risalah', adalah merupakan lidah resmi ABIM, yang dikeluarkan tanpa kebenaran KDN, dan diterbitkan untuk ahlinya sahaja, yang tidak tentu bulan keluarannya.

Kebanyakan buku yang diterbitkan adalah merupakan terjemahan dari bahasa asing, terutama Inggeris dan Arab yang membicarakan Islam. Juga buku yang diterjemahkan adalah hasil karangan pengarang-pengarang terkenal Islam atau dalam bidang keislaman. Selain daripada itu ABIM juga menerbitkan bukunya sendiri dari penulis-penulis tempatan atau ABIM, yang benar-benar memahami Islam. Tujuan buku-buku ini diterbitkan ialah untuk disebarkan kepada masyarakat Islam dan juga ahli ABIM untuk mengukuhkan keimanan dan semangat perjuangan Islam pada diri mereka.

Diperingkat Kebangsaan atau pusat, ABIM telah menerbitkan sebuah akhbar bulanannya yang bernama 'Risalah' dibawah kelolaan Jawatankuasa Penerangan. 'Risalah' ini diterbitkan sejak tahun 1973 dengan kebenaran KDN, tetapi sejak tahun 1974 'Risalah' ini tidak lagi mendapat kebenaran KDN sehinggalah sekarang. Walaupun ABIM telah banyak kali membuat permohonannya. Ini kerana 'Risalah' ini dianggap memuatkan berita atau kenyataan yang dianggap bertentangan dengan akta atau perlembagaan. Oleh itu pengedaran 'Risalah' ini hanyalah dikalangan ahli-ahli sahaja, dan dengan jumlah yang terhad. Walaupun pada dasarnya risalah ini disebarkan juga kepada bukan ahli. Tetapi dari maklumat yang diberikan oleh ABIM, pengedaran dan pengeluaran 'Risalah' adalah mengalami kerugian. Ini disebabkan oleh:

1. Banyak cawangan tidak mengedarkan 'Risalah' kepada ahlinya.
2. Wang kutipan dari 'Risalah' terlalu lambat dikirimkan ke Sekretariat atau ABIM pusat.[41]

---

41 Opcit, ABIM, '<u>Muktamar Sanawi Keenam ABIM</u>', m.s. 13.

Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kedudukan keawangan ABIM. Satu hal yang harus diperhatikan, bahawa ABIM telah menerbitkan bahan bacaan Islam dengan bantuan WAMY, ini kerana ABIM adalah merupakan wakil WAMY bagi kawasan Asia-Pasific dimana Anwar Ibrahim sebagai wakil tetapnya.

3. Aktiviti Sukarela:

Selain daripada aktiviti atau kegiatan ugama dan penerbitan, ABIM juga mengadakan kegiatan atau aktiviti sukarela. Aktiviti ini banyak berkaitan dengan masyarakat bagi memperkenalkan atau menjelaskan apakah tujuan pergerakan ABIM. Ini juga bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan dari masyarakat, selain daripada ABIM dapat membantu masyarakat. Aktiviti ini dijalankan oleh Jawatankuasa Kebajikan. Salah satu daripada aktiviti yang dijalankan ialah pungutan derma untuk mangsa pelarian perang Kemboja, mangsa kebakaran, derma untuk mangsa perang Afghanistan dan perjuangan Palestine. Aktiviti ini adalah untuk menyatakan simpati ABIM dan juga sumbangan yang dapat diberikan atau dibuat oleh ABIM kepada masyarakat didalam dan luar negeri. Apa yang dilakukan ini adalah difikirkan oleh ABIM untuk membantu orang-orang yang terutamanya memperjuangkan Islam. Ini adalah merupakan sokongan moral dan kebendaan. Ini juga bertujuan untuk membantu perjuangan masyarakat Islam dari penindasan masyarakat bukan Islam.

Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HELWA) pula, telah mengadakan siri kursus ugama bagi kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kursus ugama ini bertujuan untuk memberi bimbingan ugama kepada masyarakat

Islam, yang dianggap kurang memahami Islam yang sebenarnya. Anggapan ini kerana jenerasi sekarang hanya mengetahui Islam yang dibawa dari satu jenerasi ke satu jenerasi, yang telah diubah suaikan atau telah mengalami perubahan. Selain daripada itu Biro Pelajaran dan Penyelidikan, telah mengadakan kelas Bahasa Arab secara percuma kepada ahli-ahli. Ini membolehkan ahli-ahli yang dapat memahami bahasa Arab, mudah untuk mendalami dan menyelidiki isi Al-Quran. Perpustakaan Islam juga telah dibentuk oleh ABIM, untuk memudahkan masyarakat Islam terutamanya ahli ABIM menyelidiki dan mendalami Islam melalui buku-buku Islam yang terdapat di perpustakaan itu. Jumlah buku yang terdapat di perpustakaan itu sekarang lebih daripada 2,000 naskah, tidak termasuk majalah, yang merangkumi semua tajuk tentang Islam. Pada tahun 1973 satu kuiz ugama telah diadakan oleh ABIM dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Selangor, antara sekolah-sekolah di negeri Selangor. Ini adalah untuk menguji setakat mana pengetahuan Islam yang ada pada penuntut-penuntut sekolah. Kita juga dapat ABIM telah juga mengadakan kelas tadika Islam. Ini bertujuan untuk mengujudkan satu asas pendidikan Islam dari peringkat pendidikan pra-sekolah.

4. <u>Aktiviti Am</u>:

Dalam aktiviti am ini ABIM juga menganjurkan seminar-seminar, dan salah satu seminar yang diadakan ialah Seminar Pendidikan Islam dengan membincangkan tajuk:

1. Konsep Pendidikan Islam
2. Sejarah Dalam Pandangan Al-Quran.[42]

---

[42] ABIM, '<u>Risalah</u>', Okt/Nov., 1977.

University of Malaya

Selain daripada seminar, terdapat banyak lagi aktiviti yang dijalankan, yang mana semuanya adalah berkaitan dengan Islam dan tujuan untuk mencapai matlamat dan tujuan ABIM sendiri. Kadangkala aktiviti yang dijalankan adalah bersama dengan badan-badan Islam atau organisasi Islam yang lain, seperti Majlis Belia Malaysia WAMY, PKPIM dan lain-lain lagi. Tetapi ada juga ABIM menjalankannya sendiri.

University of Malaya

# BAB IV

## IDEOLOGI DAN NILAI-NILAI DALAM ABIM

### Ciri Keahlian Dalam ABIM:

Keahlian dalam ABIM pada umumnya, adalah kesemuanya berutama Islam dan memahami serta mendalami Islam sebagai satu pegangan atau kepercayaan dalam hidup. Ciri keahlian ini lebih jelas kalau dilihat pada nama ABIM sendiri, iaitu 'Angkatan Belia Islam Malaysia. Di sini apa yang dapat difahamkan, belia ialah golongan yang berumur antara 18-35 tahun. Kesemuanya adalah dikumpulkan kedalam satu organisasi iaitu ABIM, dan mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu. Dari tujuan dan matlamat ini, mereka telah mengujudkan satu kerjasama dan juga penyatuan antara mereka dan ini menyebabkan aktiviti yang hendak dijalankan dapat dipersetujui dan dilaksanakan dengan sempurna.

Sepertimana yang diketahui, bahawa ahli-ahli ABIM dapat dibahagikan kepada tiga bahagian yang umum iaitu:

1. berpelajaran Inggeris dan barat
2. berpelajaran Melayu
3. berpendidikan Islam atau Timur Tengah.

Ketiga-tiga golongan ini mempunyai ideologi atau pandangan serta pegangan yang berbeza dalam mencapai matlamat ABIM. Ini adalah merupakan konflik, tetapi tidak menjadi satu konflik yang boleh melemahkan atau merosakan tujuan atau matlamat ABIM yang sebenarnya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, konflik yang ujud dalam ABIM

antara ahli-ahlinya yang berlainan latarbelakang pendidikan. Dan konflik ini adalah merupakan satu yang baik bagi pergerakan ABIM. Kerana konflik ini hanyalah dalam bentuk pembentukan dasar atau polisi pergerakan, ini jelas dalam satu-satu aktiviti yang hendak diadakan.[43] Ini menunjukan konflik adalah satu cara yang dapat menunjukan jalan yang paling baik untuk satu-satu pergerakan, khasnya ABIM sendiri. Dalam ABIM walaupun terdapat pendapat atau ideologi yang berlainan antara ahlinya, tapi masih lagi berdasarkan kepada Islam. Oleh itu Ideologi dalam ABIM adalah satu perkara penting yang diperjuangkan. Ini jelas iaitu:

> 'ideology refers to the beliefs of a specific social base which these of other over a particular area of social controversy'.[44]

Jadi untuk melihat ciri-ciri keahlian dalam ABIM, yang merupakan satu yang harus dilihat sebagai menentukan corak atau cara yang harus dilihat sebagai menentukan corak atau cara pergerakan ABIM itu sendiri. Dimana ahli adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menentukan berjaya atau tidaknya sesuatu pergerakan itu. Di sini kita dapat jelaskan pentingnya ahli dalam satu-satu pergerakan:

> 'as individuals interact with one another in persuit of a movement's goals, they come to evolve an organization composed of differentiated an interrelated positions'.[45]

---

43 Lihat Bab 3, dibawah tajuk 'Kepimpinan dan Keahlian ABIM'.

44 Joseph R. Gusfield, 'Protest, Reform and Revolt - A Reader in Social Movement', John Wiley & Sons Inc., NY, 1970, m.s. 395.

45 Ralph H. Turner & Lewis M. Killian, 'Collective Behavior', Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, NJ, 1972, m.s.

Pelajaran atau pendidikan adalah merupakan asas utama kepada ahli ABIM. Asas ini adalah merupakan ciri yang penting dalam menjadi asas kepada pergerakan ABIM. Berdasarkan kepada pelajaran inilah, kita dapati ahli-ahli ABIM termasuk pemimpinnya adalah berpendidikan, dari pendidikan barat kependidikan Islam atau timur. Boleh dikatakan sebahagian besar dari ahli-ahli ABIM adalah berpendidikan Inggeris atau barat. Ini adalah merupakan satu unsur yang menimbulkan kesedaran pada mereka untuk menyertai ABIM, kerana mereka yang berpendidikan sekular ini dapat membuat perbandingan samaada tamaddun dan budaya dari barat itu sesuai atau tidak kepada umat Islam sekarang. Dengan sifat perbandingan ini, mereka dapat menilai bahawa yang datang dari barat itu tidaklah sempurna pada semua manusia, dan hanya Islam satu-satunya yang sesuai dan patut menjadi ikutan atau pegangan.

Ahli yang dari pendidikan barat inilah yang lebih sederhana dalam memperjuangkan Islam, dan menjadikan ABIM sebagai satu pergerakan yang tidak radikal. Ciri pendidikan ini jelas pada pemimpin-pemimpin ABIM sendiri. Ini menjadikan segala keputusan yang dibuat adalah lebih leberal. Dan segala pergerakan adalah mengikut peringkat-peringkat tertentu. Juga segala keputusan yang dibuat dapat diterima oleh ahli-ahli ABIM yang juga dari pendidikan yang sama. Dari kesedaran ahli-ahli inilah mereka memperjuangkan Islam sebagai 'ad-din'. Ahli-ahli ini menyertai ABIM setelah mereka sedar atau memahami tujuan atau konsep perjuangan ABIM.

Ahli yang datang dari pendidikan barat ini menyertai ABIM setelah faham tujuan dan konsep perjuangan ABIM. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, ahli-ahli ABIM ini dalam mendapat pendidikan barat,

mereka juga membaca buku-buku yang berkaitan dengan Islam, atau sistem kehidupan Islam. Dan membandingkan dengan sistem kehidupan barat atau yang ujud sekarang ini. Melalui pembacaan yang luas ini, iaitu buku-buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Setelah mereka membuat perbandingan, dan membuat keputusan bahawa apa yang ada sekarang ini adalah kurang sesuai. Dan pada waktu yang sama ABIM dibentuk dan memperjuangkan Islam sebagai satu sumber kehidupan masyarakat yang sempurna. Disebabkan ABIM memperjuangkan Islam, dan mereka memahami keadaan yang ujud, dan mereka memikirkan bahawa ABIM memperjuangkan apa yang mereka fikirkan, serta dianggap betul dan bersesuaian pada waktu ini. Dengan inilah mereka memberi sokongan dengan menyertai ABIM dan bergiat dalam aktiviti dakwah.

Selain daripada ahli-ahli yang berpendidikan barat, terdapat juga ahli-ahli yang berpendidikan Islam, yang mendapat didikan Islam dari dalam dan luar negeri. Dari dalam negeri seperti Kolej Islam Kelang, Pusat Pengajian Tinggi Nilam Puri dan lain, dan luar negeri seperti Universiti Al-Azhar, Mesir dan pusat pengajian tinggi Islam di Timur Tengah. Dari pusat-pusat pengajian tinggi Islam inilah, setengah dari ahli-ahli ABIM mendapat didikan Islam. Mereka memahami Islam dengan lebih mendalam dan membandingkan dengan apa yang diamalkan di Malaysia, adalah jauh berbeza dari Islam yang sebenarnya. Ini menjadikan mereka menyertai ABIM, dan semangat ini adalah merupakan semangat nasionalisme Islam. Oleh itu didapati ahli-ahli dari pendidikan Islam ini lebih memahami dan menjadikan pegangan mereka sebagai satu asas untuk menilai dan menukarkan keadaan yang ada.

University of Malaya

Kalau dibandingkan dengan jumlah ahli-ahli ABIM yang berpendidikan Inggeris, didapati ahli-ahli ABIM yang berpendidikan Islam adalah kurang. Sepertimana yang diketahui iaitu sistem pendidikan yang utama di negara ini ialah Melayu dan Inggeris. Dengan lain perkataan, sistem pendidikan sekular adalah merupakan dasar pendidikan utama di Malaysia dan buaknnya sistem pendidikan Islam.

Ahli-ahli ABIM juga adalah dari pendidikan Melayu. Ini bermaksud bahawa mereka adalah berasal dari Sekolah Melayu dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian Tinggi. Kesemua ahli yang berpendidikan Melayu ini cuma mendapat pendidikan dari dalam negeri sahaja, walaupun ada satu atau dua daripadanya berjaya melanjutkan pelajaran keluar negeri. Kemasukkan mereka dalam ABIM, adalah kerana mereka faham akan dasar perjuangan ABIM yang memperjuangkan Islam. Mereka sedar bahawa apa yang diamalkan dalam masyarakat Melayu sekarang ini adalah merupakan satu yang bercanggah dengan pegangan Islam, dan juga menghalang kepada kemajuan hidup mereka. Percampuran antara adat Melayu dan Islam, menjadikan Islam sekarang ini tidak lagi sempurna, ini kerana banyak adat yang diamalkan adalah bertentangan dengan hukum atau dasar Islam sendiri. Dan ini menunjukkan tujuan mereka menyertai ABIM adalah untuk menyedarkan masyarakat Melayu supaya memahami dan menghayati Islam yang sebenarnya.

Ciri keahlian ABIM juga dapat dilihat dari pekerjaan. Dimana ahli-ahli ABIM adalah datang dari bidang-bidang pekerjaan yang berlainan. Ini menunjukkan bahawa ABIM tidaklah dimonopoli oleh segolongan belia sahaja, tetapi diwakili oleh berbagai golongan yang mempunyai bidang

pekerjaan yang berbeza. Oleh kerana ABIM adalah merupakan organisasi sukarela, dan mereka yang menyertainya adalah juga sukarela, dan tidak mendapat apa-apa keuntungan dari segi kebendaan. Ini menjadikan mereka bekerja untuk menyara hidup mereka dan keluarga. Selepas waktu kerja barulah mereka dapat menyertai ABIM dengan aktiviti yang dijalankan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah ahli ABIM yang bekerja dengan kerajaan atau swasta tidaklah dapat melibatkan diri dengan sepenuhnya dengan ABIM. Dimana mereka mempunyai masa yang sedikit sahaja, iaitu selepas waktu kerja atau hari minggu. Bermakna mereka tidak boleh mencampurkan kegiatan mereka dengan pekerjaan mereka, kerana ini melibatkan masa depan mereka sendiri. Tindakan dari kerajaan atau swasta terhadap ahli ABIM yang berbuat demikian dapat dilihat dari beberapa orang Jawatankuasa ABIM telah ditukarkan kelain tempat dan juga digugurkan dari kerja. Ini tidak bermakna mereka tidak dapat bergiat dalam ABIM.

Didapati banyak jenis pekerjaan yang dilakukan oleh ahli-ahli ABIM, iaitu dari jenis kolar putih dan juga kolar biru. Ini dapat diklaskan kepada guru, pejabat, penuntut, kerja sendiri dan lain-lain. Atau dengan kata lain, ahli ABIM dapat digolongkan kepada ahli akademik dan 'professional'. Begitu juga terdapat ahli dari golongan rendah atau petani, mereka inilah yang kebanyakan dapat menyertai ABIM, walaupun tidak sepenuh masa kerana mereka juga mempunyai pekerjaan. Tetapi lebih banyak masa yang dapat mereka tumpukan kepada ABIM. Ini menjadikan mereka bila-bila masa sahaja dapat menyertai aktiviti-aktiviti ABIM. Oleh itu dapat dilihat bahawa ahli ABIM

datang dari berbagai golongan, kedudukan atau status dan latarbelakang pekerjaan. Dan dari golongan elita sehingga kegolongan petani. Kerana dasar Islam tidak memperbezakan antara status atau kedudukan, tetapi dalam Islam semuanya sama. Ini kerana semua yang menjadi ahli ABIM, adalah mempunyai tujuan yang sama, iaitu memperjuangkan Islam dan memperhambakan diri pada tuhan dan masyarakat.

Dari apa yang dibicarakan ini bukanlah merupakan satu ideologi dalam Islam, kerana Islam sendiri adalah bukan Ideologi. Tetapi satu ugama atau pegangan hidup yang dibentuk atau dijadikan oleh tuhan untuk semua umat manusia. Dan dalam Islam tidak ada perbezaan manusia dari segi kedudukan atau status, kerana orang yang tinggi darjatnya dalam Islam atau disisi tuhan ialah orang yang beriman atau bertakwa.

Kemudian kalau dilihat dari segi jantina, didapati bahawa kebanyakan ahli ABIM adalah terdiri dari belia Islam lelaki. Walaupun terdapat belia Islam wanita yang menyertai ABIM, tetapi tidaklah seramai lelaki. Dengan adanya keahlian wanita dalam ABIM menjadikan adanya satu seksi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HELWA). Dengan ciri ini telah memberi kesan kepada pergerakan ABIM sendiri, iaitu dari segi kegiatan dan aktiviti ABIM. Kebanyakan aktiviti dan rancangan ABIM adalah dilakukan oleh belia Islam lelaki, kerana tugas berdakwah kepada masyarakat umum lebih dibebankan kepada lelaki dari wanita. Dari segi Islam kaum wanita tidak boleh mencampuri kaum lelaki dalam sebarang keadaan, kalau lelaki itu bukan muhrimnya.[46]

[46] 'Muhrim', ialah orang yang tidak boleh dikahwini oleh seseorang itu, lelaki dan perempuan, seperti adik dengan abang, yang mempunyai kaitan darah atau 'blood relationship', ini sama juga seperti 'inses-taboo'.

Kalau dilihat kepada ciri-ciri di atas, didapati pergerakan ABIM adalah merupakan satu pergerakan yang terbit dari perasaan belia Islam Malaysia yang tidak merasa senang dengan keadaan ini. Iaitu masyarakat atau belia Malaysia sekarang, kurang memahami Islam yang sebenarnya dan Islam yang dipegang oleh mereka itu hanyalah yang diturunkan dari satu jenerasi kesatu jenerasi. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, Islam yang diamalkan sekarang ini sudah dicampurkan dengan lain-lain ideologi yang dicipta oleh manusia, yang kurang sempurna dan sesuai, seperti demokrasi, sosialis dan komunis. Perasaan inilah yang dikumpulkan dan mencetuskan satu pergerakan sosial seperti kata di bawah ini:

> 'a social movement is a more or less persistent and organized effort on the part of a relatively large number of people either to change a situation that they define as unsatisfactory or to prevent change in a situation that they define as satisfactory'.[47]

<u>**Nilai Diri dalam Kepimpinan ABIM:**</u>

Apa yang dimaksudkan dengan kepimpinan atau pemimpin, ialah seseorang yang mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas yang diberikan kepadanya. Ini tidak bermakna ianya mempunyai kuasa yang tertinggi yang tidak boleh disentuh oleh orang lain. Jadi, pemimpin ini dipilih adalah berdasarkan keadilan, kebijaksanaan dan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu. Ini menunjukkan pemimpin tidaklah mempunyai pengetahuan

---

47 J.W. Vonder Zander, '<u>Sociologi</u> - A Systematic Approach', The Ronald Press Company, NY, 1970, ms. 309.

disemua bidang, tetapi mempunyai nilai diri yang boleh dikatakan sebagai karisma, yang membolehkan ianya diterima tau diikuti.

Karisma adalah satu sifat yang ada pada seseorang pemimpin yang dilantik atau timbul dalam satu-satu masyarakat. Sifat inilah yang menjadikan ianya dapat diterima dan diikuti oleh masyarakat. Ataupun ianya dapat mempengaruhi sesuatu keadaan yang membolehkannya disokong. Cara ianya mempengaruhi masyarakat, yang menjadikan masyarakat atau orang ramai menyokongnya ialah seperti percakapannya, pandai menggunakan satu-satu fenomena sebagai satu isu yang diperjuangkan, keberanian dan lain-lain sifat yang tidak kelihatan tetapi dapat menarik orang ramai untuk mempercayai atau menyokong pergerakan yang dibentuknya. Pemimpin Karisma yang terdapat dalam sejarah adalah seperti Sukarno, Hitler, Mao Tze Tong dan lain-lain lagi.

Nilai diri ialah, nilai yang ada pada diri seseorang itu untuk menjadikannya sebagai seorang pemimpin, tetapi nilai ini tidak dapat dilihatnya sendiri. Tetapi apa yang dilihat atau dinilai oleh masyarakat, yang akan melantiknya sebagai pemimpin. Dari pemilihan masyarakat ini, jelas pada kita terdapat nilai-nilai yang berbeza antara pemimpin yang dapat menggerakan satu-satu pergerakan atau yang dapat menjalankan pentadbiran dalam pergerakan itu. Ini jelas pada ABIM sendiri, didapati terdapat dua jenis pemimpin, iaitu pemimpin yang menggerakan ABIM dan yang menjalankan pentadbiran ABIM. Ujudnya dua bentuk kepimpinan dalam ABIM ini kerana terdapat latar belakang pendidikan yang berbeza. Dari penilaian yang dibuat oleh orang ramai atau masyarakat inilah, menunjukan sifat karisma pada seseorang pemimpin.

Sifat karisma pada seorang pemimpin itu juga dapat dilihat dari segi personaliti atau ideologi yang dibawanya, selain daripada pendidikan dan statusnya dalam masyarakat. Inilah yang menjadikan nilai diri pada pemimpin-pemimpin ABIM. Sifat atau nilai diri ini dapat dilihat dari latarbelakang tiap-tiap pemimpin ABIM yang terpenting dalam struktur pergerakan ABIM. Dimana mereka menjadi simbol kepada pergerakan ABIM, yang menutup kecacatan mereka dalam aspek-aspek lain.

Nilai diri inilah yang menentukan layak atau tidaknya ia menjadi pemimpin. Ini jelas dalam pemilihan pemimpin ABIM, yang dilakukan dengan cara demokrasi. Dimana tiap-tiap individu dicalunkan dan kemudian dibuat pemilihan. Tetapi terdapat perbezaan sedikit dalam pemilihan pemimpin ABIM, kerana adanya sistem membaiahkan pemimpin atau persetujuan sebulat suara. Ini menunjukkan mereka berpuas hati. Baiah ini dilakukan oleh semua ahli ABIM. Ini menunjukan sistem penerimaan dengan rela hati atas pemilihan mereka, jadi perlantikan ini bukan suatu yang dipaksa. Nilai diri dalam kontek ini dapat dilihat dari sistem penerimaan mereka pada pemimpin yang dilantik. Di sini saya akan melihat hanya pada pemimpin-pemimpin tertinggi ABIM sahaja, untuk melihat nilai diri yang ada pada mereka.

<u>Anwar Ibrahim</u>:

Adalah merupakan pengasas kepada ABIM, dan merupakan seorang pejuang belia yang berpengaruh didalam dan luar negeri, dan tegas dalam perjuangannya serta sanggup menghadapi segala cabaran yang datang walaupun melibatkan dirinya sendiri. Belia mendapat didikan Melayu

dan Inggeris serta melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat Universiti dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera tahun 1971.

Anwar Ibrahim pada peringkat awal lagi, telah aktif dalam persatuan dan kegiatan luar sekolah, semenjak di sekolah rendah lagi. Semasa di Maktab Melayu Kuala Kangsar, beliau menjadi Divission Officer St. John Brigade, Kuala Kangsar. Dan juga bergerak cergas didalam Badan Revolusi Islam di Maktab Melayu, dan juga terpilih sebagai Pengerusi Persatuan Pelajar Islam Daerah Kuala Kangsar (PPIDKK). Selain daripada itu beliau juga menjadi pengawas Maktab. Beliau mula aktif dalam persatuan dan badan-badan sukarela serta pertubuhan Islam dan mempunyai perasaan atau nasionalis Islam setelah memasuki Tingkatan Enam, dan berhubung dengan Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Beliau aktif seterusnya apabila beliau memasuki Universiti Malaya, dengan menjadi Setiausaha Agung PKPIM dan Presiden PKPIM tahun 1968/69 dan 1969/70, juga menjadi Presiden Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya (PBMUM). Beliau menjadi pengasas kepada pembentukan ABIM. Dalam pimpinan ABIM beliau mula memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung, Setiausaha Perhubungan dan Presiden ABIM sehinggalah sekarang ini.

Di sini menunjukan beliau mempunyai sifat karisma yang menjadikan beliau dipilih menjadi pemimpin ABIM. Sifat yang dikatakan karisma ini, jelas seperti pendidikannya, pimpinannya dalam persatuan dan beliau dapat menarik minat orang ramai bila beliau memberi ceramah atau forum. Beliau juga selalu diundang untuk memberi ceramah atau

menjadi ahli penal dalam satu-satu forum yang diadakan di seluruh Malaysia, samaada berbentuk keugamaan atau sosial. Daya tarikan yang ada pada beliau ialah, cara beliau 'manipulate' satu-satu isu yang ditimbulkan.

Kamaruddin Mohd. Noor:

Beliau juga salah seorang penggerak utama kepada ABIM. Mendapat didikan Melayu dan Inggeris, sehingga keperingkat pengajian tinggi, iaitu memasuki Universiti Malaya dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera tahun 1972.

Beliau melibatkan diri dengan kegiatan persatuan, sejak diperingkat sekolah rendah lagi dan sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi, iaitu memasuki Universiti Malaya. Di Universiti Malaya beliau menjadi ahli jawatankuasa Persatuan Ugama Islam Universiti Malaya (PMIUM), juga menjadi Perwakilan Persatuan kedalam Biro Usaha Mahasiswa, Universiti Malaya. Pada tahun 1970 menjadi Penolong Setiausaha Agung PKPIM dan menjadi Presiden PKPIM pada tahun 1971. Didalam ABIM beliau pernah memegang jawatan Naib Presiden Antarabangsa, Setiausaha Agung dan akhirnya menjadi Timbalan Presiden ABIM sehinggalah sekarang ini. Di sini kita dapati beliau juga mempunyai kewibawaan yang tinggi, yang menyakinkan kita bahawa beliau layak menjadi pemimpin ABIM. Kalau dilihat dari segi karisma yang ada pada beliau, didapati beliau juga mempunyai sifat yang tersendiri, yang dapat mempengaruhi orang ramai. Sifat ini seperti pandai berbicara, mempunyai tingkat pelajaran yang tinggi dan sederhana dalam tindakan yang menjadikan beliau dipercayai.

Othman Bakar:

Othman Bakar juga adalah merupakan pemimpin ABIM yang menjadi tenaga utama dalam menggerakan ABIM, terutama diperingkat tinggi.- Iaitu diperingkat golongan intelektual. Kerana beliau menjadi Pensyarah di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Beliau mendapat didikan Melayu diperingkat rendah dan seterusnya mendapat didikan Inggeris diperingkat tinggi. Beliau juga merupakan salah seorang pemimpin ABIM yang mendapat didikan di luar negeri iaitu Universiti London sehingga mendapat Ijazah Sarjana Sains pada tahun 1971. Setelah pulang ke tanah air beliau memasuki ABIM tahun 1972.

Beliau bergerak cergas dalam aktiviti persatuan pelajar bila beliau memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar. Dimana beliau dipilih menjadi Jawatankuasa Kecil Badan Revolusi Ugama Kolej. Dan menjadi Presiden Kesatuan Melayu United Kongdom dari tahun 1971 - 1973, semasa beliau di sana. Didalam ABIM, beliau menjadi Ketua Biro Pelajaran dan Penyelidikan sebelum menjadi Setiausaha Agung sehingga sekarang ini. Beliau mendapat tahu tentang pergerakan ABIM semasa beliau di United Kongdom lagi. Dan beliau mengkaji dan meneliti tentang pergerakan ABIM dari 'Risalah' dan berita-berita yang dihantar oleh ABIM kepada KMUK. Ini menyakinkan beliau untuk memasuki ABIM. Dari segi pendidikan yang diperolehinya dan juga penglibatan didalam persatuan dan pertubuhan menyakinkan ahli ABIM yang beliau layak menjadi pemimpin ABIM.

Siti Zulaikna Hj. Mohd Nor:

Beliau adalah merupakan Jawatankuasa tunggal wanita dalam ABIM yang memegang Setiausaha Hal Ehwal Wanita (HELWA). Beliau juga mendapat didikan Melayu dan Inggeris, dan melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Beliau mula aktif dalam persatuan semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dari didikan yang didapatinya dalam bidang pengajian Islam, kita dapati beliau amat faham tentang Islam yang sebenarnya dan juga faham apakah kedudukan wanita dalam Islam. Oleh itu beliau memasuki ABIM sebagai seorang yang cuba memperjuangkan kedudukan wanita disisi Islam. Ini jelas dengan tulisan-tulisan beliau didalam majalah-majalah akademik, 'Risalah' terbitan ABIM, akhbar-akhbar dan lain-lain lagi majalah berkala. Walaupun tidak jelas sifat karisma yang ada pada beliau, tetapi disebabkan hanya beliau sahaja yang cergas dalam ABIM menjadikan beliau dipilih sebagai salah seorang pemimpin ABIM. Dan beliau memasuki ABIM kerana ingin memperjuangkan keadilan kaum wanita Islam, yang sekarang ini dianggap sebagai barang dagangan sahaja.

Daripada apa yang kita lihat di atas, menunjukan kesemua pemimpin ABIM adalah merupakan golongan intelektual, iaitu mendapat didikan Inggeris dan Melayu sehingga ke peringkat tinggi. Dari segi pengetahuan, pemimpin ABIM adalah cukup tinggi, dan sebagai satu faktur menjadikan mereka seorang pemimpin. Juga kita dapati hampir kesemua pemimpin ABIM, adalah berasal dari kawasan luar bandar ataupun

petani. Ini menjadikan satu faktur kesedaran kepada mereka bagi menggabungkan diri dalam ABIM, dimana ABIM bertujuan untuk membela nasib golongan yang tertindas oleh sistem ekonomi kapitalis dan juga sistem sekular.

Golongan yang dibela oleh ABIM, adalah terdiri dari golongan yang tertindas seperti golongan miskin atau petani. Dimana golongan inilah merupakan mangsa tekanan ekonomi kapitalis, yang menguntungkan segolongan manusia sahaja iaitu orang-orang kaya atau birokratik. Sedangkan golongan yang tertindas ini tidak dapat bersaing dengan golongan kapitalis, dan akan berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang bayarannya hanya cukup untuk makan sahaja. Ini dipandang sebagai satu ekploitasi yang dilakukan oleh segolongan kapitalis. Golongan ini untuk terus hidup terpaksa mendirikan rumah di kawasan yang tidak dibenarkan, atau rumah haram. Kemudian kawasan ini akan dirobohkan oleh kerajaan, dan golongan ini akan pula ditindas oleh kerajaan. Golongan inilah yang cuba dibela oleh ABIM. Golongan yang cuba dibela oleh ABIM ini juga ujud akibat dari keadaan, seperti rasuah, menyalahgunakan kuasa, penipuan dan tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan awam kerana 'reason dentre' dalam sistem ekonomi yang ujud sekarang ini.

Cara yang paling baik, yang difikirkan oleh pemimpin ABIM yang berasal dari latarbelakang golongan yang tertindas, ialah Islam. Kerana Islam adalah merupakan ugama yang pentingkan keadilan semua masyarakat tanpa mengira kaum, ugama atau bangsa. Ini disebabkan Islam dalam ajarannya, adalah mementingkan keadilan sebagai satu prinsip dan

satu yang dituntut dalam Islam. Walaupun ugama lain juga mempunyai prinsip keadilannya, tetapi ianya tidaklah sama dengan prinsip yang ada dalam Islam. Jadi Islamlah sebagai penyelesai kepada masalah yang ujud ini.

Di sini nilai diri yang diletakan kepada pemimpin-pemimpin ABIM sebagai seorang yang bersifat tegas dan berani pada satu-satu perlaksanaan rancangan yang menghasilkan langkah-langkah yang lebih tersusun dan tepat. Walaupun segala rancangan atau aktiviti yang dilakukan bertentangan dengan kerajaan. Oleh itu kita dapati ABIM mempunyai pemimpin yang sesuai dan mempunyai kekuatan iman, kepercayaan pada diri dan keyakinan yang tinggi, yang dapat menggerakan ABIM. Dengan itu nilai diri adalah penting sebagai asas kepada satu daya untuk menggerakan 'entusiasme' bagi segala gerakan yang dijalankan. Dan nilai diri ini jelas pada kesemua pemimpin ABIM dalam menjalankan aktiviti-aktiviti.

<u>ABIM dan Masyarakat Majmuk:</u>

Masyarakat majmuk atau 'pluralism', adalah masyarakat berbilang kaum yang mempunyai corak budaya yang berbeza antara satu sama lain. Dalam melihat masyarakat majmuk ini, masyarakat Malaysia adalah merupakan masyarakat berbilang kaum yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India serta lain-lain. Dalam melihat kepada masalah masyarakat majmuk ini, ABIM berpendirian bahawa perjuangannya bukanlah berbentuk perkauman. Dimana apa yang diperjuangkan oleh ABIM ialah keadilan yang melewati batas kaum, bangsa atau ras dan ugama. Kerana

semua manusia mahukan keadilan dalam hidupnya. Dari segi perjuangan, kita dapati ABIM ingin menegakan Islam, yang secara tidak langsung menegakkan keadilan. Kerana Islam itu sendiri adalah keadilan, yang melewati batas sempadan bernegara.

Mengikut protokok, ABIM berpendapat dalam konsep masyarakat majmuk, terutama dalam kontek masyarakat majmuk Malaysia. Langkah utama haruslah kepada penghakisan aliran perkauman yang sempit dan cauvinisme persefahaman yang dicapai antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Walaupun sifatnya terbatas, akan tetapi kesepakatan yang dicapai seharusnya dilaksanakan dengan jujur tanpa mengorbankan prinsip akhlak dan keadilan. Ini menunjukkan ABIM bertujuan untuk menyedarkan masyarakat atau umat Islam sendiri tentang perlunya Islam difahami sebagai 'ad-din' atau cara hidup yang lengkap. ABIM menegaskan juga keadilan yang dimaksudkan ialah bukan perkauman. Dimana ABIM menentang kezaliman dan penindasan dan juga nasionalis yang sempit. Kezaliman dan penindasan yang dimaksudkan di sini ialah, kezaliman dan penindasan terhadap segolongan masyarakat yang tidak dapat mempertahankan diri dari segolongan tertentu, yang menganggap diri mereka lebih berkuasa terhadap orang lain. Dan tiada siapa dapat menghalang segala tindak-tanduk mereka. Dan nasionalis yang sempit ialah perjuang hanya untuk memperjuangkan kepentingan gologan atau kaumnya sahaja, yang akhirnya menimbulkan penentangan antara kaum. Atau dengan kata lain, perjuangan yang menegakkan haknya, dan tidak memperdulikan hak orang lain yang dirampas atau dimusnahkannya. Perjuangan ini menunjukkan perjuangan yang mementingkan satu kaum sahaja. Inilah yang ditentang oleh ABIM sebagai memperjuangkan keadilan semua kaum.

Didalam masalah masyarakat majmuk ini, ABIM sebagai sebuah gerakan Islamiah atau harakah Islamiah, mengemukakan kesempurnaan 'din' Islam.[48] Dimana bersedia dan berani mempertahankan nilai kebenaran dan keadilan Islam. Ini adalah bertujuan untuk membawa perubahan yang menyeluruh dalam sistem kepercayaan dan keperabadian untuk mencapai satu sistem Islam yang sempurna, yang mempertahankan dan merupakan asas pergerakan ABIM. Oleh kerana ABIM menggunakan Islam sebagai dasar perjuangan menjadikan ABIM terus dapat bergerak kerana mendapat sokongan dari masyarakat belia Islam Malaysia.

Kalau dilihat dari perjuangan ABIM ini, menunjukan ABIM adalah berbeza dari setengah organisasi, yang berbentuk perkauman, yang hanya mempertahankan satu golongan sahaja. Seperti pertubuhan Pemuda MIC, atau Pemuda MCA atau Pemuda UMNO yang memperjuangkan kaum masing-masing, untuk mendapat kedudukan yang tinggi di Malaysia.

ABIM juga menyedari bahawa, Islam mempunyai formula tersendiri dan terbaik, yang dapat digunakan sebagai alternatif dalam menyelesaikan masalah masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana Islam adalah berdasarkan kepada perhubungan dalam dan luar yang menolak permusuhan antara manusia yang mendiami satu kawasan itu selain daripada keganasan dan pembaziran. ABIM juga cuba bertindak untuk menghakis faham perkauman yang sempit dan cauvinistik dengan menggunakan prinsip tolak ansur yang akan mengujudkan keadilan dalam semua aspek kehidupan. Prinsip tolak ansur ini adalah berdasarkan kepada hak dan kemanusiaan serta keadilan untuk semua manusia atau orang. Walaupun masyarakat

---

48 Anwar Ibrahim, 'Islam - Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk', Percetakan ABIM, 1979, m.s. 1.

University of Malaya

itu tidak memeluk ugama Islam, tetapi tetap diterima didalam negara Islam, selagi mereka tetap menghormati Islam itu sendiri, mereka bebas dengan kepercayaan dan kebudayaan mereka sendiri.

Oleh itu ABIM memperjuangkan prinsip syura dan perundangan Islam, untuk mendapatkan penyertaan seluasnya dikalangan rakyat dan menentukan dasar serta amalan Islam dalam masyarakat dengan mempertahan hak asasi rakyat jelata. Di sini ABIM tetap menentang segala bentuk pemerasan ekonomi dan turut membela golongan yang menderita tanpa mengira kaum dan ugama. Ini kerana Islam merupakan dasar penyatuan, dan mengamalkan dasar tolerensi. Penyatuan di sini kerana Islam adalah merupakan ugama untuk semua, dan universal. Ini bermakna Islam bukanlah ugama perkauman.

Dari segi Islam, hubungan kemanusiaan adalah berdasarkan kepada 'keramah insaniyah', iaitu kemuliaan dan kehormatan, dimana perbezaan bahasa dan kulit bukan sebagai unsur perpecahan dan Islam sendiri memupuk semangat kesatuan manusia atau 'wahdah insaniyah'. Di sini dapat dilihat Islam menganggap diskriminasi sebagai perlakuan jenayah. Ini menolak faham perkauman dan kebangsaan etenik.

Dalam masaalah masyarakat majmuk ini, didapati ABIM menunjukkan ketegasannya. Dimana ABIM telah mengadakan satu Muktamar Senawi Ke 8, di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 15hb. July 1980. Muktamar ini telah dihadiri oleh lebih kurang 3,000 orang ahli, termasuk juga wakil dari luar negeri, seperti Britain, Australia, United State, Saudi Arabia, Mesir, Kuwait, dan negara-negara ASEAN.

Tema Muktamar yang diadakan itu ialah, 'Islam Sebagai Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Berbilang Kaum'. Di sini Islam sebagai ugama tolak ansur dan kuat penentangannya terhadap faham perkauman, iaitu adil untuk seluruh kommuniti. Islam menolak 'narrow, communal and chauvinistic trend'.[49] Dari muktamar yang diadakan ini menunjukkan bahawa ABIM benar-benar cuba untuk menggunakan Islam sebagai penyelesai kepada masaalah masyarakat majmuk, dimana masaalah ini cuba diatasi oleh kerajaan dengan menggunakan pendekatan budaya dan ekonomi. Dan ABIM menganggap cara yang digunakan oleh kerajaan tidaklah sebenarnya dapat menyelesaikan masaalah itu. Kerana kerajaan menggunakan pendekatan kebudayaan nasional dan juga Dasar Ekonomi Baru.

Oleh itu ABIM dalam melihat penyelesaian kepada masaalah masyarakat majmuk, mengkritik program untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum. Tetapi pada praktiknya adalah berdasarkan kepada faham perkauman yang bertentangan dengan apa yang dibicarakan oleh Islam. Dimana polisi yang ada sekarang adalah berdasarkan kepada kapitalis dan institusi yang asasnya untuk mengekploitasi. ABIM juga mengkritik golongan yang tak bertanggungjawab, yang mana mereka menggunakan kemiskinan sebagai senjata pada orang tertentu, ataupun Islam digunakan sama seperti kumpulan pendakwah untuk politik. Golongan anti Islam itu, menggunakan bentuk krisis untuk menyelesaikan krisis antara penganut-penganut Islam.

Dalam muktamar tersebut telah dibentuk tiga resolusi dalam penyelesaian masaalah ini:

---

49 ABIM, '<u>Risalah</u>', Percetakan ABIM, 1979, Bil. 3.

1. urged people to study and accept the Islamic approach in solving the problem of multi-racial society such as achieving unity, natural identity and social and eonomic justice, because of the nature of man and its true respect of his dignity.

2. claimed these was widespread corruption, misuse of political power, exploitation of workers, detention without trial and other injustices which were 'repugnant to the spirit of Islamic justice".

3. called for support for the just struggles 'of Muslims in Afghanistan, Eritrea, Southen Philippines India, USSR and Thailand for freedom and justice and to line the Islamic way of life"[50]

Di sini jelaslah ABIM bukan sahaja memperjuangkan hak orang-orang Islam, tetapi dalam hal masyarakat majmuk ini ABIM memperjuangkan keadilan dan menentang kezaliman yang dilakukan atas semua kaum dan ugama. Ini menunjukkan satu perjuangan yang universal atau leberal. Ini dirasakan bertujuan untuk mengujudkan intergrasi didalam memperjuangkan Islam tanpa mengira kaum, bangsa atau tempat. 'Di sini ABIM melihat masyarakat majmuk dengan satu fenomena trajis atau barah sosial yang harus dikesali dan dihadapi dengan sikap pasimistis'.[51]

---

50 ABIM, 'Buku Cenderamata Muktamar Senawi Ke Lapan ABIM', Percetakan ABIM, 1979

51 ABIM, 'Risalah', Percetakan ABIM, 1979, Bil. 4.

University of Malaya

ABIM melihat bahawa Islam bukan ugama perkauman, malah Islam adalah anti perkauman. Dimana universalisma dalam Islam yang lahir dari konsep 'Dinul-fitrah', iaitu ugama yang serasi dengan keadilan dan kesejatian sifat manusia tanpa mengira kaum. Ini telah dilahirkan dalam keadaan 'muslim', yang membawa pemasangan dari keadaan ini ialah faktur mendatang seperti persekitaran budaya, sejarah dan pendidikan. Jadi konsep 'fitri', ialah yang menjadi dasar konsep 'universal humanism' atau 'insaniyah alamiyah', dimana Islam merupakan ajaran sejagat atau 'revolutional universalism'. Dengan konsep universalism inilah, Islam telah dapat membentuk masyarakat majmuk, tetapi konsep ini telah dipesongkan dari asalnya dan menjadikan ianya tidak diyakini.

Dengan menggunakan konsep-konsep inilah, ABIM cuba untuk menyelesaikan masaalah masyarakat majmuk, dan menganjurkan kepada pihak berkenaan agar ianya dipraktikkan. Dan ABIM selalu mengadakan ceramah atau forum untuk membincangkan masaalah ini secara terbuka, kepada semua kaum. Walaupun apa yang dilakukan kurang berkesan kerana masyarakat bukan Islam sendiri susah untuk memahami atau tidak mahu memahami, tetapi ABIM cuba pula mengggunakan mass media dan juga buku yang diterbitkan sendiri oleh ABIM.

Islam adalah berdasarkan kepada keadilan yang didasarkan dari norma-norma etika senawi yang murni, dan juga saintis yang harmoni diantara undang-undang dan moral. Dimana keadilan Islam berdasarkan pengiktirafan 'karamah insanniyah' atau 'human dignity', menghormati dan melayani manusia atas dasar hak dan kewajipan kemanusiaan. Inilah

cara penyelesaian masyarakat majmuk yang dipakai oleh ABIM.[52]

Berdasarkan kepada ajaran Islam inilah, ABIM menjadikan dasar kepada perjuangan untuk mendapat keadilan sosial tanpa mengira kaum. Cara penyelesaian inilah yang dipejuangkan oleh ABIM dalam pergerakannya. Dalam melihat hal ini kita dapati bahawa seluruh anggota komponan dan seluruh individu dijamin dengan hak asasi kebebasan berugama, kebebasan individu, keselamatan hidup dan lain-lain perlindungan sepenuhnya.[53] Selain daripada itu Islam juga mempunyai peruntukan-peruntukan dasar yang dapat mengujudkan kerukunan hidup berugama. Antara prinsip-prinsip toleransi antara ugama dalam Islam ialah:

1. persamaan sumber seluruh ugama senawi.
2. keselarasan risalah seluruh ambiya dan kewajipan umat Islam beriman dengan mereka.
3. tidak ada paksaan dalam ugama.
4. penghormatan terhadap tempat-tempat ibadat.
5. kewajipan bekerjasama dalam melaksanakan kebajikan dan menentang kejahatan.[54]

Atas dasar-dasar inilah dan persamaan antara ras, ABIM menggunakan Islam dan yakin dapat menyelesaikan masaalah masyarakat majmuk. Dan prinsip inilah juga yang diperjuangkan oleh ABIM. Dimana

---

52 Opcit, ABIM, '<u>Buku Cenderamata Muktamar Senawi ke Lapan ABIM</u>'.

53 Opcit, ABIM, '<u>Buku Cenderamata Muktamar Senawi ke Lapan ABIM</u>'.

54 Opcit, ABIM, '<u>Risalah</u>', 1979, Bil. 3.

University of Malaya

selain daripada budaya Islam, Islam juga sanggup menilai dan menerima penyerapan budaya asing yang sejalan dengannya. Oleh itu kebudayaan Islam adalah kebudayaan antarabangsa dan berbilang kaum.

ABIM dan Wanita:

Dalam melihat pandangan ABIM tentang wanita, yang merupakan salah satu aspek yang diperjuangkan oleh ABIM. Ini jelas didalam Peristiharan 6 Dhulhijjah, dimana resolusi yang dibuat iaitu resolusi ke 7 menyatakan bahawa 'masyarakat Islam berkewajipan menegakkan keadilan bagi kaum wanita dan menggerakkan mereka ke arah kedudukan dan peranan mereka yang sudah ditentukan oleh Islam iaitu Al-Quran dan As-Sunnah'.[55] Juga menyatakan bahawa segala bentuk amalan yang merendahkan mertabat wanita, mungkin peranan mereka yang sebenarnya, mestilah ditentang iaitu menjadikan wanita sebagai sumber tenaga buroh yang murah. Kerana ini adalah merupakan satu kezaliman terhadap kaum wanita. ABIM juga menolak sistek kebudayaan barat yang berteraskan nafsu, yang menjadikan wanita tidak lebih dari barang dagangan.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah, wanita sekarang ini terutama yang memperjuangkan hak yang sama dengan lelaki, telah diambil kesempatan oleh golongan tertentu, terutama golongan lelaki yang menjadikan wanita sebagai sumber untuk memuaskan nafsu dan juga sebagai barang untuk mendapat keuntungan. Ini jelas dimana terdapat kegiatan menjual wanita untuk dijadikan pelacur, tukang urut, penari kelab malam, pelayan, sebagai model dan lain-lain yang meletakkan wanita

---

54 ABIM, 'Peristiharan 6 Dhul Al-Hijjah ABIM', Percetakan ABIM, 1975.

sebagai barang dagangan. Inilah yang dianggap oleh ABIM sebagai satu kezaliman dan ketidakadilan yang dilakukan kepada wanita sekarang ini, yang jelas ujud di Malaysia. Kerana bagi ABIM yang memperjuangkan keadilan dan menentang kezaliman, yang menganggap wanita mempunyai peranan dan kedudukan yang tertentu dalam masyarakat, dan kedudukan ini haruslah dihormati oleh masyarakat. Untuk menjelaskan keadaan ini ABIM telah mengadakan satu kurus iaitu 'Kursus Kesedaran Wanita' yang bertujuan:

1. menolak pengaruh luar terhadap pemikiran wanita.
2. meletakan kedudukan ibu ditempat yang istimewa dengan tugas dan tanggungjawab yang tertentu.[56]

Daripada kursus di atas, jelas menunjukkan bahawa ABIM menganggap bahawa pengaruh luar terutama kebudayaan barat, telah mempengaruhi fikiran wanita. Kebudayaan yang mempengaruhi fikiran wanita ini ialah kebudayaan nafsu atau kebudayaan kebendaan yang menjadikan wanita sanggup untuk menjadikan diri mereka sebagai barang dagangan. Ini jelas bahawa mereka sanggup menjadi pelacur atau penari bogel kerana wang. Kerana wang yang didapati dari hasil menjual diri atau mempamerkan bentuk badan itu adalah lumayan. Dari kursus di atas juga ABIM cuba untuk menerangkan akan kedudukan wanita atau ibu dan peranannya yang sebenar mengikut Islam. Dan juga cuba untuk menerangkan bahawa Islam meletakkan wanita di taraf yang istimewa, yang tidak boleh dipertikaikanglagi.

---

56 ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM', 1979.

Untuk menunjukkan ABIM kurang sedang dengan keadaan yang ujud sekarang ini, yang meletakan wanita di peringkat bawah dan sebagai barang dagangan. ABIM telah mengadakan Majlis Muzakkarah melalui seksi Hal Ehwal Wanita (HELWA), dikalangan ahli-ahli wanita, yang membincangkan penglibatan wanita dalam gerakan Islam. Ini menunjukkan bahawa wanita juga penting dalam gerakan Islam, untuk mengembalikan kedudukannya ditempat yang telah ditetapkan oleh Islam. Selain daripada itu, ABIM juga telah menganjurkan satu Muktamar Pertubuhan Wanita Islam, yang telah membincangkan berkenaan dengan perancang keluarga, kebajikan pekerja-pekerja wanita dan penjejasan maruah wanita atau perempuan.

ABIM juga melihat bahawa perancang keluarga yang telah dipraktikan penggunaannya dalam masyarakat Malaysia, adalah merupakan satu yang kurang baik kerana menjejaskan kedudukan wanita itu sendiri didalam Islam. Dimana kedudukan wanita didalam Islam, ialah sebagai ibu dan mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap keluarga, telah mengurangkan kadar kelahiran, dan menjadikan sesuatu keluarga itu kecil bilangan keluarganya, dan ini menjadikan kuranglah peranan wanita itu sebagai ibu dan juga pengurus rumahtangga. Tanggungjawab dalam keluarga yang berkurangan ini telah digunakan untuk perkara-perkara di luar rumahtangga, yang mana peranan ini sebenarnya adalah untuk kaum lelaki.

Berkenaan dengan pekerja wanita Islam di kilang-kilang, ABIM dalam Muktamar ke 5nya menggesa kerajaan agar mengarahkan pihak kerajaan atau majikan supaya menentukan shif bekerja bagi wanita Islam disebelah siang sahaja dan mengadakan kemudahan-kemudahan sembahyang bagi pekerja Islam ditempat kerja. Dalam masaalah ini, ABIM bersama dengan Pertubohan

Wanita atau Perempuan Islam Malaysia telah mengadakan Muktamar Kedua, yang membincangkan kertas kerja:

1. Kebajikan pekerja-pekerja wanita atau perempuan.
2. Berancang Keluarga
3. Penjejasan Maruah Wanita.[57]

Dalam muktamar ini telah dibuat sebanyak 5 resolusi, hasil perbincangan dari masaalah kebajikan pekerja-pekerja wanita atau perempuan iaitu:

1. mengesyorkan kerajaan supaya menubuhkan sebuah perbadanan kebajikan wanita yang akan memberi perkhidmatan untuk mengatasi masaalah mereka.
2. pertubuhan-pertubuhan wanita dengan kerjasama majikan hendaklah mengadakan usaha untuk melaksanakan tugas yang akan dilaksanakan oleh perbadanan yang akan ditubuh nanti.
3. membentuk satu badan petugas yang akan menjalankan kajian meliputi semua peringkat dan golongan pekerja wanita dan mengemukakan pada pihak yang berkenaan supaya tindakan dapat diambil.
4. mengusulkan supaya pihak majikan mengadakan kemudahan bimbingan ugama bagi pekerja Islam dan kemudahan Ibadat.
5. Undang-undang berkaitan dengan pekerja wanita hendaklah dikaji, dipinda atau dibentuk bagi perkara berkenaan gaji, kemudahan perlindungan dan cuti bagi pihak wanita dan lelaki.[58]

---

57 ABIM, '<u>Risalah</u>', Percetakan ABIM, Mei 1977.

58 Ibid, Mei 1977.

Dari resolusi di atas, menunjukkan bahawa wanita sekarang terutama dalam sektor perkilangan, adalah diekploitasi oleh golongan kapitalis untuk mendapat keuntungan yang tinggi. Ekploitasi ini dilihat dari segi bayaran yang rendah dan kemudahan yang kurang terhadap pekerja wanita. Ini dianggap oleh ABIM sebagai satu kezaliman dan penggunaan tenaga wanita yang sewenang-wenangnya. Inilah yang cuba dibela oleh ABIM, kerana dalam Islam perkara ini tidaklah dibenarkan.

Dewasa ini umat Islam telah kehilangan banyak pengajaran Islam, kerana dilanda oleh kehidupan moden, maka tidak hairanlah jika mereka juga boleh atau telah kehilangan banyak pengajaran-pengajaran ugama yang berhubung dengan persoalan mental. Ini menunjukkan bahawa Islam melarang sebarang bentuk penginayaan atau kezaliman terhadap wanita. Masaalah yang timbul bagi kaum wanita, ialah pengaruh luar yang telah menimbulkan penjajahan fikiran dalam bentuk tamaddun yang diterima oleh dunia Islam dan barat. Sesungguhnya barat telah menyebarkan sesuatu bentuk penaklukan pemikiran yang menggoncang kepercayaan masyarakat Islam yang dipusakai dalam bentuk Islamiyah atau Jahilliyah, serta mengemukakan kepada masyarakat Islam bentuk-bentuk kemajuan bebas berhubung dengan kedudukan wanita serta menimbulkan fitnah yang besar terhadap wanita Islam. Anggapan ABIM, wanita sekarang telah diseret kearah menyembah nafsu jantina yang serba moden dan permisif sehinggal hal yang bersangkut paut dengan wanita berkembang dengan menyebabkan hilangnya kemanusiaan, maka jadilah wanita alat kepada kaum lelaki tanpa ada tanggungjawab, diperas untuk kepentingan mereka dan bukan lagi dinilai dari segi kewanitaan.

Seperkara dengan di atas, ABIM telah menganjurkan satu kursus iaitu 'Kursus Kesedaran Wanita Kedua', yang mempunyai besar ertinya dalam usaha menghapuskan pengaruh luar yang telah menimbulkan penjajahan fikiran dalam bentuk tamaddun yang diterima oleh wanita Islam dari Barat. Fenomena ini ujud akibat kurangnya pengetahuan mereka tentang Islam sebagai ugama fitrah, yang meletakkan wanita di satu tempat yang istimewa dengan tugas dan tanggungjawab yang tertentu dalam mempastikan kesejahteraan manusia sejagat. Ini didapati kerana pengaruh sukalarisme yang melanda masyarakat Islam, yang pada peringkat ini semakin menimbulkan satu keadaan yang membimbangkan. Kerana sehingga ke saat ini negara Islam yang pernah dijajah oleh Barat masih belum dapat dikikis saki baki peninggalan penjajah. Sebenarnya penjajahan tidak terbatas kepada penjajahan politik atau ekonomi sahaja tetapi termasuk juga penjajahan fikiran atau penjajahan kebudayaan.[59] Inilah yang menimbulkan kesedaran ABIM untuk memperjuangkan Islam yang hakiki, yang menghayati Islam sebagai satu cara hidup. Ini menimbulkan ABIM sebagai 'reformers', dimana cuba mengembalikan status dan hak-hak wanita yang telah dikongkong oleh tradisi lapuk dan ajaran ugama yang salah.

Begitu juga dengan perancang keluarga, didalam muktamar kedua itu telah dibuat atau dicadangkan supaya:

---

59 'penjajahan kebudayaan', ialah satu penjajahan terhadap kebudayaan Islam, yang cuba untuk mengubah kebudayaan Islam menjadi kebudayaan sekular atau barat yang tidak memberatkan kepada moral.

1. majlis raja-raja keluarkan fatwa syara' tentang perancang keluarga bagi dikuatkuasakan di Malaysia.

2. pertubuhan-pertubuhan wanita mengadakan kursus khas berkenaan dengan perancang keluarga.

3. kerajaan pastikan tidak ada penyelewengan dan penyalahgunaan dalam perlaksanaan perancang keluarga.

4. penegasan hendaklah dibuat tentang kesihatan ibu, anak dan keluarga dalam menjalankan usaha perancang keluarga.[60]

Dari cadangan yang dibuat itu menunjukkan bahawa terdapat penyelewengan didalam perlaksanaan perancang keluarga, dimana kaum tertentu sahaja yang ditekankan tentang penggunaan perancang keluarga untuk mengurangkan kelahiran pada satu keluarga. Ini dilakukan dengan bermaksud untuk mentasi masaalah kemiskinan, terutama dalam masyarakat Melayu, tetapi kurang ditekankan dalam masyarakat bukan Melayu. Ini dilihat oleh ABIM dalam jangka waktu yang panjang dimana orang-orang Melayu akan berkurangan, tetapi bukan Melayu akan bertambah dengan bilangan yang melebihi. Dan kesan ini akan melibatkan kesan kepada kekuasaan politik Melayu akan datang. Dan sehingga sekarang tidak ada fatwa syara' yang dikeluarkan oleh majlis raja-raja samaada perancang keluarga itu dibolehkan oleh Islam seperti yang dilakukan dengan cara saintifik, sedangkan dalam Islam sendiri mempunyai cara yang tertentu untuk merancang yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

---

60 Opcit, ABIM, '<u>Risalah</u>', Mei 1977.

Di sini menunjukkan ABIM ingin menegakkan Islam sebagai suatu cara hidup yang dapat diterima, dan tidak menolak wanita dengan peranannya dan memperjuangkan hak wanita seperti yang dituntut oleh Islam

University of Malaya

# BAB V

## KEGIATAN POLITIK ABIM

**ABIM dan Hubungan dengan Luar Negeri:**

ABIM sebagai satu pertubuhan yang diwakili oleh belia Islam, secara langsung berhak mewakili belia Islam Malaysia dalam kontek perhubungan dengan negara-negara luar atau pertubuhan-pertubuhan Islam di luar negeri. Dan perhubungan ini baik secara langsung ataupun tidak langsung. Ini jelas dengan adanya satu seksi iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa, yang dibentuk khusus untuk menguruskan berkenaan dengan hal-hal yang berkaitan dengan antarabangsa. Perhubungan yang dibuat adalah khusus kepada pertubuhan Islam atau negara Islam dan tidak kepada organisasi yang bukan Islam.

Perhubungan dengan pertubuhan dan negara Islam di luar negeri berjalan dengan baik apabila Presiden ABIM, Anwar Ibrahim dipilih sebagai wakil WAMY bagi kawasan Asia-Pasifik dan juga mewakili Malaysia dalam persidangan belia antarabangsa atau persidangan Belia Islam. Ini telah benyak memberi kesan yang baik dari segi perhubungan antarabangsa ABIM. Dengan perhubungan inilah ABIM mendapat sumbangan-sumbangan tertentu yang membolehkan ABIM terus bergerak. Sumbangan dan sokongan ini adalah dari segi moral dan material. Pertubuhan-pertubuhan Islam ini adalah seperti di bawah:

1. World Federation of International Islamic Schools.
2. World Assembly of Muslim Youth

University of Malaya

3. International Islamic Federation of Students Organization.
4. Aisha Bawamy Wakaf, Pakistan.
5. Rabital Al-Alam Al-Islam.[61]

Apa yang dapat dilihat, bahawa semua pertubuhan di atas adalah merupakan pertubuhan Islam yang terbesar di dunia, yang mana ahli dan pengurusannya adalah dijalankan oleh umat Islam yang datang dari semua negara Islam. Tujuan pertubuhan-pertubuhan ini adalah untuk menegakkan dan mengembangkan Islam sebagai ugama yang dapat diterima oleh semua manusia, sebagai ugama fitrah atau sebagai satu cara hidup yang sempurna. Pertubuhan-pertubuhan Islam ini mendapat bantuan keawangan dan moral dari negara-negara Islam.

Kegiatan dan pertubuhan ini memang sudah dikenali lebih awal lagi oleh negara-negara di Kawasan Timur Tengah dan Asia Barat. Boleh dikatakan semua pertubuhan dan pergerakan ini mengkagumi pergerakan ABIM. Dengan ini mereka banyak perhubungan baik secara langsung atau tidak langsung dengan ABIM, iaitu melalui aktiviti yang dijalankan secara bersama atau kunjungan dari pertubuhan ini ke ABIM pusat. Selain daripada itu ABIM dan pertubuhan-pertubuhan ini sentiasa mengadakan pertukaran maklumat yang berkaitan dengan pergerakan mereka. Dari perhubungan yang berlaku ini menunjukkan ABIM dalam pergerakannya mendapat simpati atau sokongan daripada negara atau pertubuhan Islam

---

61 ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', Percetakan ABIM, 1977.

di luar dalam gerakannya untuk menegakkan Islam, dan sokongan ini adalah dalam bentuk moral dan material. Dari perhubungan ini juga, telah mengujudkan satu hubungan yang baik antara pemimpin-pemimpin pertubuhan Islam di luar dengan pemimpin-pemimpin ABIM. Dengan perhubungan ini menjadikan ABIM bertambah yakin dalam pergerakannya atau perjuangannya. Inilah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa ABIM dalam memperkenalkan ABIM kepada dunia luar. Diantara pertubuhan dan organisasi Islam di luar yang menjadi kawan baik kepada ABIM, yang terdiri dari organisasi belia dan pelajar Islam adalah seperti:

1. 'Fosis' of United Kongdom and Ireland.
2. Muslim Students Association of United States and Canada.
3. Cameras African Muslim.
4. Persatuan Pelajar Islam Indonesia.
5. Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia.[62]

ABIM mempunyai perhubungan yang rapat dengan badan-badan Islam antarabangsa di atas dan Badan Perunding Belia Islam yang pernah dianjurkan oleh Libya pada tahun 1973 dan yang giat diusahakan oleh Arab Saudi dan sekarang dikenali dengan Enam Badan Perunding Belia Islam Dunia.[63] Melalui badan ini jugalah kerajaan Malaysia diseru supayamembebaskan Anwar Ibrahim dan dari tahun inilah Anwar Ibrahim dibebaskan tanpa syarat. Dan dari pertubuhan di atas, jelas didapati

---

62 ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1978</u>', Percetakan ABIM, 1978.

63 Ibid, 1978

bahawa pertubuhan Islam itu adalah pertubuhan yang ditubuhkan oleh penuntut dan belia Islam. Ini menjelaskan terdapat kesedaran dari kalangan penuntut dan belia Islam akan keadaan dan fenomena sosial yang ujud dan boleh mengancam umat Islam seluruh dunia. Kesemua pertubuhan ini bertujuan untuk menegakkan Islam sebagai jalan untuk menyelesaikan masaalah yang timbul. Kesedaran ini timbul kerana dimana-mana negara Islam sekalipun, telah ujud penyerapan dan penyesuaian dengan kebudayaan barat, yang dianggap satu fenomena yang tidak menyenangkan.[64]

Selain daripada itu, ABIM juga didatangi oleh tokoh-tokoh terpenting Islam atau pemimpin-pemimpin belia Islam dari luar negeri. Ini menunjukkan tada sokongan dan simpati mereka pada pergerakan ABIM. Dengan kedatangan mereka ini, dapatlah mereka berbincang dan memberi ceramah yang telah diatur atau tidak oleh ABIM. Ini menjelaskan bahawa ABIM menjadi model kepada pergerakan Islam di luar untuk mereka menjalankan kegiatan dakwah di negara mereka sendiri. Kerana mereka memandang bahawa pergerakan Islam di negara ini kurang mendapat tentangan dari kerajaan. ABIM juga dijemput untuk mengambil bahagian didalam berbagai forum dan ceramah antarabangsa, sebagai mewakili Malaysia atau belia Islam serta ABIM sendiri, seperti:

1. Persidangan Ketiga Himpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) di Riyadh.

---

64 '<u>fenomena yang tidak menyenangkan</u>', ialah fenomena yang dianggap meruntuhkan moral dan etika kaum belia Islam dan seluruhnya, dimana fenomena ini adalah seperti penagihan dadah, kegilaan sosial iaitu disco, pendedahan tubuh badan, penerbitan lucah dan sebagainya, dan fenomena ini dianggap dibawa dari tamaddun sekular atau tamaddun barat.

University of Malaya

2. Persidangan Pertama Pendidikan Islam, di Mekkatul Mekarramah, anjuran Universiti Al-Malik Abdul Aziz Jeddah dan Mekah.

3. Persidangan Sekolah-Sekolah Islam Antarabangsa Jeddah, anjuran Pertubuhan Sedunia Sekolah-Sekolah Islam Antarabangsa.

4. Tamrim Al-Kader Da'awah di United Kongdom, anjuran Federation of Students Islamic Societies in United Kingdom dan Eire.

5. Persidangan Islam Antarabangsa mengenai Pertanian anjuran Universiti Riyadh.

6. Persidangan Islam Antarabangsa mengenai Ekonomi, di London, anjuran Majlis Islam Eropah.

7. Persidangan Gabungan Persatuan Pelajar Islam Antarabangsa di Turkey, anjuran IIFSO.

8. Lawatan Anwar Ibrahim ke negara luar bagi meninjau dan juga menerangkan akan kedudukan ABIM dalam perkembangan Dakwah Islamiah dan juga sebagai badan atau organisasi belia Islam.[65]

ABIM juga menyertai Forum di peringkat antarabangsa dengan menghantar wakilnya didalam forum yang diadakan. Ini jelas dalam beberapa forum antarabangsa yang diadakan:

---

65 Opcit, ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', 1977.

1. Dailog Muslim/Kristian di Singapura.

2. Dailog Muslim/Kristian di Hong Kong.

3. Seminar Belia Asia mengenai wanita di Katmandu, ini melalui ABIM.

4. Bengkel Besar Belia Kebangsaan, di Kuala Lumpur melalui ABIM.

5. Persidangan Saintis Islam Sedunia di Riyard.

6. Persidangan Islam Antarabangsa di Indonesia.[66]

Dari forum dan dailog diadakan itu, menunjukkan bahawa perbincangan adalah meliputi semua aspek kehidupan dalam Islam. Melalui inilah ahli-ahli yang menghadiri forum dan dailog dapat membuat perbandingan dengan jelas sekali tentang Islam dengan ugama-ugama lain yang ada terutama Kristian. Juga dapat membuat satu rumusan tentang Islam yang dilihat dari segi ilmu pengetahuan sebagai merangkumi seluruh ilmu pengetahuan yang ada pada manusia, dan membandingkan ilmu yang dicipta oleh manusia seperti sains dan juga ilmu yang diturunkan oleh tuhan melalui Al-Quran mengenai keseluruhan alam ciptaannya.

Kalau kita lihat dari segi implikasi politik, akibat dari perhubungan antara ABIM dengan pertubuhan dan negara Islam diluar, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap ABIM untuk mengharamkannya atau menyekat ABIM dari membuat perhubungan ini. Tetapi ini tidak dapat dilakukan oleh kerajaan. Kerana kerajaan takut perhubungannya

---

66 Opcit, ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1976/77</u>', 1977.

dengan negara-negara Islam yang mempunyai perhubungan yang rapat dengan ABIM akan terjejas, dimana negara-negara ini banyak memberi bantuan pada kerajaan dari segi material. Selain daripada itu, kerajaan terpaksa juga menjaga kepentingan politik antarabangsa. Dari implikasi ini, ABIM dapat meneruskan perhubungan dengan negara dan pertubuhan Islam di luar. Ini menjadikan ABIM dapat berbincang dan membuat resolusi, yang akan digunakan untuk pergerakan ABIM. Walaupun begitu, perhubungan ini telah diperhatikan oleh kerajaan, dan baru-baru ini kerajaan telah mengambil tindakan mengharamkan perhubungan ABIM dengan pertubuhan luar, dan kalau ABIM mahu meneruskan perhubungan itu, haruslah mendapat kebenaran dari kerajaan dulu.[67]

Melalui hubungan yang timbal balik ini, menjadikan ABIM sebagai sebuah pergerakan belia Islam yang mempunyai rasa tanggungjawab sesama Islam. Selain daripada itu, ABIM juga menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai umat Islam, diatas beberapa persoalan antarabangsa seperti, masaalah Baitul Muqqaddis, Islam di Phillipina, Islam di Thailand, Islam di Afghanistan dan sebagainya. Ini menjadikan ABIM berjuang atas prinsip Islam bersaudara, dan semua masaalah haruslah diselesaikan bersama-sama.

ABIM dan Hubungan dengan MBM:

Majlis Belia Malaysia (MBM), adalah merupakan sebuah organisasi belia yang dibentuk dan dibawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia (KKBS). MBM adalah merupakan gabungan dari

---

67 Utusan Malaysia, 22hb. Oktober 1980, 'ABIM diarah putus hubungan dengan Pertubuhan-Pertubuhan Luar'. Utusan Malaysia, K.L.

pertubuhan belia atau pertubuhan sukarela mempunyai wakilnya dalam struktur organisasi MBM. Dan wakil-wakil ini, adalah merupakan Ahli Jawatankuasa MBM. Walaupun begitu tak semua pertubuhan sukarela atau belia menjadi badan gabungan MBM. Ini disebabkan MBM adalah berkaitan atau dikawal oleh KKBS. Walaupun begitu ABIM adalah merupakan salah satu daripada pertubuhan belia atau sukarela yang menjadi anggota MBM, dan banyak daripada ahli-ahli ABIM menjadi ahli jawatankuasa MBM. Kemasukan ABIM dalam MBM adalah mempunyai motif dan tujuan yang tertentu, yang akan dibincangkan nanti. Dimana tujuan dan motif ABIM ini, menjadikan ABIM dapat bergerak untuk mencapai matlamatnya.

Majlis Belia Malaysia dibentuk atau ditubuhkan pada 23hb. Julai, 1950, oleh 26 buah pertubuhan sukarela yang ujud di Malaya (pada masa itu) dan diiktiraf pada tahun 1951. MBM ditubuhkan adalah bertujuan untuk melatih para belia yang ada dalam segala bidang atau aspek bagi menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada kelak. Dari Perlembagaan Tubuh MBM jelaslah menunjukkan bahawa tujuan pemubuhannya adalah:

> '..... for the purpose not of promoting a balanced economic, social, physical, mental, spiritual and political development of youth but also of instilling in them a sense of national identity and spirit of dedicated service to the country and community and these help them to better equip themselves to lead the life of mature, creative and responsible citizens.[68]

---

68 Majlis Belia Malaysia, 'Perelembagaan Tubuh MBM', Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia', 1950, m.s. 2.

Di sini MBM merupakan satu organisasi yang bebas, walaupun ianya terletak di bawah kawalan KKBS. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, bebas dalam melakukan segala aktiviti atau rancangan yang berkaitan dengan belia dan masyarakat, selagi aktiviti itu tidak bertentangan dengan polisi atau dasar kerajaan. Oleh kerana MBM adalah merupakan organisasi sukarela, MBM haruslah meningkatkan atau mempertahankan prinsip sukarela, dalam kerja atau rancangan yang disusunnya. Dalam menjalankan aktivitinya yang dirancangkan oleh MBM, ianya diselaraskan dengan badan-badan belia yang menjadi gabungannya di peringkat kebangsaan dan juga dengan pertubuhan pelajar peringkat kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa MBM tidak menjalankan kegiatannya secara bersendirian.

Sekarang ini terdapat lebih daripada 26 buah pertubuhan belia yang menjadi anggota MBM. Kesemua pertubuhan belia yang menyertai MBM ini, adalah merupakan pertubuhan belia kebangsaan. Ini juga menunjukkan tidak kesemua pertubuhan belia kebangsaan yang terdapat di Malaysia bergabung dengan MBM atau menjadi anggotanya. Salah satu daripada pertubuhan belia yang menjadi anggota kepada MBM ialah ABIM sendiri. Di sini walaupun MBM terikat dengan KKBS, dan secara tak langsung juga menunjukkan ABIM juga terikat dengan KKBS, tetapi MBM dan ABIM adalah bebas untuk mencorakkan pertubuhannya dengan cara yang tersendiri.

ABIM menjadi anggota kepada MBM adalah bertujuan untuk menggunakan MBM sebagai 'extension', yang dapat memainkan peranan yang 'constructive' atau membina dalam:

1. Sidang Dewan Tertinggi MBM
2. Simposium 25 tahun ABIM.
3. Projek Dakwah sempena Hari dan Belia Kebangsaan 1977.
4. Mesyuarat Agung MBM.[69]

Peranan yang membena ini ialah, ABIM dapat menggunakan MBM untuk mencapai matlamatnya. Kerana MBM adalah satu organisasi belia yang diwakili oleh belia seluruh Malaysia, dan MBM juga masih memperjuangkan falsafah iaitu 'nafas baru', yang diujudkan oleh Anwar Ibrahim semasa menjadi Presiden MBM. Dengan menggunakan falsafah ini ABIM cuba untuk mengujudkan perpaduan dan kerjasama dikalangan belia supaya lebih progresif, berjiwa luhur dan tidak terikat dengan mana-mana kepentingan politik kepartian yang sempit melalui dan dalam MBM.

Dengan menjadi anggota kepada MBM, ABIM terpaksa menghantar wakilnya didalam tiap-tiap aktiviti atau rancangan yang dilakukan oleh MBM, selain daripada memberi sumbangan yang boleh menjayakan aktiviti atau rancangan itu. Ini kerana ahli MBM adalah merupakan ahli-ahli badan gabungan MBM. Walaupun ABIM menjadi anggota kepada MBM, ini tidak bermakna ABIM sudah hilang identitinya sendiri. Dimana ABIM mempunyai kuasanya tersendiri untuk menjalankan segala aktivitinya tanpa terikat dengan MBM. Ini menjelaskan asas keanggotaan ABIM didalam MBM memperuntukkan hal yang sedemikian, dimana ABIM bebas menentukan tindakannya sendiri, yang dianggap sesuai dan menolak segala kegiatan

---

69 Opcit, ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', 1977.

yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang dilakukan oleh MBM. Ini bermakna bahawa ABIM hanya akan menyertai aktiviti yang dilakukan oleh MBM, kalau aktiviti itu tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan norma Islam yang diperjuangkan oleh ABIM.

ABIM telah menjadi ahli majlis atau anggota MBM pada tahun 1973.[70] Pada walnya penyertaan ABIM sebagai anggota MBM, telah menjadi satu pendebatan hebat didalam mesyuarat Jwatankuasa Kerja Pusat, samaada berfaedah atau tidak ABIM menjadi anggota MBM. Akhirnya ABIM dalam mesyuaratnya itu, telah mengambil keputusan untuk menjadi anggota MBM, kerana keanggotaan dalam MBM tidak menjadi halangan atau menyekat kegiatan ABIM. Ini membolehkan ABIM meneruskan perjuangannya demi mencapai matlamat yang dibentuk untuk memperjuangkan yang hak dan adil. ABIM bebas bersetuju dimana yang sesuai dan membangkang dan berkecuali dimana yang tidak secucuk dengan prinsip Islam dan penderitaan ABIM.

Setakat ini ABIM telah memainkan perana yang penting dan berfaedah sekali dalam MBM, disamping ABIM menjadikan MBM sebagai batu loncatan bagi ABIM mencapai matlamatnya. Ini jelas dengan menggunakan MBM jugalah ABIM banyak membuat perhubungan antarabangsa dengan pertubuhan-pertubuhan belia atau Islam di luar negeri. Dan dengan menggunakan MBM juga ABIM dapat menjalankan kegiatan tanpa mendapat tentangan dari pihak tertentu atau kerajaan, kerana MBM itu sendiri di bawah kerajaan. Juga ABIM menjadi badan yang sanggup mempertahankan

---

70 ABIM, '<u>Risalah</u>', Percetakan ABIM, Tahun Pertama, Bil. 1, 1974.

MBM dari tekanan oleh pihak kerajaan atau pihak tertentu, dimana ABIM menjadi penyokong kepada MBM untuk MBM dikekalkan. Ini menunjukkan ABIM menjadi anggota yang tetap dan setia. Beberapa orang ahli ABIM telah menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja MBM. Ini memudahkan ABIM menerapkan prinsip Islam kedalam MBM dan seterusnya untuk seluruh belia Malaysia khasnya dan amnya seluruh masyarakat.

ABIM dan Dakwah:

Apa yang dimaksudkan dengan dakwah ialah seruan, iaitu seruan kearah kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Dakwah adalah merupakan bidang kegiatan utama ABIM, sebagai sebuah pertubuhan atau organisasi belia Islam, yang mempunyai tujuan utamanya untuk menegakkan Islam sebagai 'the way of life'. Dari tujuan inilah, cara yang paling sesuai untuk mencapai tujuan dengan berdakwah. Berdakwah ialah seruan yang menolak segala apa yang bertentangan dengan Islam dan menegakkan Islam dalam semua aspek kehidupan. Dakwah ini bukanlah bidang kegiatan yang utama kepada ABIM sahaja tetapi adalah untuk semua masyarakat Islam, yang terdapat di Malaysia dan mengaku sebagai seorang Islam. Dengan dakwah ini, ABIM berharap dapat membawa perubahan kepada umat Islam di Malaysia, dan perubahan yang dimaksudkan di sini ialah perubahan dari segi sikap pemahaman jiwa terhadap Islam disamping meningkatkan penglibatan dengan Islam.

Masyarakat Islam mengikut pandangan ABIM, adalah mengikut Islam yang sebenarnya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya dalam segala aspek. Cara hidup Islam ini bukanlah hanya yang dikatakan atau diwarisi sahaja,

tetapi sebenarnya mengikut Al-Quran dan As-Sunnah. Kalau dalam politik, masyarakat Islam haruslah mengikut cara pemerintahan Islam yang tanpa ada penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa, dan mempunyai tanggungjawab untuk menegakkan Islam. Dalam ekonomi pula, masyarakat Islam haruslah mengamalkan ekonomi Islam iaitu keadilan untuk semua orang, yang tidak ada riba atau penindasan. Ini kerana mengujudkan keadilan sosial. Di sini bukanlah dimaksudkan, masyarakat Islam yang dikehandaki oleh ABIM itu mengikut masyarakat di Timur Tengah atau cara penghidupan zaman Khalifah Islam dahulu atau zaman nabi, tetapi masyarakat yang mempunyai penyesuaian dengan tamaddun sekarang tanpa meninggalkan nilai-nilai dan norma-norma hidup Islam yang sebenarnya. Penyesuaian di sini ialah menerima apa yang dianggap baik dan menolak apa yang dianggap merosakkan.

Dari sinilah, ABIM mengandaikan bahawa kaum belia Islam sekarang ini dipengaruhi oleh faham sekularisme dan telah meninggalkan Islam sebagai sesuatu yang dituntut. Oleh itu ABIM cuba untuk menjadikan Islam sebagai satu cara hidup, yang tidak bertentangan dengan realiti sosial. Apa yang dimaksudkan di sini Isla itu dapat diterima dalam semua kehidupan, dalam semua masa, dan dalam semua keadaan. Dan Islam itu bukanlah sesuatu yang boleh diperkatakan sahaja tanpa boleh dipraktikkan, tetapi Islam sebagai satu teori dan juga praktikal. Oleh itu ABIM menjadikan dakwah sebagai bidang pergerakkannya. Di sini ABIM telah menjalankan beberapa kegiatan yang dianggap penting dan harus, sebagai kegiatan dakwah. Kegiatan ini adalah seperti berikut:

1. Seminar Dakwah Belia Islam Asia.
2. Koperasi Belia Islam.
3. Sukatan Tamrin Al-Kader diperingkat kebangsaan.
4. Penyelerasan trend kegiatan Islam dalam ABIM.
5. Perkhidmatan dan perpustakaan buku Islam.
6. Penubuhan sekolah tadika.
7. Penerbitan buku bacaan Islam.
8. Penyelarasan tenaga dakwah dikalangan Siswazah dan pelajar.
9. Majlis Muzakharah.[71]

Daripada kegiatan di atas menunjukkan satu kegiatan yang cuba menimbulkan Islam itu sebagai satu yang merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. ABIM dalam Muktamar Kelimanya telah meluluskan satu usul untuk menubuhkan sebuah Koperasi Belia Islam. Tujuan Koperasi Belia Islam ini, iakah untuk menjalankan kegiatan perdagangan dalam berbagai aspek yang sesuai dengan kehendak Islam. Dimana mesyuarat penubuhan Koperasi Belia Islam (KBI) telah diadakan pada 26hb. Disember, 1976, dan akhirnya telah melantik 12 orang ahli Lembaga Pengarah, dan telah melantik seorang Pengurus untuk menjalankan tugas pada 1hb. Ogos, 1977. Begitu juga ABIM telah menubuhkan sebuah Perpustakaan Islam, tujuan perpustakaan ini dibentuk ialah untuk mengumpulkan dan memelihara segala bahan penerbitan tentang Islam, menyediakan kemudahan untuk pengajian dan penyelidikan Islam dan menggalakkan kegiatan pembacaan serta penulisan tentang Islam.

---

71 Opcit, ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1976/77</u>', 1977.

Selain daripada itu ABIM juga telah mengadakan satu Majlis Muzakharah, iaitu kumpulan perbincangan yang akan membincang satu-satu perkara dan juga untuk memperkenalkan ABIM dengan lebih dekat lagi. Muzakharah ini dilakukan antara ahli dan bukan ahli. Inilah satu cara berdakwah yang dianggap sesuai kerana ianya melibatkan individu-individu secara langsung. Dalam hal berdakwah ini, ABIM telah menetapkan bahawa rancangan khusus hendaklah diadakan bagi melatih ahli-ahli disemua peringkat bagi menambahkan kemampuan dan keupayaan mereka dalam berdakwah. Dan kegiatan ini dijalankan bersama-sama dalam memperjuangkan cita-cita Islamiah dan membentuk satu rangka organisasi pergerakan.

Untuk mencapai cita-cita yang dibentuk ini, ABIM telah meluluskan satu rancangan Tamrin Al-Kader dan Usrah sebagai rancangan yang tetap. Tamrim ini diadakan atau dijalankan oleh Jawatankuasa Tamrim ABIM pusat dan dibantu oleh Jawatankuasa peringkat negeri. Tetapi perlaksanaannya diletakkan di bawah pengawasan dan tanggungjawab Timbalan Presiden ABIM. Ini dilakukan dari peringkat pusat sehinggalah ke peringkat daerah dan unit. Tujuan Tamrim ini diadakan ialah untuk mengujudkan rasa 'ukhwah' dan 'harakah' dalam perjuangan dan organisasi ABIM.

Tamrim ialah latihan, yang dibuat oleh ABIM untuk ahli-ahlinya. Latihan ini diadakan untuk memberi strateji dakwah pada ahli-ahlinya dalam berdakwah. Juga latihan ini ialah untuk memberi tekanan cara berdakwah yang sesuai, iaitu penekanan dalam prinsip berdakwah. Selain

daripada menerangkan Islam yang sebenarnya. Tamrin ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana penglibatan sepenuhnya ahli dalam ABIM. Jadi Tamrim Al-Kader ini adalah satu latihan yang diadakan setahun sekali dalam melihat atau menilai peranan ahli-ahli ABIM dalam berdakwah.

Walaupun Tamrim ini mempunyai tujuan yang baik, tetapi ianya juga mempunyai kelemahan yang tidak dapat dielakkan. Dan untuk mengatasi kelemahan ini, ABIM telah mengadakan usrah. Iaitu satu perbincangan dalam bentuk berkumpulan dan perbincangan ini sebagai melahirkan saling persaudaraan antara satu sama lain. Dan usrah ini adalah bertujuan untuk membincangkan tentang Islam dan juga isu-isu semasa serta strategi dalam berdakwah. Berkaitan dengan hal ini Exco Pusat telah mengadakan perjumpaan dengan pemimpin usrah diperingkat negeri dan daerah serta unit, yang dinamakan 'Muzakharah'. Iaitu satu majlis perbincangan antara ahli-ahli ABIM dengan pemimpinnya untuk membincangkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan dakwah juga semasa. Ini adalah asas kepada Usrah yang akan diadakan nanti. Dalam 'Muzakharah' yang diadakan telah merumuskan:

1. Dalam menerangkan Islam, pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang menyeluruh.

2. Penekanan dalam dakwah ialah atas prinsip-prinsip pokok dan bukan kepada hal-hal 'furuiyah'.

3. Orientasi kefahaman dan kommitmen terhadap Islam itu hendaklah ke arah melaksanakan tuntutan Islam didalam rangka organisasi.

4. Mempastikan supaya setiap Jawatankuasa Kerja ABIM disemua peringkat juga adalah merupakan ahli kumpulan usrah.

5. Bilangan kumpulan usrah hendaklah digandakan dengan diselaraskan dan dibantu oleh Jawatankuasa Kerja ABIM tempatan.

6. Dimana wajar dan sesuai, ABIM atau ahlinya boleh mengambil kesempatan didalam badan-badan lain untuk dijadikan wadah bagi menerangkan Islam.

7. Kesempatan hendaklah dibuka seluasnya bagi bukan ahli untuk mengambil faedah dari kegiatan ABIM untuk sama-sama memperjuangkan cita-cita Islamiah.[72]

ABIM telah mengadakan Tamrim Kebangsaan di Buloh Perindu, Selangor, yang telah merumuskan beberapa hal yang berkaitan dengan Islam dan pergerakan ABIM iaitu:

1. beberapa pendekatan terhadap masyarakat majmuk.
2. pendirian ABIM dalam isu-isu semasa
3. cabaran semasa dalam gerakan Islam.
4. Usrah: Konsep dan Peranannya Dalam Harakah.[73]

Selain daripada Tamrim, ABIM juga dalam kegiatan dakwahnya telah menganjurkan Seminar Dakwah Belia Asia bersama dengan WAMY, Pusat Islam dan Yayasan Dakwah Islam serta Kerajaan Malaysia. Dalam

---

72 Opcit, ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1976/77</u>', 1977.

73 Opcit, ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1976/77</u>', 1977.

seminar ini telah dihadiri oleh seramai 206 orang peserta, iaitu dari luar negeri 53 orang, dalam negeri 158 orang dan 7 orang pembentang kertas kerja, selain daripada tetamu jemputan. Negara luar yang menghadiri seminar itu ialah Australia, Berunai, Bangladesh, Hong Kong, Fiji, India, Indonesia, Jepun, Korea, Pakistan, Singapura, Sri Langka Turkey, Uganda, United Kongdom, Arab Saudi dan Amerika Syarikat serta negara-negara ASEAN. Dalam seminar ini telah dibentangkan kertas kerja yang berkaitan dengan Islam iaitu:

1. Pendidikan Islam dan hubungannya dengan Pembangunan Negara.
2. Cabaran terhadap dakwah Islam di Asia.
3. Pengaruh kebudayaan Barat.
4. Pergolakan di Asia dan Pengaruhnya terhadap umat Islam.
5. Pergerakan Islam semasa.
6. Arus kebangkitan Islam.[74]

Dalam hal dakwah ini, didapati bertambah minatnya masyarakat Islam terhadap Islam. Dimana tenaga pendakwah dari ABIM telah menerima jemputan untuk mengambil bahagian didalam kegiatan dakwah badan-badan Islam yang lain. Di sini didapati pendakwah ABIM telah menghabiskan masa dalam memenuhi permintaan masyarakat juga ahli diperingkat cawangan. Dalam dakwah ini, ABIM menerangkan tentang Islam secara menyeluruh dan juga ABIM yang sebenarnya. Inilah yang menjadikan ABIM dikenali dan mendapat sambutan daripada masyarakat Islam di Malaysia. Dengan ini banyak majlis-majlis penerangan dakwah diadakan. ABIM menegaskan

---

74 Opcit, ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', 1977.

bahawa setiap muslim wajib menjadikan dirinya sebagai kader dakwah, yang akan menjalankan dakwah dengan secara jujur. Apa yang ditegaskan di sini ialah, betapa pentingnya 'mission' dakwah didalam pergerakan Islam. Setiap pergerakan Islam itu, tidaklah bermakna apa-apa dalam kontek kemajuan disisi tuhan, jika tidak mempunyai tujuan berdakwah.[75]

Ini menunjukan dalam bidang berdakwah ini, ABIM cuba untuk menimbulkan satu kebangkitan Islam daripada kesedaran generasi muda terhadap maksud dasar Islam itu sendiri, yang berpunca dari kebangkitan individu. Ini menjadikan ABIM lebeh dalam peringkat menimbulkan suasana Islam itu kembali. Dimana Islam mengemukakan 2 aspek yang harus difikirkan, baik dalam dasar atau perancangannya, iaitu aspek akhlak dan keadilan. Keutamaannya mestilah menekankan soal memperbaiki golongan yang selama ini tertindas, yang susah, yang terinaya, petani yang miskin, nelayan yang susah, kerana golongan inilah yang selalunya dapat memberi sokongan yang lebih dalam satu-satu gerakan itu.

Dari dakwah yang dijalankan oleh ABIM ini menunjukkan ianya dijalankan dengan agressif, dengan kata lain penuh dinamik dan berani, sabar serta beriman. Ini semua dibentuk melalui rancangan latihan perkaderan. Kerana syarat utama untuk membentuk masyarakat yang berprinsipan ajaran asasi al-Quran dan As-Sunnah, dari segi pergerakan atau 'movement' adalah dipentingkan kader-kader dakwah yang baik. Di sini jelaslah tujuan 'Tarbiyyah', seperti kata pengerusi Tamrin ABIM Dr. Razali Nawawi:

---

75 Ibrahim Embong, 'Konsep Dakwah', Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, KL, 1980.

University of Malaya

> 'the programmes were aimed to upgrade the knowledge of Islam among the members and to develop leadership and organizational abilities in order to achieve the maximum amount of the effect of the activities on the people'.[76]

Dari bentuk dakwah yang dijalankan oleh ABIM itu, menunjukkan ABIM menjalankan dakwah dengan berbagai cara yang dianggap dapat memberi kesan dalam pergerakannya. Dari peringkat yang rendah iaitu, melalui sistem persekolahan pra-sekolah, dimana ABIM merasakan dari peringkat inilah harus dimulakan dakwah, dan peringkat yang paling tinggi dengan mengadakan seminar-seminar dakwah yang dapat membincangkan aspek yang dianggap perlu dalam kehidupan manusia iaitu politik, ekonomi, sosial dan spritual.

Ini menunjukkan dakwah adalah menjadi kegiatan utama ABIM dalam mencapai matlamatnya. Kerana dakwah atau maknanya dalam Inggeris 'movement', adalah sama dengan ABIM itu sendiri iaitu 'Youth Movement'. Ini menunjukkan kepada kita telah ujud dakwah dikalangan Belia Islam Malaysia. Ini menjadikan ABIM satu badan dakwah yang secara langsung sebagai satu pergerakan.

<u>ABIM dan Politik:</u>

Sepertimana yang ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin ABIM, ABIM bukanlah sebuah pertubuhan politik yang bercita-cita untuk hubungkan dengan politik tanah air atau sebagai sebuah parti politik.

---

76 ABIM, '<u>Buku Cenderamata Muktamar Senawi Ke Lapan ABIM</u>', Penerbitan ABIM, 1979.

Tetapi sebagai sebuah pertubuhan yang menyuarakan isu yang melibatkan masyarakat atau kepentingan umum, terutama golongan Islam, boleh dikatakan ABIM juga dalam pergerakannya adalah terlibat dengan proses politik baik secara langsung atau tidak langsung. Dalam Perlembagaan ABIM, menjelaskan ABIM tidak boleh melibatkan diri dalam politik negara, dan ABIM menolak sesiapa sahaja yang mendaftarkan diri sebagai ahli ABIM yang ketara menceburkan diri dalam politik tanah air dari memegang sebarang jawab dalam Jawatankuasa Kerja Pusat.

Di sini apa yang dimaksudkan dengan politik ialah, kuasa dan kuat-kuasa dan bagaimana seseorang itu memperolehi kuasa dan kuat-kuasa dan mempertahankannya serta menggunakannya untuk kepentingan diri dan masyarakat pimpinannya. Oleh itu penggunaan kuasa dan kuat-kuasa, adalah untuk menyelesaikan fenomena-fenomena sosial yahg ujud. Fenomena ini adalah seperti penyalahgunaan kuasa, ketidakadilan sosial, masyarakat yang kucar kacir, kemerosotan ekonomi, masyarakat yang miskin dan lain-lain. Fenomena inilah yang cuba diselesaikan oleh ABIM dengan menggunakan Islam. Kalau diperhatikan bahawa politik tidak akan ujud, kalau tidak ujud satu organisasi yang akan mengujudkan kuasa dan kuat-kuasa dan kalau tidak ujud fenomena-fenomena sosial. Walaupun kuasa dan kuatkuasa ada, tetapi ianya tidak dapat digunakan, dan ini juga tidak dapat dikatakan politik yang sebenarnya.

Kalau dilihat pada ABIM, dalam mencapai matlamatnya, ABIM berpolisi tidak akan melibatkan diri dengan politik berparti, tetapi tiap-tiap ahlinya mempunyai hak yang mutlak untuk menyokong mana-mana parti politik yang memperjuangkan cita-cita Islamiah. Di sini belia

Islam harus melibatkan diri dalam semua aspek kehidupan yang boleh mengujudkan satu masyarakat Islam yang sempurna termasuklah politik. Penglibatan ABIM dalam politik jelas dilihat dari aktiviti dan tindakan yang dilakukan atau dijalankan oleh ABIM, misalnya menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masaalah belia Islam.[77] Ini adalah merupakan satu tindakan politik yang tidak boleh dinafikan.

Dalam melihat politik di negara ini, ABIM menyatakan proses demokrasi dalam negara ini, tidaklah demokrasi yang sebenarnya. Ianya mempunyai banyak masaalah dan 'constraint'. Khususnya didalam kumpulan yang bersatu dalam pandangan yang menyeleweng. ABIM menegaskan bahawa mereka bukanlah anti kerajaan, dan segala aktiviti yang dilakukan tidak menunjukkan satu bentuk perubahan yang revolusi. Ini menegaskan, segala tindakan ABIM adalah tidak bertentangan dengan dasar kerajaan.

Selain daripada apa yang dibicarakan di atas, didapati segala tindakan ABIM yang berkaitan dengan perubahan masyarakat, adalah merupakan pola-pola tindakan politik. Segala tindakan ini, adalah berkaitan dengan kerjaan dan masyarakat, tidak hanya didalam negeri sahaja tetapi juga melibatkan luar negeri. Ini menunjukkan Islam melewati batas-batas sempadan negara, ugama dan bangsa. Apa yang dilakukan bukanlah merupakan tindakan secara tiba-tiba atau ridikal, tetapi adalah melalui tindakan menghantar memorandum, demonstrasi, bantahan melalui mass media dan lain-lain lagi.

---

77 ABIM, '<u>Risalah</u>', Percetakan ABIM, Tahun Ke 6, Bil. 4, 1980.

Semua tindakan ini, adalah dianggap tidak radikal kerana ianya tidak merupakan satu tindakan yang boleh mengubah masyarakat atau struktur sosial dan sistem sosial yang ada dengan cara serta merta atau pertumpahan. Apa yang dilakukan hanyalah sebagai bantahan, untuk meluahkan perasaan tidak puas hati. Walaupun tindakanyyang dibuat itu secara beramai-ramai, tetapi aman dan tidak ada tindakan liar atau kasar. Begitu juga dengan menghantar memorandum, yang dilakukan oleh ABIM dan bantahan-bantahan kepada pihak tertentu, tidaklah dapat dianggap sebagai satu yang radikal, kerana ianya bukanlah satu pergerakan tetapi salah satu proses dalam satu-satu pergerakan. Apa yang dilakukan oleh ABIM jelas dalam muktamar yang diadakan pada tiap-tiap tahun, yang membincang satu-satu keadaan yang ujud dan mengambil atau membuat keputusan bagi satu-satu tindakan yang hendak dilakukan.

Dalam Tamrim, Muktamar, Seminar serta kenyataan akhbar, ABIM telah menyuarakan rasa tidak puas hati atas apa yang berlaku sekarang. Beserta dengan rasa tidak puas hati, ABIM juga membuat cadangan atau saranan yang difikirkan baik dan betul, untuk membetulkan apa yang telah berlaku. Segala cadangan ini dirasakan perlu dan baik untuk dilakukan oleh kerajaan atau orang-orang yang bertanggungjawab. Ini jelas dalam muktamar kelima ABIM, yang berkaitan dengan sebaran am, ABIM menggesa kerajaan segera mengharamkan iklan-iklan di alat sebaran am yang diharamkan oleh Islam. Juga menggesa kerajaan mengharamkan percetakan, pengedaran dan penjualan majalah-majalah, buku-buku dan poster-poster yang mempunyai unsur-unsur kegilaan nafsu dan seks.

University of Malaya

Gesaan dari ABIM ini, dalam menggesa kerajaan mengharamkan bahan percetakan yang berbentuk lucah atau kegilaan nafsu dan seks. Gesaan yang dibuat, kalau dilihat dari segi implikasinya adalah kurang jelas, kerana sebelum gesaan ini dibuat, kerajaan juga telah menyedari akan akibat dari penerbitan bahan bacaan umum yang menonjolkan seks, yang melampaui batas susila. Jadi kerajaan telahpun menyekat kegiatan seperti ini. Walaupun kerajaan menerima gesaan ABIM, tetapi tidak begitu diendahkan sangat. Gesaan ABIM ini adalah salah satu daripada bantahan. Juga kerajaan sendiri telah menubuhkan satu badan iaitu Badan Penapis Filem, yang menapis filem-filem yang berbentuk lucah atau seks.

Kemudian ABIM juga menggesa kerajaan agar rancangan keugamaan dan rancangan yang sesuai dengan prinsip keislaman di radio dan TV, dan menghapuskan rancangan yang boleh menghayalkan dan menonjolkan keganasan, kebudayaan yang tidak mempunyai nilai-nilai pendidikan yang sesuai dengan ajaran Islam. Walaupun tidak kerana gesaan dari ABIM, kerajaan telah cuba untuk menyusun rancangan radio dan TV yang dianggap mempunyai nilai dan norma-norma sosial yang sesuai untuk semua jenerasi, dimana ada rancangan berbentuk keugamaan, pendidikan, hiburan dan pengetahuan.

Dalam hal keselamatan negara, ABIM dalam Muktamar ke 5 menegaskan bahawa kerajaan haruslah:

1. bersikap tegas dalam menghapuskan rasuah tanpa mengira pangkat, kedudukan, bangsa dan ugama.
2. bersikap adil dalam menggunakan kuasa yang diamanahkan.

University of Malaya

3. mengamalkan sistem ekonomi Islam yang memperjuangkan keadilan dan kesejahteraan masyarakat umum dan bukan semata-mata untuk memperkayakan yang telah kaya, dan berdasarkan nilai-nilai akhlak yang lengkap dan sempurna yang meletakkan keadilan ekonomi dalam kontek keadilan insaniyah yang lebih luas dan menjadi ekonomi hanya sebagai alat yang mencapai hidup yang lebih tinggi.

4. mengambil langkah untuk menjadikan undang-undang Islam sebagai asas bagi sistem perundangan negara dalam semua aspek.

5. menghapuskan segala bentuk kebudayaan kuning dan lain-lain unsur kebudayaan yang boleh merosakkan dan mengotori jiwa dan fikiran masyarakat Islam dan Malaysia.

6. menggalakkan penglibatan rakyat yang lebih aktif dan meluas didalam proses pembentukan dasar disemua peringkat masyarakat.

7. mengawal dengan berkesan akan kegiatan dan pengaruh kegiatan yang dijalankan oleh syarikat 'multi-racial'.[78]

Apa yang dibicarakan di atas, merupakan masaalah dalam negeri, juga masaalah luar negeri. Ini menunjukkan bahawa ABIM, selain daripada melibatkan diri dalam politik didalam negeri dan juga luar negeri, atau politik antarabangsa. Masaalah yang dibincangkan adalah berkaitan dengan masaalah masyarakat Islam, terutama di sekitar Malaysia.

---

78 Opcit, ABIM, '<u>Lapuran Tahunan ABIM 1976/77</u>', 1977.

University of Malaya

Ini jelas dari gesaan ABIM kepada kerajaan supaya mengambil tindakan dengan menggunakan jasa baiknya dan pengaruhnya sebagai langkah positif bagi membela nasib dan hak orang-orang Islam di daerah atau wilayah tersebut. Masaalah yang dilihat ialah, masaalah masyarakat minoriti Islam di Philipina dan masyarakat Islam Patani. Dalam hal Pelastine, ABIM menggesa agar kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif lagi di arena politik dan ekonomi antarabangsa bagi membela dan membantu perjuangan membebaskan Pelastine dan Baitul-Muqaddis dari genggaman golongan Zionis.

Untuk menekankan masaalah ini, ABIM telah banyak melakukan kegiatan yang menunjukan ABIM menyokong dan simpati terhadap perjuangan orang-orang Pelastine dalam membebaskan tanah air mereka dari Israel. Dalam hal ini ABIM telah mengadakan cermah-ceramah dimerata tempat, bertujuan untuk menerangkan kedudukan dan masaalah masyarakat Islam di Pelastine, dan menunjukkan ABIM menyokong perjuangan rakyat Pelastine untuk membebaskan Baitul-Muqaddis yang akan dijadikan ibukota Israel. ABIM telah mengadakan Hari Perpaduan Antarabangsa Perjuangan Rakyat Pelastine, di Universiti Malaya, bertujuan untuk mengutuk penakulukan Israel terhadap hak orang-orang Pelastine dan Arab.

Dalam hal politik ini, ABIM tidak membisu terhadap perkembangan politik dan sedar serta waspada terhadap muslihat yang mengancam masyarakat kesejahteraan masyarakat dengan perjuangkan kebenaran dan keadilan serta menghapuskan kejahatan dan kezaliman. Mengikut ABIM seorang 'da'i',[79] mestilah memperjuangkan dan mempunyai keyakinan

---

79 'da'i', ialah bermaksud seorang yang berjuang kejalan Allah, atau orang yang cuba menegakan ugama Allah, yang benar-benar faham akan Islam yang diperjuangkannya, dan memperjuangkan Islam dengan cara yang bijaksana, iaitu berdakwah, oleh itu 'da'i' ialah pendakwah yang sebenarnya.

University of Malaya

terhadap Islam seluruhnya. Dan mempunyai akhlak yang baik dan memperlihatkan sikap dan pemikiran yang selaras dengan nilai Islam. Ini jelas dalam pilihanraya, ABIM menyeru masyarakat supaya tidak mengundi golongan yang anti Islam atau golongan yang menerima Islam sebagai faham yang terpisah dari persoalan masyarakat dan keadilan, tetapi menyokong calun yang mempunyai akhlak yang berteraskan Islam dan mampu bertindak menentang kepalsuan dan kezaliman dalam masyarakat.

ABIM juga menggesa kerajaan supaya mengkaji segala aspek perlaksanaan akta-akta yang selama ini telah banyak disalahgunakan dan bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan Islam. ABIM juga mengutuk pencerobohan Rusia atas wilayah Afghanistan, sebagai serangan dan permusuhan terhadap umat Islam. ABIM juga menyeru umat Islam di Malaysia supaya memberi sokongan terhadap perjuangan masyarakat Islam Afghanistan. Dalam tindakan ini, ABIM telah menghantar nota bantahan kepada Kedutaan Soviet mengenai kemarahan umat Islam terhadap pencerobohan itu. Selain daripada menghantar bantahan, ABIM juga telah menganjurkan satu tunjuk perasaan anti Soviet Rusia, dihadapan Keduataan Rusia di Kuala Lumpur pada 9hb. Januari, 1980.

ABIM juga mengecam dan mengutuk penubuhan negara Israel, dan tindakan ganas yang dilakukan. Juga mengutuk tindakan Anwar Sadat Presiden Mesir dalam tindakannya menyebelahi pihak Yahudi, yang dianggap sebagai pakatan khianat terhadap umat Islam dan Perjanjian Damai itu membawa implikasi buruk kepada rakyat Pelastine dan umat Islam. Ini menunjukan ABIM berpegang kepada prinsip atau pegangan bertindak untuk keadilan dan kembalikan yang hak. Ini menunjukkan penglibatan ABIM dengan politik antarabangsa.

Kalau dilihat, ABIM juga telah melibatkan secara langsung atau tidak dengan politik di kampus-kampus Universiti di Malaysia. Ini adalah melalui institusi Islam yang terdapat di kampus. Ini jelas, kerana dalam kegiatan dakwah, ABIM telah mengadakan satu penyelarasan tenaga dakwah dikalangan siswazah dan kampus. Dimana satu ketika iaitu seksi 1979/80, hampir kesemua kampus atau Persatuan Mahasiswa telah dikuasai oleh golongan yang memperjuangkan Islam, yang tidak menghendaki aktiviti di kampus bertentangan dengan nilai dan norma-norma Islam. Bila berlaku kekalahan golongan ini selepas itu, pemimpin ABIM mengatakan bahawa mereka tidak bimbang dengan apa yang berlaku.[80]

Dari sini menunjukkan ABIM merasa kecewa, betapa golongan yang memperjuangkan Islam tidak dapat diterima oleh masyarakat kampus, terutama yang diwakili oleh orang Melayu dan Islam. Kekecewaan ini bukanlah merupakan satu kegagalan ABIM, tetapi merupakan satu cabaran bagaimana mereka dapat menghadapi golongan terpelajar atau siswazah, untuk meyakinkan mereka dengan perjuangan ABIM. Apa yang diterangkan ini menunjukan ABIM telah melibatkan diri dalam politik kampus-kampus Universiti. Ini juga sebagai strategi ABIM.

<u>ABIM dan Pelajaran</u>

Salah satu tujuan dan matlamat ABIM ialah, untuk menegakan sistem pelajaran atau pendidikan Islam, dan menyampaikan konsep ilmu yang sebenarnya, serta menegakan kesatuan ilmu pengetahuan. Ini

---

80 Temubual dengan Presiden ABIM, Anwar Ibrahim, Asiaweek July, 1980'.

Ini menjadikan ABIM menolah sistem pendidikan sekular, yang mengasingkan ugama dari urusan hidup manusia, dan tidak memberi keutamaan kepada pembentukan peribadi dan akhlak. Sebaliknya menekankan kepada kepandaian dan kemahiran dalam kehidupan ekonomi, dan juga mengajar ilmu sia-sia. Oleh itu ABIM menekankan sistem pendidikan yang berdasarkan kongep dan falsafah Islam, dimana pendidikan sekular dianggap tidak berjaya melahirkan manusia yang sempurna, masyarakat yang berakhlak dan negara yang sejahtera.

Dalam sistem pendidikan dan pelajaran yang dianjurkan oleh ABIM, yang menekankan kepada pendidikan moral dan akhlak, mestilah dalam seluruh sistem pendidikan itu sendiri, dalam susunan persekolahannya, adab dan akhlak guru-guru dan pelajar dan menampakkan keislaman itu sendiri dalam seluruh matapelajaran yang diajarkan atau dianjurkan. ABIM melihat, sistem pendidikan di negara ini mempunyai beberapa kekurangan. Dimana sistem sekular yang digunakan tidak lengkap, kerana banyak kegiatan anti moral dan anti sosial berlaku dalam masyarakat sekarang. Ini sebagai bukti memunjukan sistem pendidikan sekular tidak dapat menghasilkan satu generasi yang berakhlak, yang dapat mempertahankan nilai-nilai yang baik dalam masyarakat, sehinggakan mereka mudah terpengaruh dengan kebudayaan yang meruntuhkan. Kerana tujuan dan matlamat pendidikan yang sebenarnya, ialah memberi makna dan tujuan dalam kehidupan mereka. Dengan ini menjadikan mereka mempunyai kepercayaan yang kukuh, dan supaya setiap belia ingin berbakti kepada nilai yang telah mendidiknya dan membolehkan pendidikan dan kebebasannya sebagai seorang individu.

University of Malaya

Ini kerana pendidikan ialah satu proses penyampaian atau penyambungan dari satu generasi kesatu generasi, dengan cara mempelajari dari seseorang atau pengkajian sendiri. Ini menjadikan pendidikan sebagai proses yang merangkumi dan mempengaruhi segala aspek kehidupan, iaitu kehidupan sosoal dan fizikal. Oleh itu pendidikan Islam yang dianjurkan oleh ABIM, ialah untuk melengkapkan individu dengan ugama dan ideologi mereka. Mereka harus diajar untuk mengenal makna dan tujuan hidup, kehidupan manusia dalam dunia ini, ajaran tauhid, risalah, akhirat risalah, akhirah dan hubungannya dengan kehidupan individu dan masyarakat, nilai-nilai akhlak dalam Islam, sifat dan isi kandungan kebudayaan Islam dan kewajipan serta tanggungjawab seorang muslim. Pendidikan di sini harus mengeluarkan seorang manusia yang mempunyai pendirian dan keyakinan yang kukuh terhadap idealism Islam dalam kehidupan individu dan masyarakat. Oleh itu tujuan pendidikan yang sebanarnya ialah:

1. Pendidikan mesti membolehkan seorang manusia memperolehi nafkah hidup secara jujur, adil dan sederhana.
2. Pendidikan seharusnya mengurmuskan keperluan-keperluan ekonomi, sosial, sains dan teknologi untuk masyarakat.
3. Seharusnya pendidikan itu condong ke arah latihan amali dan vokeysnel, supaya setiap orang dapat mencapai kesetabilan ekonomi dan kemerdekaan sosial.[81]

Kalau dilihat pada sistem pendidikan di Malaysia, adalah sistem pendidikan dan pelajaran yang merupakan sistem pendidikan sekular,

---

81 Prof. Khushid Ahmad, 'Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam', ABIM, KL, 1979, m.s. 25.

University of Malaya

yang dibawa dari barat yang tidak mementingkan pendidikan akhlak dan moral. Dengan ini ABIM telah membuat saranan-saranan dan gesaan kepada kerajaan untuk mengkaji semula sistem pendidikan dan karikulam pendidikan dari pendidikan rendah keperingkat pendidikan tinggi. Ini jelas dalam Muktamar ABIM yang ke 5 merumuskan:

1. ABIM menggesa kerajaan supaya segera mengambil tindakan atau langkah yang wajar bagi mengatasi masaalah keciciran terutama di kawasan luar bandar dan memberi pelajaran percuma sepenuhnya kepada rakyat dari darjah 1 sehingga 5.
2. Menggesa kerajaan mewajibkan pelajaran pelajaran ugama Islam kepada semua pelajar Islam disemua peringkat pengajian dan menerapkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam kedalam sistem pelajaran kebangsaan disemua peringkat, dan menubuhkan Universiti Islam yang tepat merangkumi konsep Universiti sebagai sumber keilmuan dan kepakaran yang berorientasikan Islam.[82]

Dari gesaan dan saranan yang dibuat oleh ABIM, menunjukkan ABIM melihat bahawa dalam Islam menuntut ilmu adalah wajib. Dan juga pengiktirafan sejagat oleh negara-negara maju terhadap pelajaran dan pendidikan itu adalah sebagai hak asasi setiap warganegara, cita-cita negara untuk menghapuskan buta huruf dan menjadikan rakyatnya berpelajaran dan berpendidikan. Juga ABIM memenadang bahawa Islam sahajalah yang dapat menjamin kesejahteraan dan keselamatan hidup dan juga melihat

---

82 Opcit, ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', 1977.

sistem pendidikan adalah yang berkesan sebagai salurun sosialisasi untuk memupuk peribadi yang baik. Oleh itu gesaan yang dibuat oleh ABIM, adalah dianggap sebagai satu cara yang sepatutnya dapat diterima oleh kerajaan dalam menyelesaikan masaalah generasi yang tidak berakhlak dan bermoral tinggi.

ABIM juga dalam tindakannya telah menghantar satu memorandum kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, untuk dikemukakan kepada jawatankuasa Kabinet, yang mendesak Kementerian Pelajaran mewajibkan matapelajaran ugama Islam kepada setiap peringkat persekolahan dan juga pengajian tinggi, dan kelulusan dalam matapelajaran itu adalah wajib dalam peperiksaan. Walaupun bukan kerana gesaan oleh ABIM, kerajaan telah bercadang untuk mewajibkan matapelajaran ugama Islam kepada pelajar-pelajar Islam dan pelajaran moral untuk pelajar bukan Islam di sekolah seluruh negara. Cadangan ini telah disambut baik oleh ABIM, dan ABIM telah menghantar satu lagi memorandum kepada Kementerian Pelajar sebagai tanda menyokong tindakan kerajaan itu. Dengan tindakan ini dapat mengujudkan sistem pendidikan Islam yang dianggap terbaik dan paling berkemampuan untuk menyelesaikan masaalah manusia yang dihadapi oleh masyarakat moden.

Dengan itu ABIM telah mendesak kerajaan agar memberi perhatian kepada:

1. dasar baru mestilah juga meliputi pusat-pusat pengajian tinggi.

University of Malaya

2. Karikulum pelajaran ugama mestilah meliputi ajaran Islam tentang seluruh bidang kehidupan manusia dengan menekankan kepada pembinaan akhlak dan keperabadian Islam dan juga penekanan Islam sebagai penyelesai kepada masaalah moden. Oleh yang demikian nilai akademik haruslah juga diberi kepada amal supaya matapelajaran itu tidak diterima sebagai suatu latihan mental semata-mata.

3. Masaalah kekurangan guru-guru ugama yang berkelayakan hendaklah diatasi dengan segera.

4. Tulisan jawi hendaklah diberi peranan yang lebih besar kerana ia lebih bererti dalam kehidupan orang Melayu dari segi keugamaan dan kebudayaan.

5. Sekolah hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk pelajar-pelajar Islam mengamalkan ajaran-ajaran Islam.[83]

Daripada desakan ABIM ini, didapati tidak semua dari desakan yang dibuat telah diterima dan dipraktikan atau lakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Pelajaran. Hanya yang jelas ialah kerajaan telah mewajibkan matapelajaran ugama disemua sekolah, melatih guru-guru ugama yang berkelayakan dengan mengujudkan sebuah Maktab Perguruan Islam di Kuala Lumpur. Kerajaan juga telah menaikkan taraf guru-guru

---

83 ABIM, '<u>Risalah</u>', Percetakan ABIM, Tahun ke 5, Bil. 4, 1979.

University of Malaya

ugama yang mengajar matapelajaran ugama Islam, yang tanpa mendapat latihan sama dengan guru-guru yang mendapat latihan perguruan. Dalam hal kemudahan beribadat di sekolah-sekolah, kerajaan telah mengarahkan semua sekolah di Malaysia menyediakan sebuah surau untuk pelajar-pelajar muslim mengamalkan ajaran Islam. Ini menjadikan semua sekolah telah menjadikan sebuah kelas sebagai tempat beribadat, dan ada juga sekolah yang telah mendirikan surau sendiri yang memakan belanja yang besar, yang terasing dari bangunan sekolah.

ABIM menekankan pendidikan dan pembelajaran ialah usaha menetapkan atau menganjurkan 'adab'. Apa yang dimaksudkan di sini ialah akhlak sebagai asas pendidikan. Ini jelas dari kata Dr. Mohd. Athiyah al-Asrasyi, tentang tujuan pendidikan Islam:

> '.... pembentukan akhlak dan budi pekerti yang sanggup menghasilkan orang-orang yang bermoral lelaki maupun wanita, jiwa yang bersih, kemahuan keras, cita-cita besar dan akhlak yang tinggi, tahu erti kewajipan dan perlaksanaannya, menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan buruk dan baik ... dan mengingatkan tuhan dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan'.[84]

ABIM memandang pendidikan sekular tidak dapat mencapai matlamat pendidikan yang sebenarnya, dimana pendidikan sekular barat yang berjaya mencabar kekuatan hidup berugama dalam keadaan umat yang lemah dan lesu, gagal mengemukakan garis panduan akhlak yang baru dalam

---

84 PKPIM, 'Koleksi PKPIM Simposium Pendidikan Islam', PKPIM, Bumiprint Corporation, KL, m.s. 63.

mengatur dasar akhlak yang kuat. Ini mengakibatkan masyarakat yang menerima ajaran barat ini menolak nilai hidup berugama dan tradisi, tetapi gagal mengadakan penyelesaian atau mengemukakan pilihan lain. Di sini kita dapati Iqbal mengatakan bahawa:

> 'sistem pendidikan sekular penjajah bertanggungjawab menimbulkan inteligentsia baru, disamping mengenepikan atau mencemuhkan nilai-nilai tradisi termasuk dasar akhlak dan kerukunan hidup berugama telah menimbulkan sikap baru yang mendewakan kebudayaan dan cara hidup barat'.[85]

Sehaluan dengan perkara ini, ABIM menghendaki suasana di sekolah dan di pusat pengajian tinggi amnya, dikalangan pelajar dan tenaga pelajar, mestilah dijadikan suasana beramal, pergaulan dan pembelajaran menurut tradisi ilmu Islam. Dengan dasar ini ABIM telah menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan seperti mengadakan Dewan Pustaka Islam dan Perpustakaan ABIM, yang mana bertujuan untuk memberi kemudahan pembacaan mengenai Islam. Dewan Pustaka Islam ini adalah untuk menyediakan buku-buku Islam pada ahli dan masyarakat dengan harga yang murah. Selain daripada untuk mengumpulkan dan memelihara bahan bacaan Islam untuk penyelidikan dan pengajian. Inilah fungsi perpustakaan Islam yang ditubuhkan oleh ABIM. Terdapat lebih 2,000 naskah buku dan 30 tajuk majalah dalam perpustakaan ini.

Untuk mencapai matlamat ABIM dalam bidang pelajaran dan pendidikan ini, ABIM juga telah membentuk satu tabung yang dikenali sebagai tabung pelajaran ABIM yang ditubuhkan pada 1hb. Jun, 1980.

---

85 ABIM, 'Risalah', Percetakan ABIM, Tahun Ke 5, Bil. 1, 1979.

Ini adalah projek pelajaran dan penyelidikan di bawah Biro Pelajaran dan Penyelidikan JKKP. Tabung ini memberi pinjaman pada pelajar yang memerlukan bagi pengajian, terutama dalam pengajian Islam. Di sini kita dapat lihat tujuan penubuhan tabung ini ialah:

1. untuk memberi keewangan kepada setiap pelajar disemua peringkat persekolahan.
2. untuk ujudkan satu skim pinjaman bagi pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi terutama yang ingin menjadi guru yang menjalankan sistem pendidikan Islam.
3. untuk tubuh dan jalankan sekolah persendirian dengan sistem pendidikan Islam.
4. untuk membiayai perbelanjaan kegiatan pelajaran ABIM.[86]

Di sini jelaslah bahawa, ABIM bertujuan untuk membentuk satu sistem pelajaran dan pendidikan Islam yang berteraskan moral dan etika. Oleh itu menjelaskan ABIM menolak sistem pendidikan barat, bukan ilmu pengetahuannya, kerana sistem pendidikan barat itu yang tidak sesuai diamal. Apa yang tidak sesuai yang dibawa oleh sistem pendidikan barat, adalah kerana sistemnya hanya menekankan kepada individu untuk mencapai atau membolehkan individu bersifat individualistik. Keindividuan ini begitu ditekankan, sehingga manusia mengabaikan perhitungan lain. Perhitungan ini adalah seperti nilai diri dan etika. Ketidaksesuaian sistem ini juga kerana sistem ini dipisahkan dari ugama dan nilai-nilai akhlak, sehinggakan kebebasan menjadi buah mulut tiap-tiap individu.

---

86 Opcit, ABIM, 'Lapuran Tahunan ABIM 1976/77', 1977.

University of Malaya

Sistem ini juga memberi kebebasan kepada individu untuk membesar dan membangun menurut bakat dan kemampuan tanpa menyediakan individu dengan pertahanan diri dari pengaruh luar. Sistem ini juga gagal menghidupkan idea-idea masyarakat, juga gagal memupuk nilai-nilai akhlak dalam sanubari dan jiwa jenerasi muda. Sistem pendidikan ini juga menyempitkan ilmu pengetahuan dan juga melahirkan manusia yang tidak mempunyai asas pegangan hidup.

Oleh itu ABIM cuba mempraktikkan pendidikan Islam, yang dirasakan dapat melahirkan manusia yang mempunyai pendirian dan keyakinan yang kukuh terhadap idealism-idealism Islam dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ini akhirnya akan mengujudkan satu masyarakat atau jenerasi yang benar-benar faham erti kehidupan yang sebenarnya.

# BAB VI

# KESIMPULAN DAN PENUTUP

## Kesimpulan:

### i. Keadaan yang Mengujudkan ABIM:

Oleh kerana ujudnya beberapa keadaan atau suasana didalam masyarakat Islam dan masyarakat keseluruhannya, menjadikan ujudnya ABIM. Keadaan ini dianggap kurang menyenangkan, iaitu mengkagumi tamaddun barat dengan segala ciri bawaannya seperti materialisme, rasionalisme, sekularisme, dan sebagainya, yang menjadikan kehilangan harga diri. Keadaan ini telah mencetuskan semacam kemelut pemikiran dan pencemaran alam budaya dalam masyarakat Islam semasa. Juga ujud satu gerakan modenis tidak menjurus dengan tepat kearah pemurnian Islam, sebaliknya lebih bersifat mereformasikan Islam atau setidak-tidaknya memberi tafsiran baru terhadap Islam dengan menggunakan kacamata barat.[87]

Inilah masaalah dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Malaysia dan seluruhnya. Masaalah ini ialah, ketidakfahaman tentang konsep-konsep dan sistem-sistem yang menyeluruh dalam Islam. Juga penjajahan kolonial yang memisahkan Islam dari soal-soal kenegaraan. Ini menjadikan Islam dihayati dengan pasif, dan mengujudkan kegelisahan di kalangan belia Islam. Inilah mengujudkan ABIM, untuk membetulkan keadaan ini. Kegelisahan ini kerana pengamalan ekonomi yang mengujudkan penindasan dan eksploitasi, penyelewengan politik dengan penyalahgunaan kuasa dan kuat-kuasa, peniruan kebudayaan yang meruntuhkan moral, dan sebagainya.

---

87 ABIM, 'Risalah', Percetakan ABIM, Tahun Ke 6, 1980, Bil. 4, 1980.

University of Malaya

Selain daripada di atas, terdapat juga keadaan dimana ujud perubahan budaya dalam masyarakat Islam dan keseluruhannya, atau pengaliran budaya. Ini menjadikan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Islam, telah berubah kepada mengikuti budaya yang meruntuhkan moral. Ini kerana proses pembangunan yang dijalankan, berteraskan kepada pembangunan kebendaan, tidak kepada pembangunan moral. Pembangunan inilah yang tidak dapat diterima oleh segolongan belia Islam. Ini menjadikan ABIM dibentuk untuk perubahan ini, yang menunjukan pembangunan atau modenisasi tidak dapat diterima oleh semua golongan masyarakat Islam.

Terdapat juga keadaan dimana, ujud 'perception of injustice', yang menjadikan ketidakadilan sosial ujud, akibat dari sistem sosial yang ada. Ini menjadikan individu merasa terasing dan kecewa, dan mereka inilah yang melahirkan ABIM, untuk menetang ketidakadilan sosial itu. Ketidakadilan ini kerana di Malsyia terdapat monopoli oleh segolongan masyarakat didalam politik dan ekonomi, dan menggunakannya untuk menekan golongan yang tidak mempunyai apa-apa kuasa, baik politik atau ekonomi.

Keadaan 'corruption', ketidakseimbangan sosial, ketidakadilan sosial dan sebagainya, yang terdapat di Malaysia, sebagai keadaan sosial yang mengujudkan ABIM. Ini menjadikan ABIM menggunakan Islam sebagai ideologi untuk menyelesaikan masaalah yang ujud dalam masyarakat Malaysia, yang kurang teratur. Islam dianggap oleh ABIM sebagai satu yang sesuai, kerana Islam merupakan ugama yang mementingkan keadilan dan kesempurnaan sosial. Dan keadilan inilah yang diperjuangkan oleh ABIM.

University of Malaya

Keadaan masyarakat Islam di Malaysia dan umumnya, sudah mengabaikan dasar-dasar, norma dan nilai Islam yang sebenarnya, yang menjadikan ujud keadaan yang tidak tenteram. Pengabaian Islam sebagai satu cara hidup, menjadikan ABIM sebagai satu gerakan yang cuba mengembalikan semula masyarakat Islam, supaya dapat menghayati Islam yang sebenarnya. Ini menjadikan ABIM sebagai satu badan pendakwah untuk mencapai tujuannya.

Ini menjadikan ABIM membentuk struktur pergerakannya yang mempunyai ideologi yang diperjuangkan, iaitu Islam, dimana kesempurnaan ideologi yang diperjuangkan ini melahirkan 'a sense of group identity and solidarity ... ',[88] yang menjadikan mereka memperjuangkan satu matlamat. Dari sinilah mengujudkan pemimpin ABIM, yang menjadikan ABIM sebagai gelanggang baru didalam melahirkan satu persambungan perjuangan PKPIM, yang ingin menjadikan Islam sebagai satu penerusan yang perlu ditegakkan dalam kehidupan manusia, sebagai suatu yang sempurna.

Pemimpin yang lahir dari keadaan yang ujud dalam masyarakat, adalah pemimpin yang mempunyai karisma, yang menjadikan mereka sebagai ejen perubahan masyarakat. Inilah yang menjadikan ABIM dapat bergerak, dan mendapat simpati dari masyarakat umum, kerana kebolehan dan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka, selain daripada ketabahan dan kecekalan yang tinggi dalam perjuangan. Ini menjadikan mereka dapat menarik ramai belia Islam kedalam ABIM, untuk dijadikan kader dakwah untuk

---

88 M. Zulfikar Mohd., 'Dakwah Movement ini Singapore, its Social & Political Orientation', Academic Exercise, Dpt. of Political Science, US, 1978/79, m.s. 10.

University of Malaya

mencapai matlamat dan tujuan ABIM. Inilah yang menjadi tenaga pergerakan ABIM.

Dalam aspek politik, ABIM menentang penyalahgunaan kuasa politik, rasuah, penyelewengan dan sebagainya yang berleluasa didalam masyarakat Malaysia. Ini dianggap sebagai fenomena sejagat, terutama di negara yang mengamalkan ideologi ciptaan manusia, iaitu sosialis, komunis, demokrasi dan sebagainya, yang kurang sempurna. Islam sajalah yang dapat melahirkan satu politik yang sempurna, yang berdasarkan keadilan.

Begitu juga dalam ekonomi, dimana ABIM cuba untuk menegakan satu sistem ekonomi Islam yang berdasarkan sistem zakat dan keadilan. ABIM melihat ekonomi yang diamalkan sekarang ini, ekonomi kapitalis, adalah merupakan satu eksploitasi terhadap gologan yang tidak berdaya, yang mengkayakan golongan yang telah kaya. Bentuk eksploitasi ini dapat dilihat seperti pemerasan dan penindasan. Dengan Islam, ABIM cuba untuk menentang perkara ini, dan membela golongan yang menderita tanpa mengira kaum dan ugama.

Selain daripada itu, ABIM melihat terdapat kecacatan didalam aspek-aspek sosial masyarakat Malaysia. Keadaan ini seperti, menganggap wanita sebagai barang dagangan atau alat memuaskan nafsu lelaki, arak dan judi sebagai satu kegiatan, pendidikan yang meninggalkan pendidikan moral, sekatan dalam berfikir dan bersuara dan sebagainya. Ini sebagai ketidaksempurnaan sosial. Inilah yang cuba untuk dibenteras oleh ABIM, dengan menggunakan Islam sebagai dasar penyelesaiannya.

University of Malaya

Terdapat juga penyerapan budaya asing dalam budaya Islam atau timur, dan budaya ini telahpun mempengaruhi belia Islam. Ini menjadikan mereka tidak dapat menilai hidup mereka sebagai seorang individu dan anggota masyarakat. Hanya Islam yang dapat menjadikan manusia mempunyai harga diri. Inilah yang menjadikan ABIM ujud, dan cuba untuk membentulkan keadaan ini, serta menolak faham perkauman yang timbul akibat dari 'xenophobia', yang melahirkan kebencian terhadap bangsa lain, lantaran sikap terlalu mengagungkan bangsa sendiri. Apa yang cuba untuk diujudkan oleh ABIM ialah satu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan, kemulian dan keperabadian insan.

Dari keadaan dan suasana yang terdapat didalam masyarakat Malaysia dan amnya, menjadikan ujudnya ABIM sebagai pengubah kepada suasana dan keadaan ini.

ii. <u>ABIM dan Pergerakan Sosial:</u>

ABIM ujud kerana keadaan dan suasana dalam masyarakat, keadaan ini adalah sebagai masalah sosial, 'as simply kind of social movement'.[89] Keadaan inilah yang hendak diselesaikan oleh ABIM, iaitu ketegangan dan ketidaksempurnaan sosial, disebabkan oleh masyarakat Islam tidak mengamalkan Islam yang sebenarnya, sebagai satu cara hidup. Ini menjadikan ABIM sebagai sebuah pergerakan sosial yang boleh di anggap sebagai 'reform movement'.

ABIM sebagai 'reform movement', ialah kerana cuba untuk memperbaiki atau mengubah masyarakat di Malaysia sebagai satu keseluruhan, iaitu melalui memperbaiki struktur tertentu dalam

89 Opcit., Ralph H. Tunner & Lewis M.Killian., '<u>Collective Behavior</u>', m.s.

masyarakat, terutama ekonomi, politik dan sosial. Ini menjadikan ABIM satu pergerakan yang cuba untuk mengubah sikap masyarakat terhadap Islam, perlakuan yang tidak sesuai atau bertentangan dengan Islam dan perhubungan sosial yang berbentuk individualistik serta juga cuba untuk mamperbaiki beberapa aspek tertentu dalam peraturan sosial yang ada.

Walaupun ABIM menggunakan ideologi Islam sebagai dasar perjuangan, tetapi ianya tidak boleh dikatakan sebagai pergerakan ugama, kerana ABIM sebagai organisasi belia Islam, yang menggunakan Islam, bukan merupakan satu pergerakan yang diwakili oleh semua golongan dalam masyarakat Islam. Atau dengan kata lain tidak merupakan pergerakan yang menyeluruh dengan penyertaan semua orang-orang Islam di Malaysia. Ini menjadikan ABIM sebagai 'reform movement', dalam pergerakannya dan tidak sebagai 'religious movement'.

Dimana tujuan pergerakan ABIM ialah, untuk membetulkan keadaan masyarakat, yang dianggap kurang sempurna. Atau membaharui dan memperbaiki keadaan masyarakat. Dari sifat pergerakan ABIM, sebagai 'reform movement', menjadikan ABIM tidak radikal dalam tindakkannya, untuk mencapai matlamat dan tujuan pergerakannya. Oleh itu bolehlah dikatakan ABIM sebagai ajen perubahan masyarakat, iaitu mengubah masyarakat dari keadaan yang ada sekarang kepada satu keadaan yang baru, yang dirasakan paling baik. Ini menjadikan aktiviti-aktiviti ABIM adalah 'socially shared activities and beliefs toward to the demand for change in some aspect of the social order'.[90]

---

90 Joseph R. Gusfield., 'Protest, Reform and Revolt'- A Reader in Social Movement', John Wiley & Son Inc., NY, L970, m.s. 2

University of Malaya

Ini menjadikan ABIM, sebagai '... a voluntary association of people engaged in a concerted efford to change attitudes, behevoir, and social relationship in a large society, or to modify certain aspects of the existing social order'.[91] Dari sinilah kita dapat katakan ABIM sebagai satu pergerakan sosial, yang menggunakan Islam sebagai ideologi pergerakannya. Inilah yang menjadikan satu keyakinan dan harapan yang kuat dalam pergerakan ABIM. Ini menjelaskan ciri dan peranan ideology;

> 'An ideology is inevitable for it provides firstly, a clear statement of purpose and objective of the movement; secondly, it presents a set of critisms attacking the part of the part of the social order it seeks to change; thirdly, it makes possible an explanation or 'defence doctrine' to justify its objective and criticism and the need to change; fourtly, an ideology provides a code of principle with regards to the theoretical and practical operation of the movement; lastly, the myth that gives hope and confidence'.[92]

Daripada aktiviti yang dilakukan juga, membolehkan kita menilai ABIM sebagai satu pergerakan sosial. Di mana semua aktiviti yang dijalankan sebagai aktiviti dakwah, iaitu cuba untuk memperkenalkan sistem kehidupan Islam dalam berbagai aspek kehidupan seperti, pendidikan, ekonomi, sosial dan politik serta kepercayaan. Disebabkan tujuan ABIM untuk memperkenalkan satu yang baru dan mengubah yang telah sedia ada dalam masyarakat, menjadikan ia sebagai satu pergerakan sosial.

---

91 Gorge A. Lundbery., '<u>Sociology</u>', Harper & Raw Pub., Lon., 1968, m.s. 631

92 Opcit., M.Zulfikar Mohd., '<u>Dakwah Movement in Singapore</u>', m.s. 10

BIBLIOGRAFI:

Allyn, Charles., 'Sociology - An Introduction', Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, 1972.

Backer, Howard. & Backoff, Alvin., 'Modern Sociological Theory', The Dryder Press, New York, 1975.

Banks, J.A., 'The Study of Social Movement', The Magmillian Press Ltd., London, 1972.

Baldridge, Victor.J., 'Sociology - A Critical Approach to Power, Conflict and Change', John Wiley & Son Inc., New York, 1975.

Bates, Alan.P., & Julian, Joseph., 'Sociology - Understand Social Behevior', Houghton Mifflin Com., Boston, 1975.

Berschall, Anthony., 'Social Conflict & Social Movement', Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1973.

Broom, Loenard. & Philip Selznick., 'Sociology: A Text with Adopted Readings', Harper & Raw Pub., New York, 1977.

Dmerath, N.J. & Marwell, Gerald., 'Sociology - Perspectives & Applications', Harper & Raw Pub., New York, 1976.

Etzioni, Amitai., 'Modern Organization', Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1964.

Faris, Robert E.L.,(Ed) 'Handbook of Modern Sociology', Rand Mc Molly & Com., Chicago, 1964.

Gusfield, Joseph.R., 'Protest, Reform and Revolt - A Reader in Social Movement', John Wiley & Son Inc., 1969.

Hicks, Herbert G., & Gullett, C.Ray., 'Organization - Theory and Behevior', McGraw-Hill Book Com., 1975.

Himes, Joseph S., 'The Study of Sociology - An Introduction', Scott Foresmen Com., 1968.

Horton & Hunt., 'Sociology', McGraw-Hill Kogakusha Ltd., Tokyo, 1972.

Lundbery, Gorge A., 'Sociology', Harper & Raw Pub., New York, 1968.

Ismail Ariffin., 'Peranan Pelajar Dalam Membina Masa Depan Dunia Islam', Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur, 1978.

Mauss, Armund L., 'Social Problem as Social Movement', J.B.Cippincott Com., New York, 1975.

Mc Kee, James B., 'Introduction to Sociology', Holt Rinehart & Winston Inc., New York, 1969.

Mervill, Francis E., 'Society & Culture - An Introduction to Sociology', Prentice-Hall Inc., New Jersey, 1969.

Morgan & King., 'Introduction to Psychology', McGraw-Hill Kogakusha Ltd., Tokyo, 1975.

M.Zulfikar Muhammad., 'Dakwah Movement in Singapore, its Social and Political Orientation', Academics Exercise, Dept. of Political Science, University of Singapore, 1978/79.

Park, Robert E. & Burgess, Ernest W., 'Introduction to Sociology', Morris Janowith - The UCP, Chicago, 1969.

Popenoe, David., 'Sociology', Prantice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey. 1977.

Rose, Arnold M. & Rose, Caroline B., 'Sociology - The Study of Human Relationship', Alfred A.Knopt, New York, 1969.

Rush, Gary B. & Denisoff, R.Serge., 'Social and Political Movement', Appleton Century Crafts, Education Division, Meredith Corporation.

Rogers, Everett M. & Burdge, Rabel J., 'Social Change in Rural Societies', Appleton Century Crafts, Education Division, Meredith Corporation, 1972.

Seidenberg, Bernard. & Sradowsly, Alvin., 'Social Psychology - An Introduction',

Sortono Kartodirdjo., 'Protest Movements in Rural Java', Oxford University Press., London, 1973.

Spencer, Metta., 'Foundations of Modern Sociology', Prentice-Hall Inc., 1976.

Silverman, David., 'The Theory of Organization', Heinemann, London, 1974.

S.Abul A'la Maududi., 'Economic Problem of Man and its Islamic Solution', Islamic Publication Ltd., Lahore, Pakistane, 1968.

Tunner,Ralph H. & Killian Lewis M., 'Collective Behevior', Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1972.

Wallace, Anthony F.C., 'Revitalization Movement', Dlm, 'American Antro-pologist', Jilid 58, 1956.

Zander, J.W.Vonder., 'Sociology - A Systematic Approach', The Ronald Press Com., New York, 1970.

Zamanhuri Hj. Shamsuddin., 'Simposium Pendidikan Islam', Kumpulan Kertas Kerja PKPIM, Bimuprint Corp., Kuala Lumpur, 1979.

Toch, Hans., 'The Social Psychology of Social Movement', Methuen & Co. Ltd., London, 1966.

Bacaan Tambahan:

Blau, Peter M., 'The Dynamics of Bureaucracy', University of Chicago Press, Chicago, 1955.

Coser, Lewis A., 'The Functions of Social Conflict', Routledge & Kegan Paul, London, 1965.

Anwar Ibrahim., 'Islam - Penyelsaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk', ABIM, Pakar Print Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. 1979.

Prof.Khurshid Ahmad., 'Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam', ABIM, Bumiprint, Kuala Lumpur, 1979.

Ibrahim Embong., 'Konsep Dakwah', Jawatankuasa Kecil Pelancaran Bulan Dakwah Se Malaysia 1978, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1978.

Secord, P.F., and Backman, C.N., 'Social Psychology' (Rev. ed), McGraw-Hill, New York, 1974.

Wrightsman, L.S., 'Social Psychology in the Seventies', Montery, Califf:, Brooks/Cole. 1972.

Blumer, Herbert., 'Collective Behevior', in Alfred M.Lee (ed), 'New Outline of the Principle of Sociology', Barnes & Noble Inc., 1953.

Hornby, A.S., Catenby, E.V. & Wakefielf, H., 'The Advanced Learner's Dictionary of Current English', ELBS, Oxford U.Press, London, 1973.

University of Malaya

Bahan Bercetak ABIM, Majalah dan Akhbar:

ABIM., 'Perlembagaan Angkatan Belia Islam Malaysia', ABIM, 1978.

ABIM., 'Muktamar Sanawi ABIM', Percetakan ABIM, Kuala Lumpur.

ABIM., 'Lapuran Tahunan ABIM', Percetakan ABIM, Kuala Lumpur.

ABIM., 'Al-Balagh', ABIM Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

ABIM., 'Perspective', The International Relations Committee, ABIM, Kuala Lumpur.

ABIM., 'Risalah', Percetakan ABIM, Kuala Lumpur.

ABIM., 'Peristiharan 6 Dhul Al-Hijjah 1395', Percetakan ABIM, Kuala Lumpur, 1975.

Yayasan Anda., 'Panji Masyarakat', Syk. Penerbitan Panji Masyarakat, Bil. 11, Tahun 2, Okt.1977, Kuala Lumpur.

Ibid., 'Panji Masyarakat', Jan/Feb. 1980.

Al Islam., Bil. 4., 15/4/1977, Kuala Lumpur.

Dakwah., Bil. 15, Mei 1978, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia., 'ABIM diarah putus hubungan dengan pertubuhan luar', Utusan Melayu (M) Bhd., 22/10/1980, Kuala Lumpur, 1980.

Sarina., 'Konsep Kepimpinan Islam', oleh Abdul Mohd Ali, Kel. 44, Nov. 1979, Amir Enterprise Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1979.

University of Malaya